

PERAMAN DAN SUMBERAN PENULIS PENULIS
NEZAM SAMBIL AN DUE AN PERKAWANGAN
KESUSASTERAAN MELAYU MODEN

BUSINA BINTI HAN SUKAIMAN

JABATAN PERPUSTAKAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEHIMPUNAN DAN KEAMUSIAAN
UNIVERSITI KERAJAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SIS 1962 / 89

PERANAN DAN SUMBANGAN PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM PERKEMBANGAN
KESUSASTERAAAN MELAYU MODEN

ROSLINA BINTI HAJI SULAIMAN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1988/89

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIIM

" Bahawasanya di dalam kejadian langit dan bumi, dalam bergantian dengan siang itu sudah dapat merupakan bukti kekuasaan Allah bagi orang yang suka menggunakan akalanya. Mereka itu ialah orang-orang yang suka mengingat-ingat kepada Allah, baik di waktu berdiri atau duduk ataupun sedang tidur, lagi pula suka memikirkan-mikirkan perihal kejadian langit dan bumi. Ia pasti akan dapat mengatakan: Ya Tuhan kami, Engkau menciptakan semua ini tidaklah dengan sia-sia (tanpa ada kemanfaatannya), Maha Suci Engkau, maka lindungilah kami dari siksa api neraka."

{Ali-Imran: 190 - 191}

PENULISAN INI

Kutitipkan

Buat ayahanda,

Bonda yang telah pergi

Keluarga

Dan Abang Nor Shaary

..... yang sentiasa mendoakan.

Pengertian dan pengorbanan kalian
tetap kukenangi.

Ina - SMN

.. UKM ..

" Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedah yang kamu lakukan itu ialah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan maka kesannya yang buruk akan berbalik kepada diri kamu juga."


{Surah Isra' ayat : 7}

PENGAKUAN

" Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

5hb Mac 1989

Tarikh


.....
RUSLINA HAJI SULAIMAN.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selamat dan Salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W, kekasih Allah. Semoga rahmatmu jua sentiasa dititipkan agar dapat diperolehi keberkatan dan kebahagiaan hidup ini. Insyallah.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin Allah jua maka kajian ini telah dapat disempurnakan dalam bentuk yang seadanya ini. Penulis amat menyedari akan kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam kajian ini. Sebarang kritik dan teguran sangat-sangat penulis alu-alukan demi mencapai tahap kecemerlangan ilmu lebih-lebih lagi disiplin yang penulis kaji.

Penulis ingin mengambil peluang ini merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Drs. Ramli Isin (penyelia) penulis yang telah banyak memberikan kerjasama, nasihat serta menunjukkan minat dan kesungguhan dalam membimbing penulis menyalakan kajian ini. Tanpa adanya sokongan, minat dan kesungguhan beliau tentulah ini tidak dapat disempurnakan. Terima kasih juga penulis rakamkan kepada pihak Perpustakaan Tun Sri Lanang, IBHEM, Jabatan Persuratan Melayu dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, pihak Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), para penerbit dan para penulis atau sasterawan yang turut memberikan bantuan.

Buat keluarga dan RYNA'S, pengorbanan dan pengertian kalian amat dihargai. Juga terima kasih penulis tujukan kepada saudara Rohana Nawi dan Fatimahwati dari USProf serta Encik Shariff Hj. Ahmad dan Kak Zu yang telah sudi menaip dan menyempurnakan latihan ilmiah ini sehingga selesai.

RUSLINA HAJI SULAIMAN
SRI ADHAQ, KAMPONG KATA
72288 BATU KIKIR
NEGERI SEMBILAN.

SINOPSIS

Sejak dari zaman kolonial, selepas merdeka sehinggalah kini, bidang kesusasteraan Melayu moden telah berkembang. Di dapati ramai penulis karya kreatif imaginatif yang berasal dari berbagai negeri di tanahair kita. Merekalah yang bertanggungjawab memberikan sumbangan dan mempertingkatkan lagi nilai kesusasteraan Melayu.

Bab Pertama, pengkaji membicarakan tentang latar belakang penglibatan penulis-penulis Negeri Sembilan sejak kemunculan Allahyarham pendita Za'ba. Ini meliputi juga pembicaraan terhadap peranan badan percetakan Melayu Kuala Pilah. Tinjauan juga dibuat terhadap kejayaan-kejayaan yang pernah dicapai oleh penulis-penulis Negeri Sembilan dalam bidang-bidang yang mereka ceburi.

Bab Kedua, membincangkan pula tentang sumbangan dan kegiatan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dalam usahanya memperkembangkan bidang kesusasteraan Melayu moden di negeri itu khasnya dan Malaysia amnya.

Bab Ketiga dan Keempat, membicarakan tentang karya beberapa orang penulis Negeri Sembilan berdasarkan kepada karya-karya yang difikirkan baik. Namun, karya-karya yang memenangi Hadiah Karya Sastera atau Sayembara juga akan diambil kira. Penganalisaan karya adalah berkisar di sekitar aspek tema dan struktur.

Bab Kelima atau bahagian kesimpulan, pengkaji memberikan rumusan terhadap pembicaraan sebelumnya. Pengkaji juga mengemukakan beberapa pandangan atau seranan terhadap seluruh kegiatan penulisan karya sastera kreatif imaginatif di Negeri Sembilan dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu penulisan sastera tanahair, khususnya peranan dan sumbangan oleh badan penulisnya sendiri iaitu PEN.

KANDUNGAN

PENGAKUAN		iii
PENGHARGAAN		iv
SINOPSIS		v
KANDUNGAN		vi
SINGKATAN		xiii
PENDAHULUAN		1

BAB I

LATAR BELAKANG PENGLIBATAN PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM ARENA PERKEMBANGAN
KESUSASTERAAAN MELAYU MODEN.

Pengenalan	7
Penglibatan Penulis-Penulis Negeri Sembilan Dalam Dekad 20-an hingga 50-an	8
Penglibatan Penulis-Penulis Negeri Sembilan Dalam Dekad 60-an hingga 80-an	31
Kajayaan-Kojayaan yang dicapai Oleh Penulis- Penulis Negeri Sembilan	51

BAB II

PERSATUAN PENULIS-PENULIS NEGERI SEMBILAN (PEN)

Pengenalan	59
Fra Penubuhan	60

Sejarah Kelahiran dan Hal-hal yang Mendorong Penubuhan	61
Kalimat Penubuhan	63
Sumbangan dan Kegiatan PEN Dalam Memperkembangkan Kesuzasteraan Melayu Moden	64
Memperjuang serta Mempertahankan Hak-hak Kepentingan dan Kebajikan Ahli.	65
Menerbitkan Lidah rasmi PEN dan Mengusahakan Penerbitan Hasil-hasil Karya Ahli	69
(a) Menerbitkan Majalah <u>Suria</u> dan <u>Suara karya</u>	69
(b) Menerbitkan Buku Antologi Puisi:-	
Antologi Puisi <u>Serunai Hati</u> , <u>Gema Pertama</u> dan <u>Gema Suara</u>	72
Antologi <u>Gema Serunai Hati II</u>	74
Antologi <u>Desiran Aidilfitri</u> dan <u>Merafaq Sembah</u>	74
Berusaha Untuk Meningkatkan Bakat Penulis	76
(a) Kursus Penulisan	76
(b) Bengkel Penulisan Kreatif dan Kursus Intensif Penulisan Kreatif PEN 1983.	77
(c) Kursus Penulisan Berita dan Rencana	80
Berhubung serta Bekerjasama dengan Badan-Badan Penulis	82
(a) Malam Puisi Tanabair dan Diskusi Sastera 1981	82
(b) Mini Simposium Hadiah Puisi Putera	86
Menghantar Wakil-wakil Persatuan Ke Persidangan atau Perjumpaan Penulis-penulis Negara atau Antarabangsa	89
Menjalankan Langkah-Langkah yang Selaras dengan Dasar dan Tujuan-Tujuan PEN	91
(a) Sayembara Carul Khusus PEN-1	91

(b) Kegiatan PEN di Peringkat Daerah.	94
Kesimpulan.	95

BAB III

ANALISIS TERHADAP TEMA DAN PERSOALAN KARYA

Pengenalan	98
Tema dan persoalan	99
Analisis Tema dan Persoalan Kumpulan Puisi <u>Pesisir Waktu dan Warna Maya</u>	101
Pendahuluan	101
Kumpulan Puisi <u>Pesisir Waktu</u>	101
(a) Tema Permasalahan Diri	102
(b) Tema Kemandirian Diri	108
(c) Tema Sosioekonomi	116
(d) Tema Alam	119
Kesimpulan	123
Kumpulan Puisi <u>Warna Maya</u>	127
(a) Tema Cintakan Tanahair	129
(b) Tema Petani dan Kehidupannya	132
(c) tema Objek-objek Tertentu	138
(d) Tema Mengenai Hubungan Alam	148
(e) Tema Semangat Kebangsaan	144
(f) Tema Permasalahan Diri	147
Kesimpulan	149

Analisis Tema dan Persoalan Novel :-	151
Pengenalan	151
Sinopsis Novel <u>Hidayah</u>	151
Tema dan Persoalan	153
(a) Persoalan Keagamaan	155
(b) Persoalan Kenegerian dan Kesukuan	159
(c) Persoalan Penghijrahan	160
(d) Persoalan Moral	161
Kesimpulan	164
Sinopsis Novel <u>Jejak Pulang</u>	164
Tema dan Persoalan	166
(a) Tema dan Persoalan Tentang Adat Perpatih	166
(b) Tema dan persoalan Semangat Gotong Royong dan Adat Resam	170
(c) Tema dan Persoalan Kemiskinan dan Kemunduran Masyarakat	171
Kesimpulan	171
Analisis Tema dan Persoalan Cerpen-cerpen Ali Majod dan Dharmala N.S;-	174
Pendahuluan	174
Ulasan Ringkas Cerpen-cerpen Ali Majod	176
Tema dan Persoalan Cerpen-cerpen Ali Majod	179
(a) Tema dan Persoalan Masalah Sosial	181
(b) Tema dan persoalan Ekonomi dan Pembangunan	186
(c) Tema dan Persoalan Psikologi	190

(d) Tema dan Persoalan Keagamaan	192
Kesimpulan	202
Ulasan Ringkas Cerpen-cerpen Dharmala N.S	204
Tema dan Persoalan Cerpen-cerpen Dharmala N.S.	206
Kesimpulan	210
<u>Analisis Tema dan Persoalan Drama Atap Genting Atap Rumbia</u>	211
Tema dan Persoalan (Pemikiran) Drama <u>Atap Genting Atap Rumbia</u>	213
Kesimpulan.	216

BAB IV

ANALISIS STRUKTUR KARYA

Teknik Penulisan Dalam <u>Pesisir Waktu</u>	217
(a) Penyusunan dan Pembahagian Idea	217
(b) Gaya Bahasa: Diksi	220
Metafora	221
Simile	223
Personafikasi	224
Imej	226
Teknik Penulisan Dalam <u>Warna Maya</u>	232
Pendahuluan	232

(a) Gaya Bahasa :Diksi (Pemilihan Kata)	235
Penggunaan Lambang (simbol)	236
Personafikasi	241
Imej dan Imejan	242
(b) Unsur Bunyi - (Rima)	243
 Analisis Struktur - Novel	251
(a) Teknik Penulisan dan Plot <u>Hidayah</u>	251
(b) Watak dan Perwatakan	253
(c) Gaya Bahasa	260
 Analisis Struktur Novel <u>Jejak Pulang</u>	266
(a) Teknik Penulisan dan Plot <u>Jejak Pulang</u>	266
(b) Gaya Bahasa	268
(c) Latar	273
(d) Watak dan Perwatakan	275
 Analisis Struktur - Cerpen :-	280
(a) Teknik Penulisan dan Plot Cerpen-cerpen Ali Majid	280
(b) Watak dan Perwatakan	283
(c) Teknik Pengolahan dan Gaya Bahasa	287
 Analisis Struktur Cerpen-cerpen Dharmala N.S.	295
(a) Teknik Pengolahan dan Plot Cerpen-cerpen Dharmala N.S.	295
(b) Watak dan Perwatakan	299
(c) Teknik Pengolahan dan Gaya Bahasa	301

Analisis Struktur - Drama	305
(a) Watak dan Perwatakan Drama	305
(b) Gaya Bahasa atau Dialog	308
(c) Latar	313

BAB V

KESIMPULAN	318
------------	-----

LAMPIRAN A - Gambar Tokoh dan Biodata Penulis	323
---	-----

LAMPIRAN B - Soal Selidik	365
---------------------------	-----

LAMPIRAN C - Perlembagaan PEN	392
-------------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	404
-------------	-----

SINGKATAN

ASAS NEGERI	- Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan
ASAS 50	- Angkatan Sasterawan 50
ed	- Editor
DBP	- Dewan Bahasa dan Pustaka
DD	- Dalam Diri
GAPENA	- Gabungan Persatuan Penulis Nasional
hlm	- Halaman
Ibid	- di tempat yang sama
JMBRAS	- Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society
LLDP	- Lampu-lampu di Felabuhan
PEN	- Persatuan Penulis-Penulis Negeri Sembilan
PESAN	- Peminat Sastera Negeri Sembilan
PERSAS	- Persatuan Sasterawan Selatan Tanahair (Tampin)
PENSIL	- Persatuan Sasterawan Kuala Pilah, Negeri Sembilan
PINTAR	- Persatuan Penulis Rembau - Tampin
Payu	- Penyusun
P.W	- Pesisir Waktu
RTM	- Radio Televisyen Malaysia
Vol	- Volume

PENDAHULUAN

Kesusasteraan Melayu Baru (moden) bukan merupakan satu bentuk pernyataan yang muncul secara mendadak tetapi lebih merupakan satu persembungan dari bentuk-bentuk yang memang telah sedia wujud di dalam masyarakat Melayu sebelumnya. Maka dengan kelahiran Kesusasteraan Melayu Baru bukanlah sama sekali dirangsang oleh kecenderungan untuk menjelmakan pembaharuan dalam pengucapan sastra. Ia bukan juga merupakan akibat langsung dari satu macam kesedaran sosiobudaya atau secara sedar timbul dari kesedaran baru terhadap proses penciptaan.¹

Apa yang sebenarnya berlaku ialah peralihan yang amat bersahaja tetapi pasti dari sastra tradisional yang lahir dari masyarakat feodal negara kota atau dari kalangan kaum tani yang buta huruf kepada suatu suasana pengucapan yang berlainan.

Faktor terpenting yang menjadi daya penggerak di dalam perkembangan Kesusasteraan Melayu Baru, seperti yang terlihat dalam bentuknya yang ada sekarang ialah alat

¹Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad dan Johan Jaafar, (penyelenggara.), Sejarah Kesusasteraan Melayu Jil. 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981), . hal. 1.

cetak. Dengan adanya percetakan, Kesusasteraan Melayu Baru tersebar dengan lebih luas dan menyeluruh di dalam masyarakat Melayu.

Di Tanah Melayu (kini Malaysia) sejarah percetakan bermula di Pulau Pinang di sekitar tahun 1806 dan ia diasaskan oleh A.B.Bone.¹ Beliau telah menerbitkan sebuah akhbar yang pertama berjudul The Government Gazette pada 1 Mac 1806, yang juga merupakan suratkhbar yang pertama muncul di Tanah Melayu. Beberapa tahun kemudian muncul pula akhbar kedua berjudul The Penang Register and Miscellany yang diusahakan oleh Norman Mac Alister McIntyre. Pada tahun-tahun 1820-an barulah tertubuh badan percetakan kerajaan yang pertama di bawah pentadbiran Syarikat Inggeris Hindia Timur dan pada tahun 1824 terbitlah akhbar The Government Gazette Prince of Wales Singapore and Malacca bagi menggantikan akhbar The Penang Register and Miscellany yang memberhentikan pengeluarannya.²

Registan percetakan yang agak meluas di Tanah Melayu dikatakan bermula di Singapura di sekitar tahun 1819 dengan badan percetakan yang pertama tertubuh di pulau itu bernama The Mission Press yang diusahakan oleh

¹Cecil K. Byrd, Early Printing In The Straits Settlements 1806 - 1888 (Singapore: Singapore National Library, 1978), hlm. 3.

²Taha Abd. Kadir, "Perkembangan Percetakan Melayu di Negeri Sembilan: Hubungannya Dengan Perkembangan Pendidikan," Karisan [(PSM) Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan, 1984], hlm. 3.

Samuel Milton dan Claudius Henry Thomsen.¹ Di samping Samuel terdapat juga nama Benjamin Peach Kaesberry yang dikatakan pernah bergiat di bidang yang sama.

Besar kemungkinan Kaesberry dengan badan percetakan kelolaannya telah menerbitkan sebuah majalah pertama bercetak dalam bahasa Melayu diberi judul Cermin Mata pada bulan September 1838.²

Perkembangan percetakan terus pesat di Tanah Melayu mulai tahun 1834 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Perkembangan ini adalah disebabkan bertambahnya kadar kebolehan membaca di kalangan penduduk di Semenanjung Tanah Melayu akibat perkembangan pendidikan sekular yang telah diperkenalkan oleh Inggeris. Di samping itu pihak berkuasa di Negeri-negeri Selat juga telah melonggarkan syarat dan peraturan percetakan yang dikenakan ketika itu.³

Faktor lain yang membawa kepada perkembangan percetakan di negeri ini sedikit sebanyak ada juga kaitannya dengan kesedaran politik dan semangat nasionalisme yang mula bercambah sekitar tahun-tahun 1830-an. Orang-orang Melayu yang mulai sadar peri tertinggalnya mereka dalam bidang ekonomi mula memperjuangkan nasib

¹ Cecil K. Byrd, Early Printing In The Straits Settlements 1826 - 1898, hlm. 13 - 16.

²Ibid

³Ibid

mereka melalui saluran politik iaitu berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Dalam hubungan ini alat cetak turut memainkan peranan sebagai media atau wadah perjuangan orang-orang Melayu. Maka dengan itu didapati bahawa pertumbuhan badan-badan percetakan di awal abad ke sembilan belas itu mulai subur dan rancak menjelang awal abad kedua puluh, sehinggakan bandar-bandar kecil dan agak terpencil seperti Bentong, Kuala Lipis, Tanjung Malim dan Kuala Pilah misalnya turut menubuhkan badan-badan percetakan masing-masing dan agak aktif pula. Ketika itu muncul beberapa buah majalah seperti Mastika (1936-41), Neracha (1915-21), Pengasah (1919-37) dan Juita (1948) yang seolah-olah menjadi 'lidah rasmi' kepada badan-badan percetakan tadi.

Menurut Hashim Awang bahawa di sekitar tahun 30-an adalah merupakan kemuncak perkembangan sastera suratkhbar dan majalah di Tanah Melayu di zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan dalam period tersebut terdapat sebanyak 41 buah akhbar dan majalah diterbitkan dengan memuatkan sebanyak 39 buah cerpen.¹ Antara badan-badan percetakan yang terdapat ketika itu ialah Sungai Ujung Press (Seremban), Al-Eikmah Press (Kelantan), Teruna Press (Batu Pahat, Johor), Muhammadiyah Press (Muar, Johor), Ipoh Malay Press (Ipoh), Jambilah Press (Pulau Pinang) dan lain-lain lagi. Sementara di zaman-zaman menjelang kemerdekaan sehinggalah

¹ Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua - Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975), hlm. 6.

ke hari ini perkembangan percetakan amat pesat serta bersaing hebat dengan lain-lain badan percetakan yang besar-besar serta sofistikated mesin-mesinnya.

Kesusasteraan yang dahulunya menjadi hak monopoli golongan-golongan istana, kini telah juga menjadi hak rakyat biasa. Keadaan ini semakin jelas bila suratkhbar dan majalah diterbitkan, dan media cetak ini adalah dianggap sebagai sastera rakyat kerana sifat-sifat yang luas tersebar dan murah pula untuk dibeli. Lantaran itu, pengeluaran suratkhbar dan pertumbuhan majalah ini memberikan erti yang besar kepada pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan Melayu seperti cerpen dan puisi khususnya. Ia bukan saja yang mula-mula memperkenalkan genre tadi di dalam kesusasteraan Melayu, tetapi juga menjadi tempat penampungan utama bagi karya-karya cerpen dan sajak baik yang lahir sebelum perang mahupun hari ini.

Sejak dari zaman kolonial, selepas merdeka dan sehinggalah ke hari ini, penulis dalam bidang kreatif imajinatif telah berkembang baik dalam bidang cerpen, novel, puisi mahupun drama. Didapati ramai penulis yang muncul di berbagai-bagai negeri di tanahair kita umpamanya di negeri Kedah, Pahang, Kelantan dan lain-lain sejak tahun-tahun 20-an lagi, contohnya Allahyarham Ahmad Kotot (Pahang), Allahyarham Za'ba (Negeri Sembilan), Musbaha (Trengganu), Ishak Haji Muhammad (Pahang), Harun Aminurrasyid (Perak) dan lain-lain lagi. Merekalah yang bertanggungjawab dalam memberikan sumbangan dan

mempertingkatkan lagi nilai Kesusasteraan Melayu Moden atau Kesusasteraan Kebangsaan.

Justeru itu dalam hal ini, Negeri Sembilan juga mempunyai beberapa orang tokoh penulis yang dianggap prolifik dan produktif. Antaranya ialah Allahyarham Muhammad Yusuf Arshad, Allahyarham Muhammad Yusof Ahmad (Jentayu), Allahyarham Abu Samah Potot, Allahyarham Bakar Ali, Abdul Samad Idris (Asmadi), Kale Dewata, Mahaya Mohd Yassin, Ismail Hadi (Ismala), Ali Majid, Dharmala N.S., Dharmawijaya, Harun Haji Salleh, Mokjams, Norzah, Anuar Nor Arai, A.F. Yassin dan lain-lain lagi.

BAB III

ANALISIS TERHADAP TEMA DAN PERSOALAN KARYA

" Kalau tak dapat menjadi rumput belukar selengkap
Jadilah rumput sederhana
Dan sorikan sebatang jalanraya
Itulah yang lebih bermakna."

BAB III

ANALISIS TERHADAP TEMA DAN PERSCALAN KARYA

Pengantar

Untuk melihat perkembangan kesusastraan secara khusus bagi satu-satu bangsa itu, pengkajian secara teliti mengenai seseorang cerpenis, novelis, penyair atau dramatis adalah sangat diperlickan. Mereka yang dipilih atau dinaji itu haruslah dapat mewakili zaman atau angkataannya supaya sesuatu kajian yang diselenggarakan itu dapat menyeluruh dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan kesusastraan. Dengan cara yang demikian barulah kita dapat menilai dan mengukur perkembangan serta pembauran yang telah dilakukan oleh seseorang pengarang di dalam karya-karya mereka.

Bagi tujuan perbincangan bab ini, pengkaji mengambil beberapa genre sastra iaitu puisi, novel, cerpen dan drama sebagai topik pembicaraan. Namun begitu, dalam konteks penulis penulis Negeri Sembilan, tumpuan hanya diberikan kepada beberapa buah karya yang dianggap baik. Walau bagaimanapun, karya-karya yang memenangi sesuatu sayembara atau hadiah karya sastra turut diperikatakan.

Tema dan Permasalahan

Dalam membicarakan sesebuah karya sastra, secara tidak langsung kita akan membicarakan tentang tema kerana dalam sesebuah karya sastra tema adalah dasar pemikiran yang terdapat di dalamnya. Tema boleh juga difikirkan sebagai idea pusat atau idea dasar sesebuah karya.¹

Pendapat ini juga dikeluarkan oleh A.F. Scott.

"the subject on which one speaks, the term is more often used to indicate its central idea."²

Menurut Goenawan Muhammad pula,

"tema bagi pengarang sastra termasuk penyair bukan ketentuan yang terbebas dari luar dirinya, bukan sebuah program perencanaan yang rapi dan persis terumus. Tema lahir dari satu proses pengalaman dan perenungan proses refleksi, tetapi tidak hanya itu sahaja, apabila ia menempuh proses kreasi. Dalam proses itu tema ditubuh."³

¹ Rahman Shaari, Bimbingan Intelektual Sastra (Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors, Sdn. Bhd., 1981), hlm. 63.

² A.F. Scott, Current Literary Terms: A Concise Dictionary (London: Mac Millan Press Ltd., 1974), hal. 291.

³ Goenawan Muhammad, Portret Seorang Penyair Muda Sebagai Si Malin Kundang (Jakarta: Pustaka Jaya, 1972), hlm. 40.

Tema bagi puisi dan prosa masih mempunyai perbezaan-perbezaan kecil kerana munculnya tema tersebut puisi pada mulanya adalah dari pengalaman dan rancangan pemikiran dan perasaan.

Tema puisi adalah penghasilan yang serta merta dan spontan.

"... puisi juga mengekspresi pemikiran yang membangkitkan perasaan yang mengonk imajinasi menerusi pancaindera. Ini berlainan dengan prosa yang lebih merupakan antitesis puisi iaitu kata ekspresi pemikiran yang bernilai logik yang menyebarkan sebab akibat menerusi intelek (daya fikiran)."

"... puisi adalah untuk kita merasa, sementara sedangkan prosa lebih mahu kita memahami sesuatu."²

Daya imajinasi yang kuat amat diperlukan dalam menghasilkan puisi di samping kecekapan penyair dalam menggunakan bahasa. Walau pun puisi itu lahir di alam khayalan atau pemikiran ia juga menjadi penting apabila dilahirkan melalui media bahasa. Wujudnya puisi adalah hasil usaha untuk menjeramahkan pengalaman jiwa dalam bentuk yang konkrit.³

¹ Asmah Monu Shabri, "Beberapa Tema dan Perseoralan Dalam Simphonis dan Daerah Perbatasan," Dewan Bahasa, (Mei 1978), hlm. 337.

² Shalmon Ahmad, Penglibatan Dalam Puisi (Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors, Sdn. Bhd., 1978), hlm. 4.

³ Sianetruljana, Peristiwaa Bahasa dan Sastera (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), hlm. 193.

Analisis Tema dan Permasalahan Kumpulan Puisi Pesisir Waktu dan Warna Maya.

Pendahuluan

Puisi moden, seperti juga cerpen dan novel adalah ciptaan seni yang merakamkan fenomena sosial. Ini bererti bahawa puisi tidak lahir dalam vakum kerana penciptanya mengambil bahan dari aspek kehidupan masyarakat. Dengan demikian, puisi pada hakikatnya adalah suatu kuesanah yang di dalamnya berpada ciri-ciri pilihan dari pemikiran, pengolahan seni serta pengalaman hidup berlandaskan jalur zaman yang dilalui oleh pencipta dan masyarakatnya. Semua ini menunjukkan betapa eratnye hubungan puisi sebagai hasil mastora dengan masyarakat.

Insteru untuk membinauahkan perkembangan puisi dalam konteks hasil-hasil karya penulisa-penulis Negeri Sembilan, pengkaji membuatkan pembicaraan kepada dua buah kumpulan puisi seperti di atas.

Kumpulan Puisi Pesisir Waktu

Pesisir Waktu mengandungi sebanyak 50 buah puisi hasil karya penyair Latiff Mohidin. Kumpulan ini telah memenangi Hadiah Anggerak Puisi Putra 3 (1988) bernilai RM15,000 anjuran Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) tajaan Bank Bumiputera Malaysia Berhad.

Walaupun bagaimanapun, dalam perbandingan ini, pengkaji hanya menengokkan pembicaraan kepada beberapa buah puisi yang pengkaji anggap sesuai dengan topik ini.

(a) Tema Permasalahan Diri

Penyair dikatakan amat peka dengan alam sekeliling. Ia cepat merasa dan menanggapi sesuatu yang berlaku. Gustara itu, penyair akan merenung dan bertanya pada dirinya kenapa sesuatu itu berlaku. Puisi yang bertemakan permasalahan diri adalah lahir dari apa yang dialami oleh jiwa penyair berdasarkan pengalaman dan penglihatannya masa lalu. Latiff juga sebagai penyair yang begitu sensitif dengan alam telah menggunakan unsur-unsur alam dikaitkan dengan perasaannya.

Baharuddin Zainal menastakan:

"... saya kira kekuatan puisi Latiff bersumberkan dari keuletannya untuk mengungkapkan pengalaman peribadinya dan tidak ikut-ikutan menjadikan puisi sebagai alat bagi sesuatu perjuangan yang tidak diyakininya. Keadaan ini memungkinkan lahirnya kebenaran pengalaman seraya autentik. Sejak sejak Latiff memperlihatkan kekuatannya dengan alam dan berbeza dari Chairil, ia tidak merbarontak tetapi cuba mengertikan lingkungannya seraya matang dan mencari harmoni dengan alam."¹

¹Baharuddin Zainal, "Bahasa Sebagai Alat Pengucapan Dalam Kesusastraan," Hurtag Kerja Seminar Kesusastraan Nusantara (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1973), hlm. 15.

Kebesarannya Allah dengan segala kejadian, mentari, bulan, bintang, benda-benda, kemarau dan sebagainya menjadi tarikan kepadanya. Dalam puisi "Gerimis Tumbuh" penyair melihat hujan yang turun ke bumi di waktu malam hingga ke siang, hujan yang turun dari langit telah menyebabkan halaman rumahnya basah. Hujan dipandang oleh penyair seperti pohon yang tumbuh dari langit hingga ke pintu dan menggelapkan pandangan. Penyair begitu kagum dengan semua ini dan akhirnya mengerti bahwa semua yang berlaku adalah mengikut kehendak Allah. Hal ini diungkapkan dalam puisinya seperti di bawah:

di saat itu
mengertilah kami
gerimis tumbuh
dari langit ke bawah
menjunjung perintah Mu.

(Penyair_Waktu, hlm.3)

Penyair juga sering menyatakan dirinya dengan alam. Baginya menghadapi hidup ini samalah seperti menghadapi alam. Dalam puisinya "di bibir Air" penyair seperti bergelut dengan 'angin yang dingin' dan 'lumpur yang hitam' untuk menjalani kehidupan ini. Penyair juga berfikir, manusia lain akan menghadapi dan menjalani hidup sama seperti yang ia lalui itu. Ia juga tidak tahu akan kelebihan manusia lain kerana tidak semua manusia mempunyai latar hidup yang sama. Pada penyair, manusia itu pada hakikatnya sama tetapi ada faktor lain yang menjadikan mereka berbeza antara satu dengan yang lain.

di dunia 'ain
 seorang telah jauh berjalan
 kota bangsanya hancur
 keturunannya lenyap
 kini dia kembali ke bibir air
 upayakah dia menendahkan?

(Sesinar Waktu, blm. 7)

Sebagai penyair, Latiff begitu memandang diri, walaupun ia menggunakan perkataan "aku" tetapi "aku"-nya sering cair dalam alam yang lebih luas. Menurut pendapat Muhammad Haji Salleh:

"...Latiff memperkenankan individualisme di dalam puisi Melayu dengan cara aliaran, yang lembut dan tidak menimbulkan egoisme yang datang bersama sikap ini. Berlainan daripada Chairil yang memusatkan hampir segala persoalan pada dirinya, Latiff amat rendah diri. Kadang-kadang penyair di belakang puisi itu agak payah untuk dikenali peribadinya."¹

Keadaan ini jelas dapat dilihat pada puisi "Kerja Penyair" di mana Latiff memandang "Kerja" sebagai penyair itu bukan ah kata kerja yang penting yang dapat dibanggakan kerana ia dihasilkan dari pengalaman dan perasaan dengan memerlukan sedikit kenakiran. Menyusun kata-kata dalam puisi padanya samalan seperti membuat terompah, membuat kerja yang sama setiap waktu tanpa jeda.

¹Muhammad Haji Salleh, "Perkembangan Puisi Melayu Berana Ini," Bahasa Kesugasteraan dan Kebudayaan Melayu (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1976), blm. 358.

ini dapat dilihat melalui ungkapan puisi di bawah:

Kerja menyair
tidak apa-apa
bukan sesuatu yang istimewa.

aku tidak bisa bikin
tetanggaku lebih matang
atau menambah suap nasinya
atau mendamaikan pertalahan
dengan isteri.

.....
kerja menyair
tidak apa-apa
seperti: pak tukang terompah
aku duduk antara kayu yang keras
dan getah yang lembut.

.....

(Pengsir Waktu, hlm. 36)

Sikap penyair yang merendah diri ini membuktikan kematangan beliau dalam berpuisi kerana penyair tidak lupa mengatakan bahawa dalam berpuisi manusia harus berhati-hati kerana sekali sekala ada bahayanya. Ini diungkapkan dalam puisi di bawah:

.....
hanya sekali sekala
tapak tangan bisa luka
dan terompah akan
bertambah sedikit serah
itu saja.

(Pengsir Waktu, hlm. 38)

Sebagai manusia yang peka terhadap manusia lain, penyair dapat merasai kekecewaan yang dialami oleh manusia yang bertinggal sebagai penghibur. Manusia penghibur juga mula merindukan safa ketenteraman sehingga sanggup

memusnahkan alat-alat muziknya semata-mata untuk mencapai cita-citanya. "Aku" dalam puisi "Seruling Telah Kupatahkan" seperti sudah kenawa dengan kehidupan sebagai seorang penghibur dan ingin lari dari kekecewaan ini.

seruling telah kupatahkan
kecapi telah putus
rebana telah tembus
pentastu telah roboh
laguku telah kuhentikan
suaraku telah kututup
pakailaku kembali koyak
kasutku kembali berdebu
undangku kosong.

aku penghibur jalanan
telah kembali ke gua.

(Pesisir Waktu, hlm. 13)

Sebenarnya untuk memahami dan merasai perasaan orang lain bukanlah satu hal yang mudah. Penyair berpendapat, kadang-kala kita tidak dapat melihat apa yang seharusnya dapat dilihat. Inilah yang menyebabkan penyair dalam puisinya "Mengapa Aku tidak Melihat" (P.Wahid, 10) bertanya pada dirinya mengapakah ia tidak dapat melihat 'engkau' yang berdiri di sisinya. "Engkau" dalam puisi ini mungkin merupakan manusia yang paling hampir dengan hidup penyair yang mana sapa menghadapi susah senang hidup tetapi dalam hal-hal tertentu masih ada pemisah antara "aku" dan "engkau".

Apa yang menghairankan penyair, ia dapat melihat alam sekeliling ini dengan begitu jelas. Pada sebarang masa tidak kira pada bila-bila manapun manusia masih belum dapat melihat manusia lainnya kerana walaupun pada

akhirnya manusia itu saling berhubungan tetapi masih banyak perkara yang memisahkan mereka. Begitu juga dengan puisi "Katakan Padaku", di mana penyair ingin menyelami perasaan duka manusia yang didampingi. Setelah beberapa lama barulah ia dapat merasainya. Hal sedemikian dapat dijelaskan melalui ungkapan puisi di bawah:

Katakan padaku
sejak malam bagaimana
sejak laut menyentuh
mengapa sepi jiwamu
terasa baru bagi pedih ku terasa baru.

(Pesin, Waktu, hlm. 37)

Manusia yang menanggung penderitaan itu sebenarnya telah lama dan begitu mendalam penderitaannya tetapi penyair sebagai manusia lainnya hanya dapat melihat dan ini tepat dengan pepatah Melayu yang mengatakan "betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul."

Latiff Mohidin memang merupakan seorang penyair yang banyak menghasilkan puisi permasalahan diri, walaupun ia tidak mempunyai sifat-sifat egoistik. Kesukaannya ialah pada puisi yang berkisar kepada "aku". Aliran 'surrealisme' yang selama ini kurang digunakan dalam puisi Melayu modern, Cuba diterapkan dalam puisi-puisinya. 'Surrealisme' ialah satu aliran seni lukis dan kesusastraan yang tersandar kepada aspek-aspek tidak rasional kewujudan manusia.

Hal ini ditegaskan juga oleh Rahman Shaari seperti katanya:

"..... di Malaysia sebahagian dari sajak-sajak Latiff adalah tergolong dalam aliran surrealisme. Imaginasi Latiff memang amat kuat dan memanglah imaginasi yang kuat di perlukan oleh aliran ini."

(b) Tema Kemanusiaan Sejagat.

Dalam kumpulan ini juga, Latiff telah membicarakan tentang kehidupan dengan lebih luas. Temanya tidak lagi hanya mengungkapkan tentang masalah diri atau yang berlaku di sekitar diri penyair, malahan ia menjangkau ruang lingkup yang luas iaitu manusia keseluruhannya.

Ini menunjukkan daya pengamatan dan pemerhatian penyair begitu tajam dan halus hingga dapat merasai dan bersimpati dengan kesusahan manusia. Walaupun dikatakan penyair menghasilkan puisi-puisi yang bersifat peribadi tetapi ia juga tidak lari dari membicarakan hal-hal kemanusiaan yang lain seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Haji Salleh.²

¹ Rahman Shaari, Bimbingan Istilah Sastra, hlm. 58.

² Muhammad Haji Salleh, "Konsep Seni Sastra," Penciptaan Kreatif, Kumpulan Ceramah diselenggara oleh Ayob Yasmin dan Hamzah Hamdan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983) hlm. 8.

Jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan puisinya yang lebih awal seperti: Sungai Mekong (1972) dan Gembara Malam (1974) dengan kumpulan puisi Pesisir Waktu (1980) dan Serpihan Dari Pedalaman (1977), dapat dirasakan perubahannya. Perubahan ini jelas dari segi perhubungan dengan masyarakat. Ini pernah ditegaskan oleh Ahmad Kamil Abdullah (Kemala):

".... tetapi faktor pengalaman baru yang dihadapi oleh Latiff seperti perkahwinannya dengan seorang penyajak muda Wan Nafisah Izzah dan peristiwa perkahwinan itu dirahmati Allah dengan seorang sahaya mata bernama Muhammad Izzah sudah pasti memberikan makna dan horizon baru dalam hidup berkeluarga baik sebagai seorang suami atau seorang ayah saya yakin dimensi kekeluargaan sedikit sebanyak mempengaruhi Latiff dan secara psikologikal dan artistik atau estetik ia dapat dilihat dalam perkembangan sajak-sajak yang terbaru."¹

Latiff berpendapat bahawa penyair itu adalah pengembara yang menstat segala peristiwa untuk kerangka-kerangka di hari esok. Puisi-puisinya dalam Pesisir Waktu lebih banyak mempersoalkan hal-hal yang lebih mendalam. Namun dalam mempersoalkan kemanusiaan penyair masih tidak lari dari kebudayaannya sendiri. Penyair merakamkan apa yang dialaminya mengenai kemanusiaan. Jadi, pengkaji menggolongkan puisi ini dalam tema kemanusiaan sejagat

¹ Kemala (nama samaran), "Proses Perubahan Dalam Sajak-sajak Latiff," Berita Minggu, (17 Disember 1981).

kerana walaupun permasalahan itu di antaranya berlatarkan masyarakat penyair sendiri tetapi permasalahan sebenarnya terdapat di seluruh dunia dan dialami oleh kebanyakan manusia. Di antaranya ialah alam persekolahan, zaman remaja, suka-duka pengembara, pembunuhan di samping perasaan-perasaan lain.

Peperangan dan pembunuhan yang berlaku di Timur Tengah telah menimbulkan simpati penyair, walaupun begitu, penyair dengan tidak secara terus terang menyatakan perasaannya. Ini merupakan satu kebiasaan penyair seperti juga karya-karyanya yang terdahulu. Bagi penyair, peperangan itu telah memusnahkan dan menghancurkan kebahagiaan dan harapan manusia yang ingin hidup dalam keadaan aman damai. Kadang kala harapan itu hanya sebagai mimpi kerana pertemuan demi pertemuan untuk mencari kedamaian yang diadakan, namun kedamaian masih lagi jauh untuk dicapai. Dalam suasana beginilah penyair merasakan bahawa pemimpin-pemimpin itu bersikap seperti penjual mimpi yang meniangikan kebahagiaan dan ketenteraman. Ini dapat dilihat dalam puisinya "Budaki Penjual Mimpi" seperti di bawah,

Abu Budaki penjual mimpi pun menjelma
dipetikanya gembus dan mulai berqasidah
sambil membenteng permaidani disulami pernata
di dalamnya menjelma istana berwarna zamrud
laskar berkuda yang gagah mengangkat pedang
berbaris di kiri kanan gerbang dengan riuhnya
khadam datang menuang air anggur
Amir Naxir telah berada kembali di Bukhara
walaupun untuk sesaat saja.

(Pesisir Waktu, hlm. 32)

gugupan di atas pada pendapat pengkaji menunjukkan bagaimana penyair merasakan keamanan di daerah itu (Timur Tengah) amat sukar dicapai kerana pemimpin tidak serius dalam menyelesaikan masalah. Peperangan juga telah memusnahkan harta benda tetapi manusia masih menaruh harapan untuk membina satu kehidupan yang bahagia di atas segala keruntuhan itu. Penyair merupakan manusia yang optimis kerana walau apa yang terjadi kepada alam, padanya masih ada yang tidak musnah iaitu Allah Yang Maha Esa.

Sangat ini jelas diungkapkan oleh penyair dalam rangkap puisi "Dan Burung Dewata itu," seperti di bawah.

.....
 Membersihkan gulungan tafa ingatan
 yang terbenam di perut bumi
 sambil mencipta tapak kota sakti
 untuk keribu kehidupan lagi?

(Pesisir Waktu, hlm. 43)

Selain dari membicarakan manusia, Latiff juga suka membicarakan tentang dunia seni. Sekiranya dalam puisi "Kerja Menyair" (P.W.hlm. 30) pengkaji menggolongkan ianya di bawah tema permasalahan diri, tetapi puisi "Dibini Penyair tidak Siaran" (P.W. hlm. 33) dan "Pada Teman yang Berjalan di Bawah Lampu" (P.W. hlm. 53) pengkaji menggolongkan ianya di bawah tema kemanusiaan sejagati. Ini adalah kerana dalam kedua-dua puisi tersebut penyair membicarakan dunia penyair dan penghibur secara keseluruhannya.

Pada seniman merupakan golongan manusia yang hidup dengan menghiburkan orang lain, kadang kala jasa mereka tidak pernah dikenang dan ada pula hanya dikenang setelah meninggal dunia. Seniman ada zaman turun naiknya dan adakalanya dilupakan masa. Penyair juga mengingatkan para seniman supaya lebih berhati-hati. Ini diungkapkannya dalam puisi "Pada Teman yang Berjalan di bawah Lampu" seperti di bawah:

hati hati ketika kau berjalan
di bawah sulutan lampu-lampu itu
sinarnya menyegarkan sekaligus menyuduh
ruang dada bagai lontaran mata kail
menarik setiap lapisan suara sepi
dan pentas ini anak tangga yang licin
kau akan terlambung tinggi di puncaknya
bila gulan dan tepukan gemuruh tiba
.....

(Pesisir Waktu, hlm. 55)

Seniman juga kadang kala dianggap manusia yang hidup di dunianya yang tersendiri. Ini dijelaskan lagi seperti dalam ungkapan di bawah:

.....
mengikut tafsiran musuhnya
musafir itu adalah Dibil
penyair tak siaman

waktu diistiharkan Dibil mati
puisinya mulai bernafas.

(Pesisir Waktu, hlm. 33)

Manusia sering resah gelisah tidak kira mereka dari golongan mana sekalipun. Kehidupan adalah satu kurniaan Allah yang tiada nilainya, tetapi kehidupan itu

bukanlah satu hal yang mudah untuk dijalani. Penyair melihat manusia seperti sudah hilang pegangan dan masing-masing ingin mencari satu kehidupan yang lebih berarti dan akhirnya mereka muba berbalik kepada alam. Penyair sendiri ada kalanya merasa bosan dengan kerja-kerja rutin yang menurutnya menjemukan seperti yang dinyatakan oleh Baharuddin Damanik:

"... kembalikan ke alam, hilanglah kerisauan, alam akan bersama saudara, malah akan dapat mendengar degupan jantung sendiri oh, betapa mudahnya !!!"

Manusia dari berbagai golongan ini melihat dan merenung alam dengan perasaan dan perlakuan masing-masing. Hakikat kehidupan yang sukar dan payah menyebabkan ramai manusia yang mudah kecewa, manusia yang resah dan semua manusia seperti bersependapat untuk kembali kepada alam. Dalam "Di Tengah Padang Terbuka" penyair menghimpunkan manusia yang menjadi pelakunya seperti para kekasih yang terusin, ibu, ana-ana, orang pelarian, orang larekat dan berbagai-ramai golongan lagi.

situasi ini digambarkan seperti ungkapan di bawah:

i

di tengah tengah padang terbuka
mereka berdiri lagi
berpegangan tangan
tunduk dan diam
merenung muka bumi

apakah mereka
para kekasih yang terucir
atau seorang ibu
dan anak-anaknya yang
tertinggal kebingungan
dimalam sepi ini?

ii

apakah mereka
dari kaum gelandangan
atau orang pelarian
yang memukul-mukul bumi
berkali-kali
atau menggali tanahkah
mereka di sana sekarang?

iii

apakah mereka
dari kaum urakan
atau orang-orang laregat
yang kini bergerak perlahan
seakan-akan menari
atau akan pergi lagiakah mereka
meninggalkan jejak-jejak kaki
yang tak kelihatan
di tengah padang terbuka?

(Pemisir Waktu, hlm. 44-45)

Kematian pula merupakan suatu detik yang menyedihkan malah menakutkan, tetapi walau apapun perasaan manusia, mereka harus menghadapinya. Ini adalah satu ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah, cuma yang berbeda ialah faktor masa. Bagi seseorang tua dan sedang sakit, bayangan kematian memang sentiasa bermain

difikirkannya. Ia tidak gentar karena ia memang sadar rasanya akan tiba tetapi yang dikesalkannya ialah kesunyian yang dialami ketika saat-saat akhir dalam hidupnya itu.

Dalam puisi "Di Kad Terakhir" (P.W.hlm. 59), penyair tidak secara terus terang menggambarkan pesakit itu akan mati, hanya diceritakan tentang sebuah kamar kecil yang akan kosong. Kematian yang begitu tragis juga dapat dilihat dalam puisinya "Kematian Seekor Lipas" (P.W.hlm. 51). Penyair dengan simbolis menyatakan manusia itu hanya akan dihargai apabila ia kaya, berkedudukan tinggi, mempunyai kelebihan dan kehebatan. Kematian seekor lipas mungkin disimbolkan kepada kematian rakyat marhaan yang tidak memberi apa-apa makna kepada manusia lain di luar lingkungan keluarganya. Setiap baris puisi ini membayangkan peristiwa tersebut.

hujan panas
menusuk aspal kota
di pagi minggu yang lengang
terlentang seekor lipas

jauh dari lipatan kain
 jauh dari ikatan kayu
 percikan air
 jadi tusukan terakhir
 minyak buzan lagi diminummu
 semen bukan lagi sakanamu

tetapi kota batu ini
 akan terus berdegup
 di bawah rentangan besi
 di atas lapisan kaca.

Kematian seekor lipas
 kematianmu.

(Penyair Waktu, hlm. 51)

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan bahwa menerusi puisi-puisi yang terdapat dalam kumpulan ini, didapati penyair juga telah melihat dengan lebih luas mengenai golongan sehingga melahirkan rasa simpati, marah, benci tetapi satu hal yang harus diketahu ialah penyair bukanlah marusia yang mudah mengikut nilai atau cara hidup masyarakat yang tidak dipersetujuinya. Ia merupakan seorang manusia yang bebas dari sebarang dogma tetapi ia merupakan seorang yang setia pada pengalaman.

Pada pendapat pengkaji, penyair sering memberikan gambaran yang jelas terhadap apa yang dilihatnya. Rasa keransiaan yang diluakkannya merupakan sesuatu yang jujur dan lurus dari keanehan sebagai manusia dan makhluk Allah.

(c) Tema Sosioekonomi

Latiff sebenarnya bukanlah seorang penyair yang gemar membicarakan fikiran yang benar kerana segala persoalan yang terdapat dalam puisinya adalah dari sumber batin mistis dan pengalaman peribadinya. Ini ditegaskan oleh Raha Zaini:

"Sia-sia saja mencari masalah pertentangan kelas penindasan atau pesanan pembangunan di dalam puisinya. Yang mengalir dalam puisinya adalah mimpi-mimpi, perasaan keangsan dan imajinasinya."¹

¹Baharuddin Zainal, "Latiff Dari Satu Pandangan", *Esai-Sastera Baharuddin Zainal*, phys. Hamzah Hamdan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988) hlm. 125.

di dalam kajian ini penulis membincangkan juga tema kemiskinan ekonomi kerana dari kumpulan puisi Penyair Naktu yang dibincangkan didapatkan penyair ada menerapkan tema tersebut.

puisi "Kampung Rakit" jelas memaparkan tema kemiskinan ini, tetapi seperti biasa Latiff tidak mengedarkan senilapa, nadanya lebih kepada penderitaan. Penyair menceritakan apa yang dilihatnya.

Kampung Rakit
 terapung di kulit air
 seratus keluarganya bertautan
 bagai kiamang bertaut

 angin ganas datang
 mendendangkan lagu tidur
 di dasar lautan melayap liuk
 bayang bayang ikan di bawah gulita

 para nelayan yang setia
 duduk memerahliker kekenangan
 semudera semudera ribut
 membiarkan sang malam
 menipis mimpiya.

(Penyair Naktu, hlm. 43)

Para nelayan yang mendiami Kampung Rakit lebih merupakan manusia sabar dan tenang menghadapi kemusabahan. Sekiranya lautan bergelora akan dinantikan dengan tenang supaya mereka boleh meneruskan pekerjaan.

Manusia yang tidak pernah miskin tidak akan dapat merasai kemiskinan itu sebenarnya. Ada manusia yang menghidu kemiskinan dengan berbagai alasan, meskipun mereka miskin tetapi mereka juga mempunyai masalah. Mereka tidak mahu dibina. Bagi penyair kemiskinan bukanlah untuk

dihina karena senya adalah satu lumrah alam di mana ada yang miskin, dan ada yang kaya, yang senang dan yang susah. Dalam puisi "Senyah Matamu" menggambarkan bagaimana perasaan manusia miskin yang dihina.

Kami pun
jadi mengerti
akan arti sinar itu
melah matamu
tidak sampai terlalu
menandang hina
kami yang terkurung
dan terkutuk.

(Pengisi Waktu, hlm. 58)

Selain dari kemiskinan material terdapat juga miskin penghargaan dan penyair tertarik untuk memperkatakan mengenai kemiskinan tanggungjawab terhadap alam khususnya tumbuh-tumbuhan kemudiannya seperti dalam puisi "Wajah Wajah Yang Sabar Dan Tua Itu" (P.W. hlm. 56), dapat dirasakan betapa besarnya arti tumbuhan itu kepada golongan tua walau pun yang tinggal hanya sebatang pohon beringin. Kesan dari pembangunan, manusia sudah mula kurang menghargai tumbuhan. Hanya golongan tua yang masih sayang kepada pohon pohon dan bukit-bukau, semuanya pernah hidup bersama-sama mereka dan mungkin banyak meninggalkan kenangan di jiwa mereka. Untuk melawan perubahan yang berlaku adalah satu perkara yang tidak mungkin dapat mereka lakukan.

hal ini digambarkan seperti dalam ungkapan di bawah:

Wajah wajah yang rana- dan tua itu
 senekali merenung ke hujung jalan
 meneliti lalu lintas kendaraan
 membawa sepihan dari bukit bukau
 mengundungkan bulu kening dan mata
 mereka adalah sebahagian dari ingatan
 yang masih belum dapat kita lupakan
 mereka sentiasa saja berada di sana
 di bawah pohon berbunga yang terakhir
 memerhatikan gerak sebuah pedalaman.

(Puisi: Waktu, hlm. 58)

Gegara keseluruhan puisi puisi Latiff yang menyentuh soal kemiskinan masih juga dihubungkan dengan alam. Tema sosioekonomi dan kemiskinan yang diungkapkan oleh penyair merupakan satu catatan dari pengalaman dan penglihatannya. Ia memberi pandangan mengenai alam sambil menyentuh soal kemiskinan. Latiff tidak pernah menyalahkan sesiapa, baginya kemiskinan adalah satu fenomena alam semulajadi.

16) Tema Alam

Latiff merupakan penyair yang mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap alam. Alam bukan sahaja sebagai sumber inspirasi tetapi adalah lingkungan untuk dihayati.

Dalam puisi "digulungnya Senja" (hlm. 9) jelas diperapakan suasana alam. Senja merupakan waktu yang paling singkat tetapi sering meninggalkan kesan di jiwa manusia. Puisi ini menunjukkan suasana hampir malam di sebuah desa.

ini terdapat pada inef-imef yang selalu terdapat di desa seperti pedati, pondok, sawah dan permatang. Begitu juga dengan puisi "Malam Bermula", penyair menyatakan bagaimana satu ketika dikatakan hampir malam. Dari gambaran alam hingga kepada perlakuan manusia, penyair memberi ketetapan ketika itulah malam bermula. Siang yang hilang diibaratkan oleh penyair sebagai hari yang sudah lebur dan senja seperti digulung ditelan kegelapan malam. Senja sering menyentuh jiwa manusia kerana senja itu banyak rahsianya.

senja yang berat
 senja yang rendah
 senja yang penuh jelma
 senja yang penuh rahsia
 senja yang untuk dipegang
 senja yang untuk dikekap
 senja yang tiba tiba berakhir.

(Pesinir Waktu, hlm. 9)

Di waktu malam penyair juga sering mendapat ilham untuk menghasilkan puisi-puisinya malah malam itu semakin sering menjadi latar belakang puisinya. Sinaran bulan mewujudkan suasana yang indah ditambah dengan deruan ombak menyebabkan penyair khayal oleh keindahan alam.

Puisi "Tengah Malam" (hlm. 28) lahir dari rasa kenikmatan ini. Pancaran sinaran bulan yang berkilau di muka laut seperti kilau emas yang amat mahal harganya. Malam selalunya dikaitkan dengan suasana yang tenang dan damai, penuh dengan keindahan. Di waktu malam manusia akan menyiapkan diri untuk terus berusaha pada esok harinya. Manusia juga tidak tahu apakah yang akan berlaku pada esok

hari tetapi mereka tidak pernah lemah untuk meneruskan hidup.

Alam tidak selalunya bermurah hati kepada manusia. Kadangkala ia juga mengghanas, memusnahkan manusia dan haiwan. Alam yang sedemikian rupa digambarkan oleh penyair dalam puisi "Kemarau atau Seekor Anak Tembakul" (P.W. hlm. 53). Anak tembakul adalah sebahagian dari korban di musim kemarau.

.....

di dasar kerongkong sungai yang kering
di bawah langit pesisir yang sepi
kedengaran kembali degupan purba itu
korakan air memukul-mukul kulit bumi.

(Pesisir Waktu, hlm. 53)

Sekali-olah air tidak kembali kerana sungai itu terlalu kering hingga ke dasar-dasarnya. Di dasar kerongkong sungai yang kering akibat daripada ini penyair menggambarkan seperti dalam ungkapan di bawah.

ada yang lumang ada yang lumar terbujur
ada lidah terjulur ada mulut berdarah
seekor anak tembakul memamah ekornya
dan matahari pun pecah di dalam lumpur.

(Pesisir Waktu, hlm. 53)

Selain dari alam yang nyata penyair juga kuat imajinasinya terhadap satu suasana alam yang sukar dimengertikan. Ini jelas dalam puisi "Siapakah Yang Akan Tiba" (P.W.hlm. 6). Suasana yang digambarkan seperti ada

tetamu yang akan tiba tetapi penyair sendiri pun tidak dapat meneka siapakah yang akan berkunjung.

Sabagai insan yang cukup banyak meletakkan diri di dalam arus kesadaran, kita memang telah bersedia menikul akibat, menikul beban dan manusia mencari alasan-alasan untuk keluar dari permasalahan yang dihadapi. Tetapi keadaan tidak mengizinkan untuk bertindak, namun kita terus sahaja menunggu, tetapi entah siapakah yang bakal tiba. Persebaran ini diungkapkan oleh penyair seperti di bawah:

Tangga merendahkan dirinya di beranda
 langit bergoyang rendah meluruskan lipatan
 pinda merentang jauh ke hujung halaman

 air menggolegak perlahan di dalam cerek
 cawan tertangkup remas di atas dulang
 Si Tompok terjaga bangun di sudut dapur
 siapakah yang akan tiba?

(Penyair Waktu, hlm. 6)

Seterusnya penyair mengungkapkan seperti katanya:

Tikar terlontang menanti di tengah ruang
 api pelita berkelip tiga kali seakan riang

Dari ungkapan di atas, jelas menggambarkan bahawa Yang ditunggu tetap tidak akan tiba. Lalu, Si Penunggu bangkit agar tidak terus menunggu, tetapi mencari

¹Abdul Malik H.M., "Penyair Waktu: Denda Kata Yang Menikam," Berita Minggu, (25 Oktober 1987).

malangnya, di hadapan adalah kelam sehingga menimbulkan
keresahan. Hal ini diungkapkan seperti di bawah:

Kutinggalkan kasur
.....
hujan lebat telah berhenti
angin tidak lagi melanda
pasang telah merata
.....
kain bersih telah kupaka
kitab telah kusium
polite telah kupadankan
kubuka pintu
kulihat ke dalam kelam
di manakah engkau berjalan?
(di manakah engkau berjalan?)

(Pesisir Waktu, hlm. 5)

Bentuknya, itulah yang ditemui dalam puisi
"Siapakah Yang Akan Tiba". Dengan deskripsi kata yang amat
senyap, perlahan dan lembut, ia menikan jiwa, untuk lebih
luas, dalam memelihara erti 'binar'. Jelannya, Latiff agak
kuat berimajinasi dalam menghasilkan puisi ini.

Kesimpulan

Terdapat empat tema yang dibicarakan dalam
permasalahan diri, tema kemanusiaan sejagat, sosioekonomi
dan kemiskinan serta tema tentang alam. Setiap tiap satu
karya tidak semestinya mempunyai hanya satu tema. Ianya
bunkin mempunyai beberapa tema di samping persoalan-
persoalan lain. Kenyataan tema yang terdapat dalam kumpulan
puisi Pesisir Waktu yang dikaji lebih merupakan
permasalahan diri penyair sendiri. Walaupun ia memaparkan
tema yang lebih rendah, tetapi sebenarnya tidak lari dari

diri penyairnya. Sebab itu dalam sesebuah hasil karya sastranya, hubungan penulis dengan karya-karya adalah satu hubungan yang terjalin erat. Penulis harus berani bertanggungjawab ke atas karyanya.

Dari beberapa buah puisi yang dikaji dalam kumpulan ini, didapati penyair telah melahirkan segala perasaanya. Perasaan dan imaginasi penyair yang terungkap dalam puisi-puisinya ternyata begitu kuat. Walau bagaimanapun penyair dapat mengawal setiap rangkap sehingga puisinya mengandungi isi yang padat tetapi ringkas. Apa yang bergolak, bergerak di dalam dirinya sehingga apa yang terdapat di alam sejagat menjadi bahan puisi-puisinya.

Perasaan merupakan faktor penting dalam puisi-puisi Latiff Mohidin. Membaca puisinya memerlukan kita merenungi apa yang ingin disampaikan oleh Latiff. Walaupun beliau menyatakan:

"...ambil anak-bajaknya sebagai apa yang tertulis (as it is)."¹

Tetapi adalah tidak mungkin bagi seseorang yang bukan penyair memahaminya tanpa perasaan ini.

Walaupun bagaimanapun, secara keseluruhan Latiff Mohidin adalah seorang penyair yang berterus-terang. Ia

¹Perbualan dengan Latiff Mohidin, melalui telefon, 10 Disember 1988.

juga dengan apa yang dirasakannya. Dengan imajinasi yang kuat maka beliau dapat melahirkan puisi-puisi yang menarik.

Dalam melihat masalah manusia lainnya, penyair tidak begitu menekankan rasa simpati karena baginya yang berlaku adalah sebahagian dari alam. Ungamannya soal kemiskinan, bagi penyair kemiskinan hanya terjadi kalau terdapat perbandingan. Kemiskinan adalah satu kekurangan. Kemiskinan bukan untuk diratapi tetapi adalah satu fenomena yang harus dihadapi dan dilatasi. Latiff tidak melahirkan puisi-puisi protes, tetapi puisi-puisinya lebih banyak kepada penceritaan atau nota-nota pendek. Kalau dilihat pada kumpulan puisinya yang terdahulu badanya masih tetap sama. Hanya dalam *Serpihan Dari Pedalaman* terdapat kelebihan rasa nostalgik dan ini diakui oleh penyair.¹

Pemikir Waktu melihat kehidupan dengan wawasan yang moden. Dunianya luas dikuatkan oleh kepercayaan kepada Allah, kesedaran, kebudayaan dan perasaan kemanusiaan yang dasar. Perspektifnya pelbagai ini mencipta berbagai wajah pengalaman. Temanya diambil dengan sensitiviti yang halus dan kritis yang melihat hidup bukan dengan mata jena. Penyair mencari makna dasar, tetapi tidak lupa memasukkan ironi dan paradoks yang timbul di depannya. Cukup menarik ialah unsur humor yang juga timbul dari ironi dan paradoks yang diterapkan ini.

¹Terubual dengan Latiff Mohidin melalui telefon 18 Disember 1988.

Sebuah kejayaan yang harus diperkatakan di sini ialah setiap penyair dengan pengalamannya: beliau tidak memperbesarkan yang kecil dan sebaliknya mengecilkan yang besar, tetapi menyerahkan kepada kita pengalamannya dengan gambaran yang wajar. Puisinya membuat kita terus merenung tentang kehidupan, kerana kita telah diberikan perspektif baru dan wawasan yang mengejutkan.

Penyair Waktu, waktu adalah satu-satunya penyair yang memberi kompresi kepada dunia bawah sedar manusia terutama di dalam puisi-puisi "Mimpi 1" (P.W.him. 7), "Selubung Tekalnya" (P.W. him. 16), "Dan Burung Dewata Itu" (P.W. him 43), "Di Wad Terakhir" (P.W.him 59) dan "Harisan Tua Itu" (P.W. him. 47). Dunia ini sering dilakikan oleh penyair lainnya kerana inefisien dan bunyi kenyataannya masih belum dikuasai dengan baik.

Tetapi penyair juga timbul di permukaan kesadaran untuk berbingkang pengalaman hariannya dengan kita. Misalnya beliau sering menilai dan mendeklamasikan tempak dan tugas manusia, seperti yang agak jelas di dalam "Dibil Penyair Tak Siapan" (P.W.him. 33), "Rudaki Penjual Mimpi" (P.W.him. 32) dan "Kerja Menyair" (P.W.him. 38). Di dalam puisinya yang terakhir sekali ini "Kerja Menyair" disebut oleh penyair dengan rendah diri iaitu mengukur dirinya dengan pembuat terompah. Kejujurannya ialah contoh baik cara seorang penyair menghadapi kenyataannya.

Kumpulan Puisi Warna Maya

Penelitian karya Dharmawijaya sebagai analisis kajian ini kerana, di antara penyair-penyair tahun 60-an, ternyata sekali penyair Dharmawijaya ini merupakan penyair alam yang paling berbakat. Dengan itu juga, penulis mengharapkan agar kita dapat meninjau sebanyak mungkin akan tanggapan, sikap, falsafah serta cita-cita penulis atau sastrawan ini terhadap perkara-perkara yang menyentuh tentang kehidupan manusia sehari-hari.

Dengan menumpukan kajian terhadap kumpulan ini, kita akan dapat melihat pancapatahnya tentang cita seni (nilai karya) beliau di bidang penulisan (perpuisian). Begitu juga pengkaji mengharapkan semoga peminat sastranya dapat melihat selopak dan sedalam manakah tanggapan penyair ini terhadap alam yang diperhatikannya.

Warna Maya mengandungi 68 buah puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya sejak tahun 1962 hingga 1973. Sebahagian besar puisi dalam kumpulan ini dihasilkan oleh Dharmawijaya sewaktu dia bertugas sebagai pendidik di Tanjung Ipoh; sementara beberapa buah lagi dihasilkan di Seremban, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kampung Telang dan juga Kampung Senaling, Kuala Pilah. Ini dapat dilihat daripada catatan pada tiap-tiap puisi yang termuat.¹

¹Rafli Isni, Riak dan Gelombang Sastra Melayu, Kumpulan Esai, hlm. 81.

selain jarak waktu lebih kurang sepuluh tahun, penyairnya telah menggarap dan mengolah tema yang beragam, tetapi tema-tema ini bukanlah sama sekali merupakan tema-tema yang baru dalam arti kata belum pernah diungkapkan oleh penyair-penyair lain baik yang sewaktu dengannya maupun yang mendahuluinya. Ini dapat dinikmati bahwa sebuah tema itu bukanlah hak kepunyaan pribadi seseorang seniman, tetapi adalah hak buat semua seniman sepanjang zaman tanpa ada batas ruang dan waktu. Tetapi, Dharmawijaya dapat menimbulkan perbasaan-perbasaan pada ciptaan-ciptaannya baik secara implisit maupun secara eksplisit. Dharmawijaya dapat menanamkan kepribadiannya pada puisi-puisinya itu walaupun persoalan yang diungkapkannya itu sudah digarap oleh penyair lain.¹

Berbicara tentang tema dan pokok persoalan yang diungkapkan Dharmawijaya dalam *Warna Maya*, secara besarnya dapat dikategorikan kepada beberapa golongan tertentu, tetapi penggolongan ini bukanlah mutlak sifatnya. Di antara tema itu ialah mengenai cinta dan kasih sayang, alam, dosa dan tanahair, cintakan tanahair, semangat dan perasaan, objek-objek tertentu, ruang waktu juga perhatian dan lain-lain.

¹Ibid.

a) Tema Cintakan Tanahair

Ditinjau dari segi tema dan persoalan, Dharmawijaya tidaklah memperlihatkan perbedaan yang jelas dari penyair-penyair lain yang seangkatan dengannya. Namun lama yang bersifat universal ini dapat diolaknya dengan baik karena adanya adanya kekuatan imajinasi, fantasi, dan realiti dalam kehidupannya sehari-hari, sehingga puisi-puisinya menimbulkan kesan yang mendalam kepada kita. Daya tangkap dan daya Dharmawijaya terhadap objek yang dirangsang atau dialaminya secara langsung adalah kuat. Dengan kekuatan imajinasi dan fantasi, puisi-ponsi yang diciptakannya dapat menimbulkan semacam getaran dan perasaan kepada penikmatnya. Tetapi ini bergantung pada citarasa setiap individu yang mana citarasa manusia itu berbeda-beda dan juga bergantung kepada daya penghayatan penikmat itu sendiri.¹

Serubungan dengan tema cintakan tanahair, tentu sahaja sebagai warganegara yang taat setia pada negaranya, semangat cintakan tanahair itu bukan sahaja ada pada setiap orang, bahkan juga setiap penyair. Melalui persepsinya dan dengan kekuatan daya nayahnya terhadap objek yang mengilhami jiwa penyair, Penyair mengungkapkan puisi cintakan tanahair seperti "Tanahairku". Puisi ini jelas pada kita betapa penyair mendedahkan tentang tanahairnya yang telah mencapai kemerdekaan dan akan

menbetikan makna pula pada putera puterinya yang harus
berkorban demi kemerdekaan itu sendiri.

tanahair
ini kanyanyikan lagu
setiarelle yang pada
ke bumi pantungan.

telah melimpah mudah
pitanaya dan koluhoran sampah
dengan kasih yang
di sini hatibudi anak peribumi.

(Warna Maya, No. 42)

pada puisi 'Yang Tumbuh yang Mengalir' yang
dicatatkan bagi mengenang kembali sepuluh tahun kemerdekaan
negaranya. Terasa juga semangat dan ingin mendia
tanahairnya. Tetapi penyair tidak dapat melepaskan rasa
sedihnya melihat beberapa golongan masyarakatnya yang
masih belum mendapat perhatian yang wajar. Kemudian
penderitaan dan kemiskinan masih bisa dilibat oleh penyair
pada masyarakatnya.

III

akan berkatalah ladaang kebenaran
akan berbicaralah suara kejujuran
bersama lagu kemerdekaan
yang gemuruh dilaungkan
bahwa para nelayan bertimbang gelora di saudara
para buruh berhiba lara di kota
para petani bermerik otir di gunung dapa
antara yang telah memberi budi
antara yang telah memberi hati
saya untuk hari depannya
manalah tolananya akan rola
kemarau hidupnya dalam pitanada pepura
sengsara hatinya dalam urap sanjung kerana salla.

(Warna Maya, 37)

Sebagai penyair, Dharmawijaya bukan sahaja dapat menghayati dan mengungkapkan hal-hal yang indah tentang negaranya, tetapi juga masyarakatnya, terutama mereka yang terdiri dari kaum tani, nelayan dan buruh.

Perasaan cintakan dosa dan kampung halaman begitu ketara pada puisi Dharmawijaya yang berjudul "Kampung Talang". Kampung Talang adalah merupakan sebuah kampung yang terbiar buat beberapa waktu, lebih lebih lagi sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Dharmawijaya bukan sahaja mendendangkan tentang keindahan alam semula jadi kampungnya, tetapi yang lebih hendak diungkapkannya ialah kepincangan-kepincangan hidup masyarakat di Kampung Talang itu sendiri.

Penyair menggambarkan tentang kepindahan hidup terutama bagi kehidupan para petaniinya, kerana bertani merupakan sumber utama bagi kehidupan masyarakat di situ. Tentu sahaja penyair berbuat demikian agar pihak-pihak tertentu akan memerhatikan tentang kepincangan-kepincangan tersebut. Penyair tanpa berselindung melukiskan kenyataan-kenyataan kepincangan itu. Kesedihan penyair melihat kepincangan dan keperitan hidup masyarakat di kampungnya itu terungkap pada rangkap-rangkap berikut:

Duhai Kampung talang
 lingsih buding menunggu kuyayang
 sekadar di tiap tepak dan kenang
 air mata ini sering berlinang.

betapalah tidaknya o. tanah kelahiran
yang mengenal arti hidup dan kehidupan
mianmu semakin menepas harapan
malamu semakin menipis keyakinan.

(Warna Maya, hlm.32)

(n) Tema Petani dan Kehidupan.

Penyair sangat berempati kepada nasib melang para petani yang hidup dalam kemiskinan akibat tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak-pihak berkenaan. Masalah petani ini merupakan salah satu dari permasalahan utama yang sering dibicarakan oleh Dharmawijaya dalam puisi-puisinya. Penyair juga memaparkan masalah-masalah sosial seperti kemiskinan, kemelutatan dan penderitaan yang dialami oleh masyarakat di kampung-kampung. Khususnya masyarakat petani.

Penderitaan kaum tani sebagai satu masyarakat yang tertinggal dari kemajuan di desa bukanlah satu perkara baru yang digambarkan oleh penyair kita, tetapi telahpun dibicarakan oleh beberapa orang penyair lain sebelum ini. Apa yang menarik kepada puisi-puisi Dharmawijaya yang membandingkan tentang masalah desa, ialah penyair melihat penderitaan petani dari kacamata yang terdapat iaitu hasil dari pengantaraan belia di kampung halamanya sendiri. Hal ini amat jelas tergambar dalam puisi "Desaku", betapa Dharmawijaya telah melukiskan dengan begitu jelas kekurangan yang terdapat di kampungnya itu.

pada bait pertama puisi tersebut, penyair menulis:

desa tumpah kasihku
 betapalah peribangunmu
 jalan merahnya
 bernilai debu
 sawah ladangnya
 kemarau selalu.

(Warna Maya, hlm. 16)

Seterusnya pada bait terakhir puisi tersebut, penyair semacam menyindir kepada pihak bernajib yang seosolunya bertanggungjawab memberikan pembangunan kepada kampung tersebut tetapi mengabaikan tugas dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Ini diungkapkan seperti di bawah:

oh desaku
 udah mengertilah
 bahagia anak-anakmu
 nombor lang bintang
 di bulan rombang.

(Warna Maya, hlm. 16)

Selain dari puisi "Desaku", terdapat beberapa buah puisi penyair yang lain dalam kumpulan ini mengungkapkan tema yang serupa, antaranya ialah "Balada Seorang Gadis Tani" (Warna Maya, hlm. 24), "Senandung Rakyat" (Warna Maya, hlm. 45), "Kepada Petani" (Warna Maya, hlm. 74) dan "Cinta Anak Peribumi." (Warna Maya, hlm. 76).

Selanjutnya, persoalan-persoalan yang dibicarakan oleh penyair tidak sekali-kali menyimpang dari soal-soal

dalam kehidupan manusia sehari-hari. Dharmawijaya sering menyalurkan rasa simpatinya agar orang ramai dan pihak-pihak yang berkenaan turut merasakan terhadap keprihatinan yang sedang dan telah berlaku dalam kehidupan masyarakat dan alam sekitar yang dilihatnya setiap hari. Dalam hal ini ternyata keistimewaan kita kita penyair yang pernah hidup dalam masyarakat dan sanggup pula mendedahkan segala keprihatinan masyarakat itu demi menegakkan yang benar dan kebenaran. Ini bersempalan dengan pendapat yang mengatakan bahawa sesuatu penciptaan puisi adalah hasil dari getuman gelodak jiwa para penyajak.¹

Tambahan pula puisi sudah diterima sebagai satu bentuk yang wajar dalam perkembangan komunitarian kita, sebagai satu media yang mampu dan sanggup menyuarakan suara hati dan fikiran kita dalam zaman sorba pantas dan berkemajuan.²

Dharmawijaya sentiasa memperihalkan sikap simpatinya terhadap kepahitan hidup kaum tani. Banyak puisinya menyuarakan rintihan dan peritan kaum golongan tersebut. Ousteru sering memperkatakan dan sentiasa bersimpati terhadap penderitaan kaum tani ini. Dharmawijaya lebih mendekatkan lagi dirinya kepada alam dan senonohnya. Sepuluh-olan sudah ditakdirkan ke atas

¹ Muzim Awang: "Sajak Sajak Melayu Sezaman," Donan Sastera, (Julai 1977), hlm. 364-369.

² Mahari, S.N., Sekitar Sajak dan Perkembangan 1951-1964 (Singapore: Malaysia Publication Ltd., 1965), hlm. 120.

dirinya supaya sentiasa mengambil tahu kepada masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh kaum tani. Dharmawijaya amat sedar akan hal ini, seperti yang diungkapkan:

petani
di tanah kasihmu ini
ku temui sia tempua
gugur di ujung senja
dan tangis takdir
tenggelam dalam keringat mengalir.

petani
di hening malam hari ini
kujunjung budi dan kurnia
inilah tulang belulangmu yang bernama

langkah setia
langkah perikasa.

(Warna Maya, hlm. 74)

Untuk hidup sebagai seorang petani, seseorang itu mesti sanggup membenteng tulang sepanjang hari bagi mengelakkan dari kebukuran.

II
ai, dari jorok pagi ke hening malamnya
anak-anak tani bertasbih hiba
meskipun keringat setia tertumpah
dan khidmat bumi berkurun menyembah
sedang esok, lusa dan seterusnya
derita lara dipapah jua

(Warna Maya, hlm. 13)

Ungkapan yang berbunyi sedang esok, lusa dan seterusnya derita lara dipapah jua. Dharmawijaya merasakan seban-olah terlibat sama dalam kehidupan para petani itu. Secara tidak langsung beliau mempelawa kita bersama-sama merasai kegetiran dan kepahitan hidup yang sedang dialami

oleh mereka. Justeru itu, sebagai mewakili para petani yang menderita itu, penyair merayu kepada pihak yang bertanggungjawab seperti torongkap dalam potken di bawah:

o, para dosa diantong parlimen
dalam tidur dalam jaganya
digejar dan menggogol: uap keramat
keadilan, keamanan dan kemakmuran
tapi apalah,
kelan cita nekadar bicara
kelan cita nekadar rasa
hanyalah gumpah pepura.

(Warna Maya, hlm. 14)

Dalam mengarang tentang penderitaan hidup petani, penyair telah memperlihatkan nada simpatinya sebagai seorang pemerhati yang mudah terusik jiwaanya dengan peristiwa peristiwa yang berlaku di hadapannya. Bharanijaya merasakan dirinya terlibat dengan pergolakan diri dan permasalahan hidup kaum tani di tanahair, khususnya di tempat lahirnya sendiri.¹

Memandangkan latar belakang kehidupan penyair sendiri yang lahir dan besar dalam lingkungan dunia petani itu maka tidaklah perlu diragukan tentang puisi-puisinya yang begitu banyak mempersenbalkan tentang perih payah, rintin sendu kehidupan kaum tani, kegetiran hidup petani yang secara langsung dirasainya sejak dari kecil itu, turut mempengaruhi alam perpuisiannya.

¹Kamaron Kisan, "Alan dalam puisi-puisi Bharanijaya," (Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1974), hlm. 46.

walaupun para petani menyadari bahwa pihak bernasib tidak mengambil peduli tentang nasib malang mereka, namun mereka tetap menggantung harapan agar mendapat perhatian. Kadang-kadang terasa oleh kita penyair mengungkit-ungkit perkara yang telah berlaku. Hal ini dijelaskan dalam ungkapan di bawah:

tan-tadiah
anak-anak petani
yang pernah ditegih
setia budinya ini
dalam mengharap miliknya
bahagiannya cuma berlangsir mimpi
usia hanyut menjeruk hati.

[Warna Maya, hlm. 14]

Jelasnya Dharmawijaya berpola seperti penyair-penyair angkatan tahun 60-an yang lain, yang sering mengungkapkan persoalan-persoalan yang menyangkut kehidupan masyarakat di desa dan di kota. Bagaimanapun menurut Ilias Zaidi, yang membedakan Dharmawijaya dengan penyair lain ialah Dharmawijaya tidak banyak memberikan gambaran wajah desa atau kota, tetapi yang beliau pertingkan ialah kisah derita penghidupan masyarakat yang meridi di desa atau kota itu sendiri.¹

¹ Ilias Zaidi, Biografi, Penulis dan Karya (Kuala Lumpur: Fargoes, 1976), hlm. 124.

(c) Tema objek-objek tertentu.

pengolahan tema objek-objek tertentu oleh Dharmawijaya terdapat pada beberapa buah puisinya dalam kumpulan ini dan ini terlepas apakah objek itu diolah atau diungkapkan secara implisit maupun secara eksplisit. Ini tentu pula tergantung pada pengamatan penyair terhadap objek itu sendiri. Misalnya "tugu". Walaupun Dharmawijaya mengolah perwujudan tugu sebagai pokok persoalannya, namun yang menjadi renungan pada kita bukanlah sebenarnya pada objek tugu itu sendiri, tetapi kita harus merenungkan hal-hal yang terselit jauh pada rasa kerancuan yang terselit pada jiwa penyairnya. Dharmawijaya memandang jauh pada nasib manusia akibat terkorbannya pahlawan-pahlawan kita, meninggalkan isteri yang menjadi janda, bapa dan sanak saudara. Di sini tentu sahaja nyawa seorang pahlawan itu tidak boleh disamakan dengan harga sebuah tugu yang kekal. Hakikat inilah yang disodori oleh penyair:

lapi manalan bise
kalau sekadar sebuah tugu
dan karangan bunga
nilai nyawa dan darahmu
kerana segala
anak-anak yang tinggal piatu
dan kerabat yang hidup merapah sindu
bahawa tugu dalam keagungannya
bukan di sana teluk tentoran hati

(Warna Maya, himn. 28)

Sebuah lagi tema objek tertentu yang menarik ialah "Anak Pahlawan". Pada puisi ini terasa ada nada-nada sedih yang mendalam yang dituturkan penyair pada pihak tertentu

penyair ingin menyampaikan suara rasa hatinya dan juga suara rasa masyarakatnya yang dipandangnya masih perlu mendapat perhatian yang wajar dari pihak berkenaan. Betapa harapan penyair dan masyarakatnya terhadap orang-orang yang berkopengungan itu jelas digambarkan oleh penyair:

dan sekarang
lika gemoruh suara berbisingang
mari kita kirikan
segumpal cita dan harapan
ke puncak rasa sedar meroka!
bahawa endas-urai kemerdakaan
bukan bagai sebuah nyanyian
yang enak didengar
dari anak-anak yang nanar.

(Warpa Maya, hlm. 36)

Puisi "Kepada Petani" dan "Ballada Gadis Tani" merupakan satu homage atau suatu penghormatan penyair kepada seluruh kaum tani dan gadis-gadis tani. Pengolahan kedua buah puisi ini menurut Kenji Iwano dalam bukunya Slak dan Celombang Mastara Melayu Baru cukup teliti walaupun tenanya sederhana sekali. Dan tema ini terasa cukup segar dan hidup. Penyair dapat mencetuskan ilhamnya akibat dari realiti objeknya seperti pada "Ballada Gadis Tani" ini.

7

pada menyambar rendah burung layang
bermain riak air di kolam
akan mengertilah gadis di sebuah ladang
desa kerdiinya bakal diintai malam.
lantas berlenynggah gadis reniti pematang
dalam kepapaanya hati berpaut sayang
antara desir dan keribunan padi
limpah kudrat disorik getir anak tani.

dan kianlah siang yang berpayung mentari
 mengalir kerlingannya membarung cita dan harapan
 dan malar yang lena dibuai mimpi
 menpatilah ke teluk hatinya segumpal keyakinan.

(Waras Maya, hlm. 34)

(d) Tema Mengenai Hubungan Alam.

Dharmaditya seperti juga dengan penyair-penyair lain sangat menyenangi alam sebagai pokok persoalan di dalam puisi-puisinya. Sebagai seorang penyair yang sangat sensitif terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya dan secara kebetulan dialaminya sendiri, telah banyak meluat dan meluahkan keadaan alam sekitar dengan fenomenanya serta hubungannya dengan manusia.

Sebagai seorang pemerhati alam yang cepet terunik diwanya, tentu sekali sukar memisahkan dirinya dari alam yang diperhatikan setiap detik dan ketika. Merandangkan pengaruh alam sekitar sangat kuat mempengaruhi jiwa kreatif penyair ini, maka dalam meneparkan persoalan mengenai hubungan alam dan manusia, penyair lebih tertarik pada alam kedesaannya sendiri.⁴

Hubungan alam dan manusia ini sangat jelas diperlihatkan oleh penyair dalam puisi di bawah:

pagi yang jernih
 dan kicau burung
 bermandi esun
 menyapa dan menggetar
 hati kita, sayang.

⁴ Karamu Kilau, hlm. 46.

senja yang bening
 disapa tabtibau
 diintai bulan
 dan kita lona
 dalam mengketanya.

telah kau konsi
 daerah petani
 cita dan ciptanya
 sawah dan lumpur
 tulang dan keringatnya.

(Warpa Maya, hlm. 11)

Penggunaan kata-kata atau rangkaian-kata-rangkaian seperti "pagi yang jernih", "bermandi embun", "senja yang bening", "disapa tabtibau" dan "diintai bulan", adalah merupakan rangkaian-kata-rangkaian atau ungkapan-ungkapan yang sangat tepat bagi membuktikan pereratannya hubungan manusia dengan unsur-unsur alam.

Burung-burung "tabtibau" dan "murai" yang terdapat di dalam puisi di atas menggambarkan pertalian yang erat dalam kehidupan manusia sehari-hari. Kedua-dua burung tersebut telah menjadi panduan untuk menentukan masa kepada penghuni penghuni desa sejak zaman lampau lagi. Burung murai yang berkicau menerangkan waktu pagi yang terang, sementara burung tabtibau pula menerangkan satu masa senja yang hampir malam. Kedua-dua waktu itu merupakan waktu waktu yang sangat penting dan sentiasa diharap-harapkan ketibaannya oleh setiap petani di kampung-kampung.

Diwaktu "pagi yang jernih" dan di waktu "kicau murai", petani-petani di kampung-kampung biasanya mula turun ke sawah atau ke ladang untuk membanting tulang bagi

mendapatkan rezeki. Setelah berpenat lelah di sepanjang hari, mereka mengharapkan pula kembalinya burung tabtiban yang menentukan hari yang hampir malam. Pada waktu ini mereka haruslah berhenti bekerja dan pulang ke rumah.¹

Peri eratnya hubungan kehidupan manusia dengan unsur-unsur alam itu masih dapat dirasakan dalam puisinya yang lain seperti "Ballada Gadis Tani":

pabila menyambar rendah burung layang
bermain riak air di kolam
akan mengertilah gadis di sawah ladang
desa kerdilnya bakal diintai malam.

lantas berlempanglah gadis meniti permatang
dalam kepapaannya hati berpaut sawang
antara desir dan kerimbunan padi
limpah kudrat diserik getir anak tani.

(Warna Maya, hlm. 24)

Dari ungkapan puisi di atas, memang tidak dapat dinafikan bahwa dengan terciptanya puisi itu, penyair bertujuan untuk menjelaskan kepada pembaca bagaimana rapatnya hubungan diri manusia dengan alam sekitar mereka. Alam memang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia sehari-hari khususnya manusia petani. Terdapatnya unsur-unsur alam seperti "burung layang", "desir angin", "riak air" dan "kerimbunan padi" jelas membuktikan hubungan tersebut. Unsur-unsur tersebut merupakan yang paling menarik dan disenangi oleh penyair dalam penciptaan puisinya.

¹Ibid., hlm. 43.

begitu juga halnya dengan hubungan manusia dan matahari. Dharmawijaya telah berupaya melukiskan kepada pembaca betapa eratnya pertalian manusia petani dengan matahari itu menderakan mereka waktu bekerja di sawah. Namun matahari adalah pembawa rahmat kepada mereka terutama di musim kemarau. Keparasan matahari adalah sangat diperlukan oleh mereka untuk pengeringan dan mempercepatkan masakny buah padi mereka. Pada waktu itu (musim kemarau) petani-petani mengharapkan:

esok akan manari rialah jari
dari tangkai ke tangkai yang setia berbeda
dan bersama tak keringat dibakar menari
terisilah debar-harap milik sendiri.

(Warna Maya, hlm. 18)

Ungkapan terisilah debar harap milik sendiri dimaksudkan kepada buah-buah padi yang akan menjadi milik petani-petani setelah dituai. Untuk lebih memperjelaskan lagi tentang hubungan alam, matahari dengan manusia petani itu digambarkan seperti di bawah:

demikianlah siang yang berpayung mentari
mengalir keringatnya membangun cita dan harapan
dan malam yang lena dibuai mimpi
mampatlah ke teluk hatinya segala-pal keyakinan.

(Warna Maya, hlm. 24)

Walaupun sumber-sumber lain juga digunakan oleh Dharmawijaya tetapi unsur alamiah yang sangat disenanginya hinggakan pengalaman hidup dengan perwarnaan alam telah

menjadi sangat setiaanya setiap detik dan ketika di sepanjang hayatnya. Jadi tidaklah menghairankan kita mengapa alam menjadi tanggapan yang sangat menarik kepada penyair. Segala yang berlaku di luar dirinya, tegasnya dalam alam tetapi tidak pernah dilupai oleh Dharmawijaya. Semua yang melintasi ruang matanya tetap menjadi bahan yang kemudian digarap dan diolah untuk dijadikan puisi. Melalui percopainya, kekuatan daya hayal, imajinasi dan fantasinya. Dharmawijaya ternyata telah berjaya menggunakan alam dalam menghasilkan puisi puisi yang bermutu.

Melalui puisi puisinya, penyair telah memperluaskan eksperimennya menyorot bukan sahaja kehidupan masyarakat di sekelilingnya tetapi juga telah berusaha untuk mendekatkan dirinya dengan alam dan fenomena. Persebaran-persebaran alam yang dibicarakan oleh Dharmawijaya tidak menyimpang dari soal kehidupan sehari-hari dan alam sekitarnya. Malah dapat dikatakan bahawa penyair sebagai pemerhati yang sungguh setia dalam merasakan gejala-gejala alam dan berani pula menamparkannya kepada pengetahuan umum.

1. Tema Semangat Kebangsaan

Dalam mempergunakan berbagai-bagai permasalahan dan persoalan di dalam puisi puisinya, Dharmawijaya tidak pernah melalaikan dirinya dari meluaskan semangat supaya cintakan bangsa dan negara sendiri. Dalam beberapa buah

puisnya, bertongkol semangat patriotik terhadap bangsa dan negaranya. Di antara puisi-puisinya yang mencetuskan semangat kebangsaan itu ialah "Anak Parlimen", "Dongat Cikanjala", "Lagu Kebangkitan", "Doa Pengantin", "Yang Tunjap Yang Manggalis" dan lain-lain. Kehadiran nama-nama Melayu seperti Hang Tuah, Orang Kaya Bahaman, Datuk Janggut, Tun Fatimah dan Dang Anum di dalam "Doa pengantin" itu, adalah bertujuan untuk memperkenalkan nama-nama tersebut kepada anak-anak bangsanya khususnya di kalangan muda-mudi. Dengan mengungkapkan nama-nama pahlawan yang pernah berjuang mempertahankan tanah air dari kuasa penjajah diharapkan generasi yang akan datang akan menarini semangat kepahlawanan untuk mempertahankan negara dari dilanda musuh.

anda lahir anakku nanti
kalungkan dada ke denyut nadi
ia anak suci kiriman para wali di Syurga
darabaga kan tunjap untuk darahnya dunia.

kalau ia seorang putra
menyanyikan lagu Hang Tuah Pahlawan Melaka
bisikan nama 'Orang Kaya Bahaman' di telinganya
kenalkan jua datuk Janggut pabila remaja.

kalau pula ia seorang putri
kenalkan padanya Tun Fatimah perikand,
riwayatkan padanya 'Dang Anum' Setia berbudi
agungkan mereka ini simbol pertiwi,
putra putrinya mampadalah sepanjang masa,
kemuliaan dunia ini perub debu berterbangan
bila menghadapi hidup baqa, gelombang di laut
langat, ia gulungan senasib redoh pengikut.

(Parna Moya, hlm. 3)

Pada pandangan Dharma Jaya, negaranya sedang menghadapi berbagai pencaroba dan ancaman dari musuh.

Justeru itu memerlukan ramai pahlawan yang berani untuk mempertahankan negara dari gajah ke tangan gajah-gajah.

9111. "Dengan Sitawaja" pula, Dharmawijaya mengajak anak-anak bangsanya terjaga maruah bangsa dan tanahair dengan berhadapan dengan ancaman yang wujud. Walaupun bangsa ke situ dan darat terakut, sekalipun berhadapan mada-madi bangsanya sangat dinampakkan oleh penyair, penyair mengharapkan agar pemuda-pemudi negara berketeguhan dan berkeyakinan penuh dalam menghadapi segala ancaman musuh. Musuh-musuh negara perlu ditamparkan.

dengan Sitawaja
 hati kita ber ti dada dunia
 akal di bawah hangat sentarinya
 melanda gelombang mainan tangkalnya
 tanpa seribu tangsi
 di debu dunia mimpi.

lalukan rindu ke pulau jauh
 pintu pondi pintu rapuh
 di denyut rasa inggi kerakusan
 di ladang hati mahkota kerokusan.

dengan Sitawaja
 nyanyikan telana
 hidup menatap perjuangan
 rati merendong kemendapan.

(Karya Maya, liri. 54)

Harun bagaimanapun, tema-tema kemendapan keberagamaan yang dibawakan oleh penyair itu bukanlah merupakan sesuatu yang baru dalam dunia peredaran Melayu. Malah, harun separuh dari puisi puisi Melayu yang lahir pada zaman

Jepun dan selepas perang adalah bertemakan semangat kebangsaan.¹

(f) Tema Permasalahan Diri.

Selain dari memperkatakan mengenai kehidupan masyarakat, tema objek-objek tertentu, hubungan alam dan manusia serta semangat kebangsaan, Dharmawijaya juga ada menungkapkan tema dan persoalan tentang permasalahan diri. Beberapa buah puisinya itu memaparkan tentang pergolakan jiwa penyair dan tidak kurang juga rasa rindunya kepada kedanegara. Sebagai contoh ialah dalam puisi "Terbang, Terbanglah Ia".

Penyair menganggap dirinya seperti burung badai yang terbang ke seluruh alam untuk memaparkan seluruh peristiwa. Pada bait ke dua puisi tersebut Dharmawijaya menulis:

di salah bulan senyum montari
karamatilah esul pagi
burung badaiku,
lalu terbanglah ia
bersama kembang cita
ke bukit berjurang
ke laut
tempat mayapnya
menbenihkan sentosa

(Warna Maya, hlm. 84)

¹Ali Ahmad, Tema Sarak-sarak Melayu (1932-1969) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), hlm. 55.

sementara dalam puisi "Puisiku", Dharmawijaya seperti menjelaskan tentang tujuannya menulis puisi. Menurut penyair melalui puisinya itulah beliau dapat melahirkan seluruh perasaannya terhadap apa saja yang menyentuh jiwanya.¹

Dalam "Puisiku" Dharmawijaya menulis:

puisiku selamanya menyapa
 ombak pagi yang remah
 antara rimba rana
 meniti dan rebah
 pada labai kemilau kejora
 rintih kasih anak manusia.

puisiku kini adalah puisi
 kekal suaranya menyanyi hangat mentari
 kekal bicaranya menyanyi mahkota masyarakat
 mesti puisi bahtera singgahnya
 agih mengasih kelok kata sebuah mimpi
 megar dalam semuanya sendiri.

(Warna Maya, him. 60)

Jelasnya, bolehlah kita katakan bahwa Dharmawijaya berpuisi bukan hanya berdasarkan kenyataan dari penglibatan rumpaknya, tetapi lebih didorong oleh sentuhan jiwa yang halus. Justru itu, kita melihat dalam puisinya itu, bukan kisah yang tergambar tetapi pengolahan jiwa dalaman mereka yang dikhinakkan oleh penyair itu sendiri. Hal inilah yang menyebabkan puisi Dharmawijaya itu lebih mengesankan pada jiwa pembaca berbanding dengan kebanyakan puisi-puisi penyair lain yang seangkatan dengannya.

¹ Temu-bual dengan Dharmawijaya, di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 12 Ogos 1988.

Kesimpulan

Menyentuh tentang tema-tema dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair ini, pada hemat pengkaji amat kurang terdapat tema-tema baru dalam orikata belum pernah diabadikan oleh penyair-penyair lain baik yang mendahului dengannya maupun yang mendahulainya. Walau bagaimanapun, Dharmawijaya telah memperlihatkan kejayaan kerayaannya menandakan kopekabadian dalam puisi-puisinya. Satu hal yang jelas pada kita salah dalam membawakan tema-tema yang beragam dan bersifat universal ini penyair telah menunjukkan kemampuannya mengolah dengan baik kerana penyair mempunyai daya imajinasi dan fantasi yang kuat. Kesan dari itu apabila membaca puisi-puisinya boleh menimbulkan getaran dan perasaan kepada pembaca.

Dharmawijaya yang seperti 'gifted' dengan rasa simpati itu bolehlah menggunakan dirinya untuk membongkar kepincangan masyarakat dalam membicarakan segala keadaban yang berlaku bukan sahaja pada alam yang dilihat bahkan juga kepada kelompok-kelompok manusia yang menjadi penghuni sesuatu masyarakat itu.¹

Merendahkan terlalu banyak tema yang diolah oleh penyair dalam kumpulan ini, tentulah tidak semua tema yang diolahnya itu dapat diperkatakan satu persatu. Walau bagaimanapun, pengkaji dapat Dharmawijaya sejauh ini

¹ Phanddy Saefar dan A.M. Thani, "Puisi Dan Manusia," *Deban Sahaja*, (Mei 1969), hlm. 33.

tidak banyak memancarkan unsur-unsur keagamaan yang mana karya-karya pendidikan akan menuntut perenungan dan penghayatan lebih mendalam daripada pembaca.

Analisis Tema dan Permasalahan - Novel

Pengenalan

bagian ini juga membuat penelitian secara intrinsik terhadap dua buah novel hasil karya dua orang penulis Negeri Sembilan yang tidak asing lagi, malah sering menggonzoi hadiah kemenangan dalam sayembara-sayembara yang diadakan sama ada dalam bahagian novel mahupun cerpen. Dua buah novel yang dikaji iaitu novel Hidayah oleh Harun Hadi Salleh dan Cejak Pulang oleh Dharwala N.S. Kedua-dua buah novel ini pernah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan yang diadakan. Hidayah yang diterbitkan pada tahun 1984 asalnya berjudul Niat pernah memenangi Peraduan Mengarang Novel Islam Anjuran Bahagian Agama Islam Jabatan Perdana Menteri, Sempena Abad ke 15 Hijrah (1981). Manakala Cejak Pulang memenangi tempat ketiga dalam Sayembara Penciptaan Novel Gagasan-Yayasan Sabah (1979).

Sinopsis Novel Hidayah

Pengarang novel Hidayah, memulakan ceritanya di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti, Negeri Sembilan. Watak yang ditonjolkan, "pemuda berganggu sejenapnya

¹ Abdul Ghani Abdullah, "Hidayah: Lahir Daripada Peraduan Sempena Abad 15 Hijrah," Deban Samtera, (15 Mei 1983), him. 53-54.

dalam kesedihan kerana terpaksa meninggalkan kampung itu untuk bertugas di Sabah. Watak yang disembunyikan untuk sekian lama akhirnya diperkenalkan sebagai Ustaz Mazran, anak angkat Almarhum Tok Guru Amir yang pernah merantau ke Sabah berpuluh-puluh tahun.

Setelah menceritakan hal Ustaz Mazran, beliau berudian memilih sebuah kampung dusun, Kampung Bukit Tinggi, di daerah Tamparuli Sabah. Watak-watak pentingnya, Erus dan Kusi, anak kembar Sunti yang berwatak rajin dan amanah. Sunti mati ditimpa kayu lalu Erus dan Kusi dijaga oleh neneknya Gumpiling. Erus, Kusi dan Gumpiling kemudiannya dipisahkan kerana sikap dan tindakan Kabeng, ketua Kampung Tanah Tinggi, Kusi, kerana tidak tahan dengan paksaan Kabeng menjadi orang buruan orang-orang putih yang ingin mendaki Gunung Kinabalu dengan upah yang murah, lari dari kampung itu. Dia kemudian mendapat berita bahawa sandaranya Erus mungkin tinggal di Api-Api (Kota Kinabalu) kerana itu ia kemudiannya di setiap tempat dari Tamparuli hingga ke Api-Api. Setelah takdir kedua-dua saudara kembar itu mencari jalan masing-masing, Kusi menjadi anak angkat Tok Guru Amir dan Makcik Dorah yang baik hati yang berniaga nasi di Jesselton (Kota Kinabalu). Makcik Dorah mati dalam kemalangan talanraya. Dari peristiwa itu, Tok Guru Amir mengambil keputusan untuk pulang ke Semenanjung (ke kampungnya) dan membawa Kusi bersama. Kusi diberinya nama baru, Ustaz Mazran, yang diceritakan dalam bab pertama.

Sementara itu saudara kembara Kusi yaitu Kruz yang terlantar di sebuah gereja telah diambil menjadi anak angkat paderi berbangsa Belanda dan seterusnya telah menjadi seorang paderi dengan nama Father Alexander Tawil.

Kusi atau Ustaz Mazran datang semula ke Sabah untuk menyebarkan tenaga baktinya dalam bidang pendidikan agama Islam. Ustaz Mazran tidak pernah lupa terhadap saudara kembarnya. Sekembalinya ke Sabah, dia berdoa ke Hadrat Allah S.W.T supaya dipertemukan kembali dengan saudara kembarnya itu. Ustaz Mazran ditugaskan di sebuah sekolah di pedalaman. Di sekolah itu dia bertemu dengan Cikgu Mary Munang yang akhirnya terjalin persahabatan sehingga membawa kepada perencatannya. Perencatannya mereka terganggu kerana adanya perasaan benci dari Cikgu Francis Unggal. Tetapi kerana ketahanan peribadi dan kebijaksanaan menenangkan perasaan serta fikirannya, Ustaz Mazran telah mendirikan rumpunannya dengan Cikgu Mary Munang.

Tema dan Permasalahan

Novel Hidayah menggunakan tema pokok tentang latar belakang keluarga-pendidikan, membentuk keperibadian dan pegangan hidup manusia apabila dewasa. Tema pokok ini pula dikembangkan melalui cara perpisahan dua beradik kembar Kusi dan Kruz dari neneknya Gempeling. Kedua-dua anak kembar ini tidak mempunyai pegangan agama ketika mereka berpisah. Latar belakang keluarga mereka juga bukan

dari kalangan yang beragama. Pendidikan Kusi terhadap latar keluarga angkat dan pendidikan Islam akhirnya telah membuka hati Kusi untuk memeluk agama Islam secara sukarela, seperti yang digambarkan oleh pengarang:

"pada malam itu tanpa disuruh Kusi datang ke masjid dengan pakaian seperti budak budak yang lain. Dia sama-sama khushyuk dengan merid-merid yang lain untuk belajar mengaji."

Apabila Kusi telah memeluk Islam, namanya ditukar kepada Mazran Abdullah.² Pendidikan terhadap latar keluarga dan pendidikan Islam yang berterusan dari Tuk Guru Amir, akhirnya membentuk peribadi Mazran sehingga berjaya menawat jawatan sebagai guru agama seperti bapa angkatnya, Tuk Guru Amir. Sementara latar pendidikan Rus (Alex Tawar) dan bimbingan Majlis Gereja yang diterimanya,³ telah membentuk Alex menjadi seorang paderi seperti bapa angkatnya juga.

Demikianlah tema pokok *Hidayah* yang mengemukakan tentang latar belakang keluarga dan pendidikan, membentuk keperibadian dan pegangan hidup manusia apabila dewasa. Betik perpisahan antara watak Kusi dengan Rus, menjadi titik awal perkembangan tema pokoknya. Kusi bertukar

¹Harun Haji Salleh, *Hidayah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hlm. 48.

²Ibid., hlm. 56.

³Ibid., hlm. 83.

kepada nana Ustaz Mazran, adalah kerana latar keluarga dan pendidikan yang diterimanya mendorong dia menjadi sedemikian. Begitu juga dengan Erus.

Di samping tema pokok, Hidayah juga mengemukakan beberapa tema kecil yang dapat diungkap melalui perkembangan tema pokoknya. Tema kecil Hidayah merangkumi persoalan-persoalan seperti:

- a) Keagamaan
- b) Sikap keagamaan dan kesukuan
- c) Penghijrahan
- d) Eksploitasi
- e) Keburukan sikap minum arak (air tapai)

[a] Persoalan Keagamaan.

Novel Hidayah cuba menaparkan tentang persamaan antar kitab suci Al-Quran dengan kitab Bible seperti yang dikatakan oleh natak Ustaz Mazran. Setiap permintaan mestilah terus kepada Allah dan bukan pada semangat atau hantu. Dalam Bible Mathew 7:7 terang-terang menyebut:

"Ask, it shall be given."

atau

"Berhata Tuhannu, mintalah kepadaku dan saya akan perkenankan."¹

¹Ibid., hal. 111.

Hidayah terus mengemukakan perbedaan di antara agama Islam dengan Kristian. Perbedaan ini amat jelas melalui monolog dalaman tokoh utama Mary Munang:

" Amat jelas bahawa agamaku hanya menjurus kepada kepercayaan ketuhanan dan peribadatan semata-mata. Tak lebih dari itu."

Kalaupun agama Kristian menyuruh umatnya supaya memohon kepada tuhan tanpa ada perantaraan, tetapi pada hakikatnya tidak pula berakur seperti begitu. Yang dikritik secara langsung oleh pengarang:

" Pihak Katolik tidak membenarkan umat Kristian memohon terus kepada Allah melainkan kepada paderi yang akan menyampaikan permohonan itu kepada Isa Al Masih, dan Isalah yang akan menyampaikan permintaan itu kepada Allah."²

Hidayah juga juga memperlihatkan persoalan tentang perbedaan di antara kitab Injil dengan Bible menerusi kata-kata Ustaz Maznan:

" Bagi saya dan orang-orang Islam yang lain menganggap bahawa Injil itu adalah kitab yang diwahyukan Allah kepada Isa, manakala Bible pula merupakan antologi Injil-injil: Matius, Markus, Lukas dan Yahya yang termuat dalam Bible sekarang."³

¹ Husein Haji Salleh, Hidayah, Isid., hlm. 134-135.

² Ibid., hlm. 135.

³ Ibid., hlm. 135.

Seterusnya Ustaz Mazran menyatakan:

"Apa yang saya akui bahawa Injil itu adalah memang benar tapi Bible tidak boleh saya katakan benar semata-mata benar dan palsu semata-mata palsu."¹

Kerosakan kitab asli Injil adalah hasil dari daya usaha Paul atau Paulus yang dianggap mendapat wahyu reinkarnasi seperti yang dikatakan oleh watak Ustaz Mazran:

"Pauluslah manusia yang mula-mula merosakkan Injil-injil asal yang pernah digunakan awal permulaan masehi."²

Dengan kata lain Kitab Injil adalah kitab suci, sebaliknya Bible telah tercemar isi kandungannya, Al-Quran pula tidak pernah tercemar isinya walaupun ada usaha pihak Yahudi mendari kepulauan kitab suci Al-Quran.³

Selain dari tema dan persoalan tadi, Hidayah juga memaparkan persoalan dengan menyindir paderi-paderi Kristian yang menganggap diri mereka suci, apabila mereka bertindak untuk membujang saumur hidup, begitu juga perbandingan kesucian dan kemuliaan di antara Nab. Isa dan Nabi Muhammad S.A.W. berdasarkan perkahwinan, seperti kata Ustaz Mazran yang digambarkan dalam novel:

¹Harun Haji Salim, Hidayah, Ibid., hlm. 120.

²Ibid., hlm. 121.

³Ibid., hlm. 127-128.

"Kalaupunlah cikgu menganggap perkahwinan itu kotor, saya rasa agak keterlaluan. Bukankah melalui perkahwinan itu akan dapat melahirkan lebih ramai lagi umat? Umat Muhammad, umat Isa, umat Musa dan umat-umat yang lain. Apakah cikgu dah lupa punca kemunculan cikgu di dunia".¹

Akhirnya novel ini turut menderukakan persoalan tentang memilih calon isteri mengikut agama Islam. Persoalan kecil ini dapat disingkap melalui monolog dalaman Ustaz Mazran yang berpandukan kepada Al-Quran dan Hadis seperti yang diungkapkan:

"Kahwinlah perempuan itu kerana hartanya, keturunannya, keayuanya, dan ...?"

"Besiapa yang suka fitrahku hendaklah bersunna dengan sunnahku, dan antara sunnahku ialah berkahwin. Kahwinlah wanita perketurunan banyak anak dan kasih sayang, supaya aku mempunyai umat yang ramai di hari kiamat kelak."

"Bergilah dan lihatlah bakal isterimu, kerana dengan berbuat demikian akan lebih besar harapan pergaulan kalian nanti akan lebih kekal dan bahagia."²

Demikianlah beberapa persoalan keagamaan yang dapat dikemukakan melalui novel ini. Persoalan ini lebih cenderung mengupas persamaan dan perbezaan antara agama Islam dengan Kristian, persamaan dan perbezaan antara

¹ Ibid., hlm. 127-128.

² Larus Haji Salleh, *Hidayah*, Ibid., hlm. 181-185.

kitab Al-Quran dan Injil serta Bible, perbandingan peribadi Isa dengan Muhammad S.A.W. akhirnya novel ini juga menyentuh kriteria-kriteria untuk memilih calon isteri berpandukan ajaran Islam.

(b) Persoalan Kenegerian dan Kesukuan.

Hidayah telah mengemukakan natak cikgu Francis Unggai seorang Dusun bagi mewakili mereka yang berfahaman perkumman, iaitu dimulakan dari kebenciannya terhadap orang-orang Semenanjung, apabila dia enggan bertutur dalam Bahasa Malaysia semasa bertemu Ustaz Mazran dan cikgu Peter Gobing, Guru Besar sekolah. Maka tidak hairanlah kalau kedatangan Ustaz Mazran untuk mengajar agama di sekolahnya telah disambut dengan dingin daripada Cikgu Francis Unggai.

Kebencian Cikgu Francis Unggai terhadap Ustaz Mazran bertambah meluap apabila cintanya terhadap cikgu Mary Munang tidak berbalas.¹ Sebaliknya Cikgu Mary Munang bertambah rapat dengan musuh Cikgu Francis Unggai - Ustaz Mazran. Kewujudan fahaman perkumman dan sentimen perbezaan agama tidak dapat dihindarkan oleh manusia walaupun mereka punya pendidikan tinggi. Hal ini jelas seperti yang digambarkan oleh pengarang:

¹Harun Haji Salleh, Hidayah, Ibid., hlm. 92-93.

" Bagaimana tingginya tamaddun manusia itu sekalipun, sentimen kedaerahan pasti wujud. Begitu juga tingginya daya keintelektualan seseorang itu sentimen kenegerian masih tetap berakar-umbi."¹

Sementara itu kewujudan perbezaan agama pula merupakan faktor yang menyukarkan lagi hasrat mencapai integrasi nasional dan perpaduan kaum.

(c) Persoalan Penghijrahan.

Dalam perkembangan tema pokok Hidayah, ia telah dimulai dengan tema kecil, - kesan buruk akibat proses penghijrahan dari kampung ke bandar. Kampung Bukit Tempurung telah di ambil sebagai mewakili kampung-kampung lainnya yang telah menerima kesan buruk proses penghijrahan penduduk ke bandar. Kampung Bukit Tempurung menjadi sunyi bila ramai anak-anak mudanya berhijrah. Tanaman kampung seperti gula kabung, pucuk cemperai dan sebagainya tidak lagi mendatangkan hasil. Malah kampung ini digambarkan seperti ungkapan di bawah:

" Apa yang kelihatan cuma lautan belukar senduduk berbaur rumput-rumpai yang tumbuh meliar hingga melampasi kepala. Ada juga pokok-pokok leban yang tumbuh bertompok-tompok di lautan tanah sawah yang sekian lama terbiar. Pokok-pokok leban sudah sebesar botis dan boleh dipanjat oleh orang-orang dewasa.²

¹Ibid., hlm. 75.

²Harun Bapa Salleh, Hidayah, Ibid., hlm. 3

proses hijrah juga membawa kesan positif terhadap pembangunan fizikal dan mental. Seandainya hijrah yang dilakukan itu bertujuan memperbaiki taraf hidup seperti membuka tanah baru, atau Rancangan FELDA dan sebagainya,¹ penghijrahan Tuk Guru Amir bapa angkat Ustaz Maaran ke Sabah adalah untuk berdagang sambilan berdagang kain songket.² Hujahnya Ustaz Maaran ke Senenenjung adalah untuk mendalami ilmu pengetahuan agama begitu juga penergian oleh Mary Munang dan Father Alexander ke Australia untuk belajar adalah dituntut dari segi keilmuan, walaupun mereka bukan beragama Islam.

Demikian Hidayah yang digarap sebegitu rupa telah menampakan tentang kesan penghijrahan yang bukan sahaja negatif sifatnya tetapi adakalanya penghijrahan itu adalah wajar dilakukan khususnya dalam ekonomi dan pelajaran.

(d) Permasalahan Moral

Melalui novel Hidayah ini juga, pengarang Hajar Hafi Salleh telah mengemukakan beberapa aspek tentang moral yang buruk di kalangan masyarakat. Permasalahan penindasan masyarakat (eksploites) terhadap anak-anak yatim piatu dipaparkan melalui teknik ungatan kembali Ustaz Maaran pada bab dua. Sewaktu masih kecil mereka dihina dan ditinda lebih-lebih lagi kalau keluarga yatim

¹ Ibid., hlm. 5

² Ibid., hlm. 12

itu tidak berharta seperti Kusi dan Erus. Mereka ditindas oleh sistem tradisi yang tidak adil. Ketua Kampung dengan pengaruh yang ada padanya telah mengerahkan Kusi dan Erus menjadi *potter* (Pemungga barang) tanpa bayaran. Perindasan Ketua Kampung jelas melalui ungkapan Kabeng kepada Kusi dan neneknya:

"Aku tak peduli, aku Ketua Kampung ada kuasa beri perintah pada anak-anak buah."

Perindasan masyarakat terhadap anak yatim dapat juga disingkap melalui keluhan dalaman Kusi:

"Montang-montang kami anak yatim piatu lantas diperhambakan dengan sewenang-wenangnya."

(Hidayah, hlm.24)

"Dirinya diracakan tak ubah seperti kain buruk di tepi jalan. Dilenyah-lenyah dan disuruh kerah dengan sewenang-wenangnya. Justeru itulah dia lantas moncutuk bahawa kampung tempat lahirnya terlalu kejam padanya."

Apa yang dipaparkan oleh pengarang melalui novelnya ini jelas menunjukkan tentang sikap buruk dan kerendahan moral golongan pemerintah atau pemimpin yang

¹ Haron Bari Salleh, Hidayah, Ibid., hlm 23.

sepatutnya membea nasib golongan yang lemah. Namun apa yang berlaku pada watak Kusi dan Erus adalah sebaliknya. Pihak pemimpin sedara terang-terang telah menyalahgunakan kuasa yang ada untuk memenuhi hasrat dan kepentingan diri mereka sendiri.

Selain dari itu pengarang juga telah menunjukkan keburukan sikap watak diksi Francis Ungga: sebagai pemakili orang lain yang punya tabiat buruk minum arak. Gambaran tentang kesan buruk hasil dari sikap ini telah diungkapkan oleh pengarang seperti katanya:

" Hilang sudah pekerti dan lenyaplah kemanusiaan. Sekaligus, lunturnya pertimbangan dan perhitungan kerana dirangsang mabuk yang menggila."

(Hidayah, hlm.141)

" Akhirnya lunturlah pekerti dan punah kemanusiaan. Air syaitan yang ditegakunya tadi semakin terasa membatang lalu menghancur-leburkan perhitungan. Dia benar benar sudah terperangkap oleh pukulan iblis dan syaitan."

(hlm 149)

Keburukan tabiat minum arak ini bukan sahaja merosakkan nasihat fizikal manusia, malah ia juga akan meragut seluruh kepercayaan masyarakat manusia.

Menurut Hidayah, diksi Francis Ungga yang sebelum ini mendebik dada mengaku sebagai pejuang dan pahlawan agama, telah menolak agama Kristian dan ini jelas dari kata-kata yang diucapkan agama yang dipertahankan selama ini apabila sewaktu dia telah mabuk:

"tuhan Yesus tak ada lagi. Yesus sudah nati."

(Hidayah, hlm. 151)

Kesimpulan

Begitulah tema-tema yang terkandung dalam Hidayah yang telah coba dipaparkan oleh pengarang. Tema pokoknya bisa dapat diketahui apabila pembaca mengikuti perkembangan watak-watak pentingnya seperti Ustaz Mazran dan Alexander Iawai, yaitu saudara kembar yatim-piatu yang akhirnya mereka berbeza agama dan pegangan hidup akibat penerima latarbelakang dan pendedahan keluarga angkat serta mendapat pendidikan yang berbeza.

Tema-tema kecil Hidayah terkandung dalam perkembangan watak Ustaz Mazran. Tema ini adalah secara langsung digambarkan oleh pengarang, ada juga tema kecilnya yang bisa dapat diketahui apabila pembaca meneliti dialog antara watak-watak, gerak batin watak dengan arus kesedaran dan monolog dalam wataknya.

Sinopsis Novel Jejak Pulang

Novel Jejak Pulang adalah merupakan salah sebuah novel yang pernah memenangi Sayembara Penulisan Novel Sapena Yayasan Sabah tahun 1979 dan mendapat tempat ketiga. Novel ini mengemukakan tentang pengaruh politik dalam kehidupan manusia terutama yang melibatkan orang-orang yang mempunyai kuasa dengan orang-orang yang

terpaksa tunduk kepada kuasa. Keistimewaan novel ini adalah kerana ia merupakan rakaman dari kisah sebenar yang berlaku di kampung pengarang sendiri. Novel ini menggunakan latar yang benar-benar wujud iaitu di Kampung Gadang Manting, Terlang, Jelebu. Watak-watak yang dipadankan dengan orang-orang kampung itu yang terlibat dengan peristiwa yang dirakamkan misalnya watak Kosai, realitinya memang seorang tua yang mengidap penyakit jiwa yang teruk. Begitu juga dengan watak-watak ini direncami dengan imaginasi, ilusi dan berbagai teknik penceritaan oleh pengarang menjadikan watak-watak tersebut lebih menarik dan berkesan dari keadaan realiti mereka.

Menerusi novel ini, Dharmala dengan lebih tegas mengemukakan fahaman dan pandangan positif serta negatifnya terhadap Adat Perpatih yang menjadi amalan orang-orang di kampung khususnya dan Negeri Sembilan umumnya. Adat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan bermasyarakat di dalam kelompok masyarakat beradat Perpatih malah dianggap sebagai suatu peraturan yang harus diikuti bersama.

Tema dan Permasalahan Novel Jejak Pulang

a. Tema dan Permasalahan Adat Perpatih

Menurut Ramli Isin, novel Jejak Pulang memang mempunyai sesuatu yang menarik diutarakan oleh Dharmala N.S., suatu yang belum pernah disentuh secara mendalam atau terperinci oleh novelis kita.¹ Pihak penilai Hadiah Novel Sapena-Yayasan Sabah ini juga mempunyai pandangan yang hampir serupa. Novel ini dikatakan membawakan tema konflik dalam masyarakat yang kuat berpegang kepada adat. Cerita ini menggambarkan pergolakan keluarga kerana perasaan dendam, pembunuhan yang sewenang-wenang dan fikiran masyarakat yang belum bebas dari penjajahan kolonial walaupun sudah lama mencapai kemerdekaan.²

Menurut Jejak Pulang ini kelihatan Dharmala cuba menghidupkan suasana di satu kampung yang terdapat di Negeri Sembilan, melukiskan keadaan dan kehidupan desa yang terpencil melalui pemikiran orang desa itu sendiri. Untuk menghidupkan lagi suasana itu pengarang seringkali menyelitkan dialog-dialog dan kata-kata panggilan, gelaran dan sebagainya yang lazim diucapkan oleh orang-orang kampung. Jelasnya novel ini membawakan unsur kedaerahan

¹ Ramli Isin, "Dharmala N.S. Bawa Permasalahan Adat Perpatih," Utusan Kanan, (28 Jun 1981), hlm. 7.

² Panel Hakim Penilai Hadiah Novel Sapena - Yayasan Sabah, Laporan, 1979.

yang begitu menonjol khususnya dari segi dialek Minang. Memang diakui bahwa loghat daerah merupakan satu unsur warna setempat yang paling baik dan berkesan, kerana ia memberi gambaran tentang apa yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Adat adalah salah satu aspek yang menjadi unsur penting di dalam pembinaan novel ini. Sesuai dengan latar tempat iaitu di sebuah kampung yang agak jauh di pedalaman Negeri Sembilan, pengarang sering menyisipkan pegangan dan fungsi Adat Perpatih di kalangan masyarakat ini. Disebabkan mereka terlalu berpegang kuat kepada adat sehingga menimbulkan beberapa konflik akhirnya membawa kesan yang negatif.

Perubahan lentang adat yang dibuat oleh Dharmala agak mendalam dan menyeluruh berbanding dengan novel-novel dan cerpen yang ada menyentuh tentang adat itu sebelum ini.¹ Sebagai anak asli Negeri Sembilan dan dibesarkan dalam keluarga dan tempat tinggal yang masih berpegang kuat kepada adat, tidak hairanlah Dharmala dapat mempersembahkan dengan begitu baik dan lengkap dengan kata-kata perbilangan adatnya melalui pepatah dan petitihi. Dharmala juga mungkin pernah mengalami atau melihat sendiri peristiwa-peristiwa buruk yang berpunca dari adat, seperti yang digambarkannya melalui novel *Jejak Fulang* ini.

¹ Ramlie Ismail, "Dharmala N.S. Bawa Persekitaran Adat Perpatih," *hlm 7*.

Mereka hidup dalam sebuah kampung yang diketuai oleh seorang 'tua adat' iaitu Datuk Mangku Ulup. Pengarang menimbulkan konflik antara keluarga ini dengan masyarakat sekeliling yang juga berpegang kuat kepada adat. Orang-orang kampung terutama Haji Man dan Kudin bersikap prejudis kepada keluarga Kosai atas beberapa sebab iaitu Haji Man menganggap Kosai telah sengaja membunuh adiknya Haji Senail ketika mereka sama-sama pergi berburu, terpengaruh dengan tuduhan bahawa anak Kosai itu sendiri yang dikatakan 'gila'. Justeru itu, mereka terutama Haji Man telah mempengaruhi orang-orang kampung Bacang Manting untuk memulau dan mengasingkan keluarga Kosai. Mereka bertindak kejam tanpa perikemanusiaan.¹

Menurut Dharmala, orang-orang itu (Haji Man dan Kudin) telah menggunakan adat untuk menjalankan dakyah mereka. Haji Man telah menggunakan kedudukannya sebagai 'orang yang dihormati dan ditegani' untuk mempengaruhi orang kampung supaya memusuhi keluarga Kosai semata-mata kerana ingin membalas dendam ke atas kematian adiknya Haji Senail. Dengan kata lain, adat telah dijadikan sebagai alat, manusia telah menyalahgunakan kedudukannya dalam masyarakat yang mengamalkan adat itu untuk kepentingan diri dan untuk membalas dendam. Adat sebenarnya betul tetapi manusia yang menjadikannya tidak betul.²

¹Kasli Isin, "Dharmala N.S. Bawa Persoalan Adat Berpetih.", *Ibidi*, hlm. 7

²Temubual dengan Dharmala N.S., di Gombak, Kuala Lumpur, 4 Feb 1989.

pengarang telah menimbulkan peranan adat dalam berbagai aspek kehidupan seperti dalam pembahagian harta pusaka, menentukan kuasa dalam sesebuah keluarga, menpatuhkan satu-satu hukuman, peraturan dalam melantik ketua adat, pemilihan dan perkahwinan, urusan kekeluargaan dan sebagainya lagi. Pendek kata, setiap perlakuan dan setiap aspek yang berkaitan dengan hidup tertakluk kepada adat. Sehubungan dengan itu, pembaca telah diperkenalkan dengan berbagai istilah yang berkaitan dengan adat berberta dengan pepatah dan petitihnya yang menjadi ciri estetika Adat Perpatih. Contohnya seperti (istilah) perkataan Datuk Mangku, waris kedim harta nan bertuan, buapak, orang gadang, Tua Waris, seka buapak, getah batang dalam adat, eman sepuluh waris kedim, perut menyandang pusaka, seka waris, jadu telapak, orang luar tepi dan lain-lain lagi. Kata-kata perbilangn adat seperti menyusut di bumi dipijakkan, terjun di langit ditampungkan, tak patah tiak, dalam lingkong kok cacat uida pada ada; eman sekampung dua sigai; macam mata putih dengan mata hitam; pusaka begilir waris bergelari; kok salah tepat disipikan, kok salah sipi disiahkan; pecat mati berkebulatan, pecat hidup berherelatan dan sebagainya lagi yang mengandungi pentafsiran yang bernilai.

Menyerusi novel Jejak Pulang ini, adat juga telah dijadikan punca pertelingkahan misalnya Haji Man dan Kudin merancang untuk memecat Datuk Mangku Ulup semata-mata kerana Datuk Mangku Ulup membawa biah yang sakit tenat ke hospital tanpa meminta izin dari Kudin (sebagai waris

kedua berta nan bertuan?'. Dengan memberikan gambaran yang terperinci tentang Adat Perpatih ini, pengarang merasakan dapat membantu pembaca yang di luar lingkungan adat ini untuk memahami tentang Adat Perpatih.

Pengarang juga bukan sahaja melihat adat dan fungsi adat dengan seadanya, sebaliknya beliau turut menilai di mana kebaikan dan keburukan adat ini. Beliau tidak menghukum secara terus-terang sebaliknya beliau menjadikan kesan di sebalik peristiwa yang berlaku sebagai batu penimbang akan baik dan buruknya adat itu. Sebagai anak jati yang hidup dalam lingkungan adat, Dharnala sendiri boleh diambil contoh kepada watak Mat Som dalam novel ini. Watak Mat Som tidak mempunyai kuasa untuk mengubah atau menghalang orang ramai untuk mempercayai adat yang dianggapnya sebagai negatif, jadi cara yang sebaiknya adalah melalui iktibar yang didapati di sebalik cerita-cerita yang dikarangnya.

(b) Tema dan Permasalahan Semangat Gotong-royong dan Adat Resam

Selain dari persoalan tentang Adat Perpatih, pengarang juga memasukkan unsur-unsur adat resam yang biasa terdapat di kalangan masyarakat orang Melayu. Contohnya sikap gotong-royong (jelas dilihat ketika kendera mengkhatakan Midon)¹, ziarah-menziarah terutama

¹ Dharnala N.S., *Jejak Pulang*, hlm.26.

ketika berlaku kematian atau keralangan, hormat kepada orang tua dan sebagainya lagi.

Ketika mengunjungi rumah orang, tetamu juga harus menjaga adat misalnya adat memakan sirih ketika bertamu. Adat ini dianggap penting sebagai tanda berbudi bahasa dan menjaga nama baik tuan rumah, seperti petikan di bawah :

" Sirih tersedia di depan dicapai Timah. Kalau sirih sudah ada di depan mesti dijamah. Kalau tidak dijamah samalah macam tidak tahu adat. Bini ketua adat macam dia mesti tahu juga adat turun-temurun. Mahu jamah sirih juga kena kapur sekali. Apa kata orang kampung kalau bini ketua adat tidak tahu kapur sirih. Kapur sirihpun mesti tahu juga. Kalau banyak bubuk kapur melecur pula lidah. Banyak pinang tentu boleh jadi malan sampai pening sebab tak menentu. Kapur sirih mesti tahu sukat, biar berneri muka bila makan sekapur....Sebut saja pasal adat mesti ada sirih dihidup."

(Gejak Polang, hlm. 161)

10 : Tema dan Persoalan Kemiskinan Masyarakat

Selain dari tema dan persoalan yang berkisar tentang Adat Perpatih dan adat resam orang Melayu khususnya di kampung Berang Manting, pengarang juga menaparkan tentang persoalan kemiskinan masyarakat kampung itu yang jauh dari pembangunan. Misalnya, pengarang telah menaparkan keadaan fizikal kampung tersebut yang terletak jauh di pedalaman,¹ tidak ada jalanraya, pengangkutan,

¹ Ibid., hlm. 29

sekolah dan lain-lain kemudahan. Masyarakatnya hidup dalam keadaan kemiskinan tetapi saling muafakat (kesetiakawanan) keluarga kosaili.

Untuk ke sekolah, anak-anak terpaksa berdedai ke sekolah pagi-padi berjalan sejauh tiga batu ke simpang jalan besar. Kemudian naik bas sobatu baru sampai ke sekolah.¹

Kemiskinan juga telah mendorong watak Katib mencuri duit dan barang-barang dari kedai Cina. Akhirnya Katib telah ditangkap polis. Ini digambarkan melalui petikan di bawah:

" Katib ditangkap polis kerana pecahkan pintu kedai. Pecahkan laci duit. Katib betul-betul sudah berani. Katib ditangkap ketika pakai uniform sekolah."²

Kesimpulan

Melalui latarbelakang dan kegunaan penulisan Dharmala N.S., menerusi keryanya yang telah diteliti dalam aspek tema dan persoalan, sesungguhnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Dharmala adalah seorang penulis yang berbakat dan simpati dengan nasib bangsanya yang hidup dalam serba kemiskinan serta jauh dari pembangunan. Semai

¹ Ibid., hlm. 29.

² Ibid., hlm. 31.

dengan peribadi dan perbuatannya yang sederhana. Justeru
 beliau sering membahas persoalan-persoalan yang sederhana
 dalam karyanya tetapi berat dengan mesej yang tersembunyi.
 Penerusi Jejak Pulau, ternyata sekali Bharmala telah
 mengemukakan unsur-unsur warna setempat yang amat jelas
 serada dari segi latar, dan dalilnya. Persoalan tentang
 adat berpatih begitu jelas sekali dipaparkan oleh
 pengarang di samping persoalan-persoalan tentang adat
 resam masyarakat Melayu, semangat gotong royong dan juga
 persoalan atau permasalahan kemiskinan masyarakat.
 Karyanya mempunyai nilai yang tinggi dan amat rapat
 menyentuh tentang masyarakatnya.

Analisis Tema dan Pergeseran Cerpen-Cerpen Ali Majid dan Pharmala N.S.

Pendahuluan

Cerpen adalah satu bentuk sastra kreatif yang mempunyai nilai-nilai seni. Ia merupakan satu genre prosa yang begitu popular dan produktif sekali dihasilkan kini. Hal ini mungkin disebabkan teknik penciptaannya mudah dikuasai dan pendek dari novel. Apatah lagi adanya akhbar dan majalah yang menyiarkannya. Justeru itulah, kita dapati begitu ramai penulis yang bertuba bakat mereka sehingga cerpen itu dikenali sebagai 'Sastra Persuratkhabaran'.¹

Sebagai cabang seni sastra kreatif imaginatif yang popular, cerpen merupakan salah satu alat penyalur fikiran manusia, malah ia menjadi lebih penting sebagai bahan untuk menyampaikan mesej masyarakat dalam sesuatu zaman.²

Walaupun bagaimanapun, sebagai sebuah cerita atau fiksi pendek, biasanya setiap cerpen itu tidaklah menggambarkan keratus-peratus kebenaran yang boleh dipercayai. Memang tidak dinafikan, adanya cerpen yang

¹ عثمان پوتح, 'Cerpen Melayu Sepanjang Dekad 70-an,' Dewan Sastera, (Januari/Februari 1981), hlm. 5.

² Mohd. Thani Ahmad, 'Penghasilan Cerpen Melayu Dalam Tahun 80-an (1),' Dewan Sastera, (Feb 1974), hlm. 57.

mengisabkan kejadian sebenar atau realistik sifatnya, tetapi telah diolah dengan kemahiran dan gaulan kreativiti serta imajinasi pengarangnya. Namun, pengumpulan unsur imajinasi itu penting tetapi bukanlah sampai menyalak kebenaran dan membiarkan unsur imajinasi itu melahirkan pemikiran sendiri-sendiri.¹

Jika dibandingkan genre cerpen itu, ia tidak sahaja dilihat dari segi panjang pendeknya, malah juga unsur-unsur lain turut membina sesebuah cerpen itu seperti plot, watak, latar dan sebagainya.

Untuk mengkategorikan sesebuah karya itu sama ada cerpen atau novel, tidaklah ada penetapannya yang khusus. Namun ada yang melihat dari segi jumlah perkataannya. Yahya Ismail misalnya merumuskan bahawa lazimnya cerpen-cerpen yang dihasilkan di Malaysia biasanya mengandungi antara 1,000 - 3,000 perkataan sahaja.² Manakala Robert Stanton pula mengatakan,

'The maximum for the short story is about fifteen thousand words or fifty pages.'³

¹ Shannon Ahmad, Pengantarangan Dan Teknik Isiar (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1981), hlm. 13.

² A. Bakar Hamid dan Usman Awang, Panduan Menulis Cerpen (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975), hlm. 4.

³ Robert Stanton, An Introduction to Fiction (New York: Holt Rinehart and Winston Inc., 1965), hlm. 37.

permula dari tahun-tahun 60-an, terlibat satu jalur di dalam perkembangan cerpen-cerpen Melayu moden yang amat pesat, cukup menggalakkan dan menjangkakan kematangan intelektual di masa hadapan. Karya-karya yang dicipta oleh penulis-penulis cerpen dewasa itu mula mengangkat persoalan yang bertunjangkan kepada pemikiran yang agak analitikal dan mendalam. Persoalan-persoalan yang dibincangkan bukan sahaja tema-tema yang abstrak seperti kebebasan, keperibadian bangsa, keadilan ekonomi, moral dan sebagainya, tetapi juga termasuklah persoalan-persoalan ketuhanan, hubungan manusia dengan alamnya selain dari interaksi manusia dengan manusia lain di persekitarannya.¹

Ulasan Ringkas Cerpen-cerpen Ali Majid

Cerpen-cerpen 60-an sudah banyak mencapai kemajuan jika dibandingkan dengan cerpen-cerpen 50-an. Kemajuan dalam bidang teknik sudah kelihatan, sungguhpun agak terana pengulangan persoalan-persoalan yang sama. Shahnou dan Arena Wali misalnya masih merupakan tokoh yang paling gagah dalam bidang ini. Kesungguhan mereka bereksperimen dengan teknik di samping pengetahuan yang mendalam tentang pokok persoalan adalah rahsia kejayaan mereka. Antara tokoh-tokoh yang memperlihatkan bakat dalam bidang ini

¹ Othman Puteh, Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua, hlm. 46.

termasuklah Ali Majid. Lalu kolohatanlah satu perubahan baru dalam penulisan sastra yang dibawa oleh penulis-penulis sastra yang dibawa oleh penulis-penulis selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang serba maju.

Hal yang sama terjadi kepada cerpen-cerpen Ali Majid. Cerpen-cerpen dalam tangkapan 28 tahun (1951-1989) banyak sekali memperlihatkan perubahan-perubahan sama ada dari segi pokok persoalan, teknik atau gaya penulisan. Walaupun dari segi kuantiti agak kurang tetapi kuantitinya itu sudah boleh membuktikan bakat Ali Majid dalam bidang penulisan cerpen.

Manakala dalam cerpen-cerpen-cerpen, terdapat berbagai hasil penggarapan, penyorotan, pendedahan dan kritikan beberapa keadaan dan persoalan masyarakat pada zamannya. Walaupun persoalan begitu biasa bagi penulis-penulis lain, tetapi Ali mempunyai teknik penambahannya tersendiri yang menunjukkan kelainan dan kelainan yang menonjolkan sifat keindividualitinya.

Dalam membicarakan tokoh cerpen Ali Majid, pengkaji akan menumpukan kepada beberapa buah cerpen-cerpen yang terkumpul dalam antologi Dalam Diri dan Sampai Sampai Di Pelabuhan.

Ali Majid menerusi cerpen-cerpen-cerpen dalam dua antologi ini telah mengutarakan ragam tema yang berbeza universal. Tema psikologi anak-anak paling berkesan diukiskannya seperti yang boleh disimpulkan dari membaca cerpen pertamanya dalam antologi Dalam Diri yang berjudul

penase! sebatang." Sungguhpun begitu, jayanya dalam sesuatu tema, kelemahan masih terdapat dalam persoalan cinta yang diragakkannya pada cinta teruna dara, suami, isteri, ibu bapa terhadap anak serta cinta terhadap tanah.

Kegagalan ini wujud jika dibandingkan dengan tema-tema kebenaran dan kejujuran, keadilan dan kekeluargaan yang kesemuanya merangkumi bidang psikologi; juga keimanan atau keagamaan dalam cerpen-cerpen "Seorang Tua dan "Dalam Diri." Besar kemungkinannya bahawa pengalamannya sebagai seorang guru dan peminatnya yang sangat dalam bidang teahid membantunya menghasilkan karya yang begitu tinggi nilainya mempersoalkan psikologi dan hubungan manusia dengan tuhan.¹

Pemilihan cerpen "Dalam Diri" dijadikannya judul antologi pertamanya Dalam Diri berkesungkinan cerpen itu sebagai satu teknik pembaharuan yang dicubanya kerana begitu menonjol sekali teknik urutan bawah sadar yang mana saya ini adalah baru dalam pencerpenan Melayu.²

¹ Sahlan Moud. Saran, "Satu Resensi Intrinsik Cerpen-cerpen Ali Majid," Deben Sastera, (Mei 1976), hlm. 54.

² Ibid.

Tema dan Permasalahan Cerpen-Cerpen Ali Majid

Berbicara mengenai tema sebenarnya membahasakan isi sebuah karya. Menemukan tema, setiap pengarang bebas menggunakan pandangan tentang kehidupan. Kerapian pemilihan tema dan mengolah mengikut citarasa yang menarik minat pembaca dengan penampilan teknik yang baik tentu saja mengangkat sebuah karya cerpen itu bernilai.

Dalam A Dictionary of Modern Critical Terms menyatakan bahawa:

"A theme is always a subject, but a subject is not always a theme is not usually thought of as the occasion of a work of art."

Tema adalah idea, makna dan interpretasi tentang manusia dan permasalah. Tema merupakan penyerapan dan penyatuan pandangan-pandangan hidup manusia yang terkandung di dalam keseluruhan sebuah cerita.¹

Melalui penulisan cerpen, daya fikiran pengarang tentang persoalan yang beraneka adalah untuk mendedahkan kepincangan dan keburukan masyarakat keliling yang mungkin direkaikan patut mendapat pembelaan dan penelitian.

¹ Roger Fowler (ed.), A Dictionary of Modern Critical Terms (London: Routledge and Kegan Paul, 1972), hlm. 135.

² Cleanth Brooks and Robert Penn Warren, Understanding Fiction (New Jersey: Prentice Hall, 1958, 1971), hlm. 273.

Dari segi penggarapan tema, pengarang ini banyak sekali menghasilkan tema-tema yang berhubungan dengan 'sosial' dan 'pendidikan' di samping masalah pembangunan, ekonomi, agama, politik dan juga falsafah. Diteliti dari segi pokok persoalan yang dibawa, ternyata cerpenis ini memperlihatkan trend tersendiri.

Persoalan yang disentuh merupakan persoalan semasa yang sederhana, mudah dimengertikan dan tidak lari dari kisah hidup manusia yang dipengaruhi oleh kehidupan alam sekitar seperti pembangunan. Cerpen-cerpen yang diciptakan oleh Ali Majid selalunya berkesan dan menarik. Ini membayangkan bahawa Ali Majid benar-benar memahami dan mengkaji serta membuat penelitian setiap mata peristiwa yang ingin digarapkan itu. Oleh itu, persoalan yang diwujudkan benar-benar real dan berkesan.

Dibandingkan dengan cerpen-cerpen tahun 60-an, tema cerpen beliau menunjukkan sesuatu yang berlainan. Tema-temanya agak bersifat 'post transisi', tidak lagi tema-tema yang meniupkan semangat patriotik dan nasionalisme. Tetapi lebih bersifat pembangunan sama ada pembangunan dari segi ekonomi mahupun mental yang sesuai dengan keperluan masyarakat selepas merdeka.¹

¹ Mohd. Som Ali "Cerpen Ali Majid: Satu Analisa Mengenai Tema dan Struktur," (Tatapan Ilmiah Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1977), hlm. 51.

3.1 Tema dan Pergeseran Masalah Sosial

Masalah sosial dan kebebasan sosial penting kerana perhubungannya dengan moral dan kemasyarakatan. Masalah sosial ialah masalah yang biasa kita dengar dan sering menjadi bahan untuk digarap oleh penulis. Masalah sosial yang ditimbulkan oleh Ali Mardas dalam cerpen-cerpenya merangkumi masalah kehidupan di kota dan di kampung-kampung, kurangnya pendidikan agama, masalah percintaan, masalah kebebasan dan tuntutan hak serta masalah kedegilan masyarakat dalam menerima pembaharuan.

Cerpen-cerpen yang digolongkan dalam tema ini ialah "Sayang Si Laila", "Terakhir Senyum Bahgia Teruna Jara", "Kisah Cinta", "Kehendak Zaman", "Perhatian Kadi Al-Bajuri", "Pindah" dan "Engkalkan Yang Datang." Monoton cerpen "Sayang Si Laila" dilukiskan seorang anak dara yang memberontak terhadap orang tuanya kerana salah 'approach' serta selalu memanjakan ketika membesarkannya. Sobald kehendak Laila sering dipenuhi. Itu membuatkan dia memberontak sekiranya ada kehendaknya yang tidak dipenuhi, sehingga dia sanggup lari dari rumah meninggalkan ibu bapanya. Pakainya yang sering menjolok mata itu dianggapnya sebagai lambang kemajuan.

Sebagai seorang ayah yang mulai sedar akan kesilapannya dalam mendidik Laila telah mengambil tindakan memarahi anak tersebut. Tetapi keadaan menjadi bertambah tegang bila Laila melarikan diri. Pengarang mungkin ingin memberikan amanat kepada kita seperti kata pepatah Melayu

'Melentur air biarlah dari rebungnyal'. Sungguhpun begitu, dalam soal ini pengarang selalu memberikan penyelesaian yang memuaskan di mana seorang anak yang biasa hidup dengan suasana rumah dan dilayan setiap mana tidak akan dapat hidup sendiri selana lamanya. Masalah ini membawa Naila pulang ke pangkuan ibu bapanya. Gejala-gejala kebebasan bermasyarakat seperti ini kerap dipaparkan sebagai membawa akibat tidak baik terutama kepada gadis-gadis yang masih mentah dan begitu peka dengan perkembangan sekelitarnya.

Dengan "Terukir Senyum Bahagia Teruna Dara", membawa kisah seorang pemuda yang kecewa dalam percintaan dan mengambil keputusan membawa diri ke desa. Cikgu Amir pernah dituduh oleh adiknya sebagai seorang yang pengecut kerana melarikan diri ke daerah pedalaman setelah gagal berkahwin dengan Zakiah. Ini dapat dijelaskan lagi melalui petikan di bawah:

" Kau bukannya tak tau. Saya amat kecewa dengan Zakiah. Hati saya sedih. Saya ke kampung baru itu, untuk membawa diri."

(Bulan Bidi, hlm. 92)

Namun pengarang memperlihatkan watak cikgu Amir tidak seperti yang dikehendaki oleh adiknya, tetapi membawa watak yang lebih rasional dan sanggup menerima kenyataan dengan sabar walaupun terpaksa membawa hati ke tempat lain. Masalah putus cinta adalah masalah biasa yang

serap terjadi di rumah-rumah. Lagi sekali pengarang memperlihatkan keadilannya apabila Amir yang sabar lagi tenang itu akhirnya diportekukan dengan Asiah, gadis yang memang dinikahinya dalam diam-diam.

Masalah yang hampir sama juga terdapat dalam cerpen "Kisah Cinta". Kebebasan dalam memilih cinta sebenarnya telah menimbulkan perbalahan antara supasang suami isteri, Aki dan Tipah. Kehadiran Musa sebagai kekasih lama Tipah telah menimbulkan konflik dalam rumah tangga mereka. Pengarang mungkin ingin membawa masalah cinta tiga segi. Satu lagi masalah yang timbul akibat kebebasan sosial, cinta lahir dari perkenalan antara teruna dari pilihan ibu bapa.

Akibat dari pergaduhan itu mereka telah berpisah. Namun begitu sepanjang perpisahan telah menginsafkan mereka bahawa mereka sebenarnya saling mengasihi dan memerlukan antara satu sama lain. Atas nasihat ibu bapa, akhirnya mereka kembali berdamai dan hidup dalam sebuah rumah tangga.

Cerpen "Kehendak Benan"¹ pula, Ali meneroka kisah kebebasan sosial yang wajar dan mendatangkan faedah. Hubungan baik antara pengurus muda itu dengan gadis Bellandehanya terutamanya dalam hal pengurusan pentadbirannya dan sedikit menyentuh soal kehidupan mereka. Halim seorang pengurus MKTP yang baru digambarkan begitu perpelembat

¹ Ali Majid, Lampulampu Di Pelabuhan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), hlm. 12.

dengan kewibawaannya menjadi ketua atau pengurus di situ.

Dalam sesebuah rancangan tanah sebenarnya memang agak rumit untuk mengawalinya memandangkan pemerakap-pemerakapnya datang dari berbagai corak rantau dan berbagai ragam manusia. Pada masa menjadi pengurus inilah Halim telah berjaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah dan kesulitan orang kampung itu dengan baik.

Ali Majid selalunya tidak menggarapkan hanya satu tema dalam karya-karyanya tetapi sebenarnya terdapat beberapa perutusan penting yang tersembunyi di sebalik teranya itu. Misalnya menerusi cerpen "Kehendak Naran", kita didedahkan kepada Mei Ling seorang bangsa Cina yang mempunyai cita-cita untuk membuka perniagaan sendiri dan tidak mahu hanya bergantung kepada kerjanya mahala. Kadangkala di sini terfikir oleh pembaca semangat seorang gadis yang begitu tinggi mencabar kewibawaan bangsa Melayu sendiri. Juga tereslit masalah perpaduan antara kaum dalam hubungan persahabatan dan kerjasama dalam setiap pekerjaan.

"Perharian Kadi Al-Bajuri" (ILDP, hlm. 109) sebuah lagi cerpena Ali Majid yang juga menyentuh masalah sosial terutama dalam tuntutan hak kaum wanita. Cerpen ini lebih memberatkan keadilan dan sama sekali membantah tentang kehidupan bergolongan. Kaum wanita (Gerakan Wanita Insafi) meletakkan kadi sebagai orang yang bertanggungjawab menimbulkan masalah ini. Kadi yang menjadi mangsa ialah Kadi Huska'ed Al-Bajuri. Mereka juga menuntut hak setaraf

seperti lelaki dan tidak hanya menjadi penghuni di dapur sahaja.

Sementara cerpen "Pindah", memaparkan masalah di satu kawasan yang penuh sesak. Kerajaan berusaha untuk membangunkan kawasan ini dengan membina rumah pangsa dengan tujuan untuk mengharmonikan penggunaan tanah. Tetapi rancangan ini tidak disambut baik oleh penduduk kawasan itu dengan alasan mereka merasa terkurung jika tinggal di rumah pangsa dan mengalami kesulitan untuk berjualan, menanam dan berternak. Keluarga yang digambarkan ini seolah-olah tidak menyedari dasar kerajaan yang lebih menekankan rancangan pembangunan negara dan rakyat.

Kerajaan telah menyediakan kemudahan infrastruktur untuk mereka di luar bandar mahupun di bandar. Tetapi keluarga Dolah tetap menentang. Sungguhpun begitu, Dolah akhirnya tunduk kepada kenikmatan setelah lama tinggal di rumah pangsa tersebut. Menerusi cerpen ini, pengarang ternyata ingin mendedahkan setengah-setengah golongan rakyat yang sentiasa merungut tentang bantuan kerajaan tetapi apabila kerajaan sudah berusaha ke arah itu, ada pula merasa tidak berpuas hati dan penentangan dari setengah-setengah golongan itu.

Dari tema sosial ini kelihatan pengarang tidak berat sebelah. Pengarang menyentuh hampir keseluruhan aspek. Dari gambaran yang terdapat dalam cerpen-cerpenya ternyata Ali Majid mengharapkan supaya masyarakat dapat mencontohi apa yang baik dan meninggalkan mana-mana yang merugikan.

(b) Tana Sosioekonomi dan Pembangunan.

Mengalirnya arus urbanisasi di dalam masyarakat desa dengan begitu pesat boleh mengakibatkan sikap dan pegangan hidup tradisi di kalangan generasi baru. Adakalanya pembangunan menimbulkan sengketa atau pertentangan di kalangan masyarakat. Justru itu, maka timbulah perbalahan-perbalahan pemikiran dan ideologi. Masing-masing coba mempertahankan identitas dan juga arah diri atau masyarakat.

Untuk memperlihtakan semangat pembangunan luar bandar dalam zaman kemerdekaan, Ali Majid menggunakan dua latar iaitu kampung dan di rancangan-rancangan Kelua. Serangan ini terdapat dalam cerpen-cerpen "Cinta Di Sawah Ladang", "Kaki Mau Kerja" dan "Penunggu".

Dalam cerpen "Cinta Di Sawah Ladang" diperlihatkan bagaimana kegigihan seorang D.O. muda, Tajul Arif, sebagai "agent of change" mahu membawa iklim perubahan kepada Kampung Sentosa pada tahun 1960 apabila rancangan pembangunan luar bandar sedang berjalan dengan rancanganya. Dalam usaha-usahanya itu, pegawai daerah tersebut menghadapi tentangan yang berbentuk sifat serpih-jadi takyat atau secara implisit dan ini membawa kepada pertentangan secara fizikal atau eksplisit. Orang-orang Kampung malas bekerja di sawah atau di ladang mereka. Ini diakui oleh penghulu mereka sendiri.

" Akibatnya jiwa dan semangat mereka sudah mati. Sebab itulah mereka percaya orang keramat, ulat keramat, peri orang keramat dan macam-macam lagi. Hal ini membolehkan mereka berangan-angankan suatu kuasa ghaib yang boleh mengubah sekaligus kemiskinan mereka."

Secara eksplisit pula, pertentangan itu dijelembakan melalui watak Pak Lamat yang menentang secara lantang segala projek yang dibuat oleh kerajaan. Dengan kepesatan dan kelancaran projek-projek kerajaan segala bentuk pertentangan itu dapat dihapuskan. Perubahan ekonomi dan sosial telah menyebabkan mereka tunduk dan mengubah sikap. Segala perubahan sikap adalah lahir dari dorongan dan semangat yang kuat. Rakyat terpaksa bekerja kerana dorongan dari kerajaan dan perubahan di depan mata. Artinya di antara perancang projek, pelaksanaan projek dan penerima projek itu harus ada dorongan.¹

Judul "Cinta Di Sawah Ladang" boleh membawa berbagai-bagai makna cinta, iaitu cinta kerajaan kepada rakyatnya, cinta pegawai kepada rakyatnya, cinta rakyat kepada hak pusakanya, cinta penghulu kepada anak buahnya atau cinta rakyat kepada negaranya. Tetapi lebih menonjol ialah cinta pegawai daerah terhadap anak yang Bernormat. Inilah dorongan yang besar untuk pegawai itu menjalankan tugas-tugas pembangunannya.

¹ Mohd. Yusof Hassan, "Cerpen Pembangunan dan Sentimental Zaman Kemerdekaan," Berita Minggu, 16 Mei 1979).

Ini membawa unsur-unsur romantis yang dipenuhi dengan nilai-nilai kasih sayang, gotong-royong, kejujuran, tabah, gigih bertantun di dalam suasana yang indah permai didesa. Siti Hajar, anak gadis manis itu adalah lambang desa yang indah permai.¹

Gambaran kegelisahan dan konflik dalam rancangan tanah FELDA dapat dirasakan dalam dua buah cerpen Ali Majed iaitu "Kami Mau Kerja" dan "Penunggu". Dalam kedua-dua cerpen ini diperlihatkan bagaimana dua orang pengurus rancangan FELDA: Encik Tamin dan Fakri masing-masing berdepan dengan peneroka-penerokanya.

Encik Tamin dalam "Kami Mau Kerja" menghadapi konflik yang dicetuskan oleh para belia dalam rancangan tanah tersebut yang membawa kepada tunjuk perasaan. Pengurus itu telah menjerita kecaman dan dituduh berat sebelah sebagai seorang pegawai kerajaan. Akhirnya, Encik Tamin berkat kejujurannya ia dapat membongkar rahsia siapa yang berada dipihak yang benar. Penyelawengan dan penipuan peneroka itu sendiri yang menjadi puncanya.

Cerpen Ali Majed ini cuma hendak menunjukkan penyimpangan dan sifat tanggungjawab kepada pihak pelaksana projek, dan terpujanglah kepada penerimaan peneroka-peneroka itu sendiri menimbangkan baik buruk akibatnya. Ternyata di sini Encik Tamin berjaya dalam usaha-usahanya.

¹ Ibid.

Kalau dalam cerpen tadi terdapat konflik antara manusia dengan manusia, maka dalam cerpen "Penunggu" terdapat konflik manusia dengan manusia disebabkan oleh unsur ghaib - yaitu kepercayaan kepada unsur animisme yang tersebar di jawa peneroka-peneroka.

Pengurus Pakri berdepan dengan Pak Leman watak yang kuat dengan kepercayaan kunonya. Ia menakut-pakutkan peneroka lain dengan alasan bahwa bukit itu mempunyai penunggunya. Cerpen ini menggambarkan percampuran nilai-nilai baru dengan lama atau unsur-unsur modern dengan tradisional, tegaknya konflik golongan tua dengan golongan muda.

Romblangan yang menimpa Amat, pemuda pemanda bulldozer itu menguatkan keyakinan pak tua tentang akibat "menneroboh" tempat penunggu. Tetapi Pakri ingin menunjukkan sesuatu dengan bukti nyata tentang penyakit yang dihadapi oleh Amat dengan membawa seorang dokter untuk mengubatnya. Lagi sekali diperlihatkan konflik peranan bonoh atau dukun dengan dokter. Akhirnya Pakri berjaya dalam usahanya dapat menundukkan Pak Leman supaya menerima pembangunan dengan jiwa yang lebih dinamik lagi. Dalam menghadapi zaman pembangunan ini, perlu ada semangat kerana "orang yang keras semangat, besi akan cair dipegangnya".

Pak Leman sendiri mengakui:

"Encik, saya dapat satu pelajaran dari hal ini. Penunggu Tunggal lari lintang pukang kerana ia tahu bahawa semangat Encik amat kuat. Dan ia mendapati tak berdaya melawanya. Memang semangat yang kuat dapat mencapai segala-galanya."

(Dalam Diri, hlm. 128)

Dari tiga buah cerpen yang membanakan tema perbangunan ini, kita mendapati ketiga-tiga pegawai pelaksana rancangan - Tajul Arif, Encik Tamim dan Fahri telah berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang datang dari rakyat sendiri dalam zaman transisi ini.

(c) Tema dan Persoalan/Psikologi:

Berbicara tentang pendidikan bukanlah bermakna terbatas kepada pendidikan secara formal di sekolah sahaja tetapi juga termasuklah pendidikan secara informal. Aspek psikologi tidak sahaja terbatas kepada kanak-kanak tetapi terbawa-bawa kepada orang dewasa. Antara cerpen-cerpen Ali Hajji yang membawakan tema psikologi pendidikan ialah "Pensel Sebatang" (DB), "Semacam Kepuasan" (DB), "Tabang Udara" (LLP, hlm. 52), "Orang Dah Marah" (LLP, hlm. 183), "Tiga Sketsa", "Matanya Sebagai Bintang Timur", "Fahri" (LLP, hlm. 83), "Kedatangan" dan "Aku Terpaku".

Biarlah judulnya "Pensel Sebatang", namun signifikan, pensel sebatang itu hanya sebagai imej untuk menyatukan seluruh gerak peristiwa; sedangkan yang menjadi fahaman cerpen itu ialah cara mendidik.

Cerpen "Pensel Sebatang" adalah lahir dari pengalaman hidup pengarangnya sendiri. Ali dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan mempunyai lapan orang adik-beradik. Ali telah kehilangan ayahnya ketika berumur tiga tahun. Beliau pernah mengajar di beberapa buah sekolah rendah di Negeri Sembilan. Sebagai seorang guru yang berpengalaman selama tujuh lapan tahun di sekolah rendah, kisah dalam "Pensel Sebatang" benar-benar dapat dipertanggungjawabkan.¹

Cerpen "Pensel Sebatang" adalah sebuah karya yang memperlihatkan konflik yang mencorekan di antara Cikgu Jamal dengan salah seorang anak muridnya, Zahid. Cikgu Jamal mahu mempertahankan "status quo" dan sikap authoritinya dengan segala power and authority nya, manakala Zahid, seorang anak kecil merisik-merisik di dalam hatinya mahu difahami hati nuraninya.²

Cerpen ini digubah dari sudut psikologi yang begitu berkesan cuba menunjukkan kepada kita betapa didikan yang kasar boleh mengubah sikap seorang murid dari pendiam kepada pembangkang dan menaruh dendam kepada guru darjatnya sendiri. Bukuman yang tidak adil dan wajar juga menyebabkan Zahid yang tahu dirinya teraniaya menjadi semakin liar. Dalam situasi ini, pengarang sebagai seorang

¹A. Wahab Ali, "Dunia Guru dan Etika Dalam Diri Ali Majid," Tradisi Pembentukan Sentara Melayu Modern (Selangor: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., 1981), hlm. 388.

²Mohd. Yusof Hasan, "Cerpen Pembangunan dan Sentimental Zaman Kemerdekaan," Berita Harian, [6 Mei 1979]

yang pernah mengharungi keadaan seperti ini menggunakan kepayaan yang ada padanya dengan menggunakan unsur unsur psikologi. Segala-galanya bermula dari sebatang penzel yang berharga lima puluh sen yang dibeli oleh adik belah Zahid. Tetapi telah dicuri oleh Dolah, teman sekelasnya. Dari sinilah timbulnya konflik dalam usaha cuba mencari bukti siapa sebenarnya tuan punya penzel tersebut.

Perhentangan dua watak guru, Cikgu Berahim (Guru Besar) dengan Cikgu Jamal (Guru Darjah), diperlihatkan dalam hubungannya dengan cara memberikan keadilan dalam mendidik anak murid mereka. Keputusan guru darjahnya yang dirasakan oleh Zahid tidak adil itu menyebabkan Zahid berubah laka, sehingga sampai membuli budak-budak yang lebih kecil darinya dan mengganas memecahkan harta sekolah, membawa pisau ke sekolah dan tidak menghormati guru darjahnya. Paling akhir ia telah mencederakan mulutnya, Dolah dengan pisau.

Pengarang memperlihatkan bagaimana kontras cara mendidik antara Jamal dengan Berahim. Zahid dibawa bertemu dengan Berahim (guru besar sekolah itu oleh cikgu Jamal). Cikgu Berahim yang mengerti akan jiwa kanak-kanak tidak terus memarahi Zahid, sebaliknya melayan Zahid dengan lemah-lembut. Ini ditunjukkan oleh pengarang secara amat bersempaja tetapi penuh makna seperti dalam ungkapan:

Dolah yang cedera di tangan segera
dihati oleh Guru Besar. Dia dibenarkan

balik ke darjahnya. Akan tetapi Zahid ditahan. Lama sekali cikgu Berahim merenung muka Zahid. Segala pengaduan Cikgu Jamal datang semula ke dalam otaknya. Dia menumbuk daun pintu, memecahkan pasu bunga, merosakkan seluruh alat-alat di atas meja sains, bertumbuk, malas belajar dan yang paling akhir ia telah menikam Dolah. Yang aneh, budak itu dulu seorang murid yang baik dan pendiam.

Sekali sekala Cikgu Berahim berdehem. Dia meletakkan gelas matanya. Sekarang ia mencari-cari perkataan yang sesuai untuk memulakan percakapan dengan anak kecil itu. Kemudian dia pura-pura mencari pisau kerana penselnya 'patah'.

"Kau ada pisau Zid?" lanyanya sambil tersenyum.

Kanak-kanak itu menggeling-geling. Cikgu Berahim tahu, Zahid tidak akan memberikan pisau yang amat dinayangnya itu. "Kalau ada, pinjamkan cikgu. Pensel ni patah."

(Dalam Diri, hlm. 12)

Seterusnya dengan penuh diplomasi, Guru Besar cuba mengaitkan pula pisau kepunyaan Zahid dengan nenek yang membelanya serta pelajaran tanpa menuduh Zahid melakukan kesalahan seperti yang dilaporkan oleh Cikgu Jamal, sebaliknya memuji. Dari situ akhirnya ia dapat membongkar kenapa segala tingkah laku Zahid itu berubah dari seorang yang baik kepada seorang anak nakal.

Guru Besar ini mengerti psikologi kanak-kanak. Ia faham latar belakang seorang kanak-kanak itu dan kesannya terhadap jiwa dan tingkah lakunya.¹

¹A. Wahab Ali, Tradisi Pembentukan Eastera Melayu Modern, hlm. 302.

Cerita berakhir dengan Zahid kembali menjadi seorang murid yang baik. Ini didapat setelah guru menghargainya. Dalam hal ini, ternyata Guru Besar tidak menghinakan mana-mana pihak sebaliknya menasihati. Dikgu dapat dari segi latar belakang murid dan meminta murid berkenaan diberikan perhatian. Guru Besar sebelumnya membelikan dua batang pensel untuk dua orang yang bermusuhan itu sama seperti pensel yang diperbalahkannya.

Kesimpulannya cerpen ini memaparkan dunia guru Ali Hasod sendiri dalam situasi sekolah, guru, murid murid dengan persekitaran perskolahan, pensel, bilik darjah dan peristiwa-peristiwa yang terasa benar yang ada kaitannya dengan dunia guru dan persekolahan itu sendiri.

Pada pendapat pengkaji, keistimewaan cerpen ini terletak pada kesahajaan dan kebenaran tingkahlaku peristiwa yang diceritakan. Lebih jauh dari itu lagi, pengarang berjaya mengemukakan dunia gurunya dengan mengambil imej kecil iaitu pensel sebatang tetapi dengannya diolah satu kesatuan dunia guru itu pada pendapat penulis prinsip psikologi pendidikan: mendidik anak-anak mestilah dengan lembut, penuh kesabaran, ketelitian dan keadilan. Sesungguhnya dari aspek yang kecil, mendahului kepada aspek yang lebih besar. Dari imej pensel sebatang menunjuk ke persoalan jiwa yang besar tetapi disampaikan secara bersahaja, dalam lingkungan dunia guru, itulah letaknya nilai estetik cerpen "Pensel Sebatang" ini.

sebuah lagi cerpen Ali Majid yang membawa penganalisaan psikologi ialah "Lubang Udara"¹ (Berita Minggu, 27 Mei 1973). Cerpen ini membawa persoalan alam persekolahan yang juga penuh dengan unsur-unsur ancaman penindasan dan penipuan. Kalau dalam "Pensel Sebatang" kita melihat konflik terbuka melibatkan guru derjat, guru besar dan penjaga, tetapi dalam cerpen "Lubang Udara" terdapat konflik tertutup di antara watak-watak Kamal dan Sudin dan sedikit watak-watak lain. Sungguhpun cerpen "Lubang Udara" di tulis selepas lapan tahun dari "Pensel Sebatang", tetapi cerpen "Pensel Sebatang" tetap lebih berjaya.²

Menurut Mohd. Yusof Hasan, bahawa cerpen "Pensel Sebatang" merupakan sebuah monument dalam kesusasteraan penerokaan psikologi yang merangsang gerak nadi kita untuk menahami alam keanak-anakan. Dan Ali Majid sebagai seorang guru, seorang bapa dan ahli masyarakat adalah peneroka yang hebat. Dengan antologi Dalam Diri, telah berjaya melahirkan seorang sasterawan Ali Majid yang berjiwa pembangunan dan berjiwa sentimental.³

¹ Ali Majid, Lampu Lampu Di Pelabuhan, hlm. 59.

² Mohd. Yusof Hasan, "Cerpen Pembangunan dan Sentimental Zaman Kemerdekaan," Berita Minggu, 16 Mei 1979.

³ Othman Puteh, Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur, hlm. 147.

(a) Tema dan Persoalan Keagamaan.

Berbicara mengenai agama, bermakna meneliti unsur-unsur kepercayaan manusia yang menjadi anutan dan alasan sebagai akidah atau prinsip serta cara yang membentuk kehidupan manusia itu sendiri. Sekiranya kepercayaan beragama itu dihubungkan dengan kehidupan orang Melayu, ia menjadi semakin penting kerana masyarakat Melayu itu adalah masyarakat Islam yang menonjol di daerah Nusantara ini.¹

Lazimnya nilai-nilai agama Islam yang murni haruslah mengandungi kebenaran (kebenaran dalam ajaran dan amalnya). Sama ada yang ditinjau dari aspek hukum-hukumnya. Dengan tegak, dapat dikatakan bahawa Islam bukan sahaja merupakan satu cara hidup, malah adalah satu-satunya cara hidup yang paling benar, kerana itu Islam dapat menyalakan pemikiran yang bernas, perilaku yang tepat serta lurus.²

Alas Majid kelihatan semakin banyak mencipta cerpen-cerpen berunsur falsafah dan agama. Hal ini terungkap dalam beberapa buah cerpennya seperti "Seorang Tua" dan "Dalam Diri".

Cerpen "Seorang Tua" adalah kisah alam ghaib tentang seorang wali Allah. Latar cerpen ini ialah di Brunei semasa pendarang bertugas di Dewan Bahasa dan

¹ Ibid.

² Ibid.

pustaka, Brunei pada awal tahun tujuh puluhan. Tempat tempat berlakunya cerita ini ialah di Seria dan Tutong.¹

Unsur unsur keghaiban yang terdapat dalam cerita ini ialah lontang mimpi Bang Mat dan Wali Allah. Bang Mat bermimpi yang "aku" mempunyai ubat untuk isterinya bersalin. Wali Allah pula dijumpai dalam perjalanan pada suatu waktu maghrib. Mimpi Bang Mat dan perjumpaan dengan Wali Allah itu merupakan hidayat dari Tuhan, yang memerlukan keyakinan dan keimanan yang kuat sebagai orang Islam.

Lain-lain unsur ghaib ialah hantu yang diberi oleh Wali Allah dan surau tempat "Aku" sembahyang bersama orang tua itu. Daun itu terangat mujarab untuk menyenangkan Kak Timah isteri Bang Mat melahirkan anak. Surau tempat "Aku" sembahyang ternyata telah hilang dari tempat asalnya. Misteri ini adalah merupakan satu kejadian Allah yang sukar hendak ditakrifkan secara saintifik. Semua hal ini berlaku adalah juga untuk menunjukkan keimanan, kejujuran dan kebaikan seorang wanita iaitu Kak Timah. Bila "aku" tidak ada di rumah, perempuan sahaja itu yang membesarkan anak isterinya. Sebagai balasan kepada kebaikan dan kejujurannya, Kak Timah telah melahirkan anaknya dengan mudah tanpa dibedah. Inilah kuasa Allah terhadap orang-orang yang beriman dengannya.

¹ Temubual dengan Ali Majid, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 23 Februari 1989.

"Aku" sendiri mengaku bahawa:

"Memang Kak Timah satu-satunya perempuan yang kami contohi kerana budi pekerti dan amal ibadatnya."

(Dalam Diri, hlm. 116)

Akhirnya ternyata seorang tua itu adalah sebenarnya Syed Abdullah keramat dan Wali Allah yang berasal dari Arab. Ia meninggalkan dunia beberapa tahun yang lalu. Dan surau itu sebenarnya telah roboh empat tahun selepas kematiannya. Kewalian Syed Abdullah dapat dijelaskan seperti ungkapan:

"Aku amat senang yang dia menjadi imamu sembahyang. Cara dia berdiri dengan tenang dan tunduk jelas memperlihatkan yang ia sedang mengadap sesuatu yang amat ditakutinya. Bagiku ia seperti melihat Allah dihadapannya."

(Dalam Diri, hlm. 113-114)

Cerpen "Dalam Diri" juga membawa persoalan ghaib yang berhubungan dengan alam metafizika hidup manusia yang dihubungkan kejadian roh dan jasad manusia, kematian, dosa dan pahala manusia, peranan malaikat dan sahabat-sahabat Nabi Muhammad S.A.W. Apabila Johan disuntik untuk dibedah, ia mengalami satu kegelepan yang mengerikan. Dalam keadaan itu, rohnya berdialog dengan malaikat membicarakan tentang pemberian pahala dari Allah. Johan melihat lagi segala keburukan yang terdapat pada anggota-anggota badannya yang kotor, yang pernah melakukan noda dan dosa. Ini adalah

tanda-tanda baikiat yang pernah dilakukannya. Selepas itu, Johan diberikan sedikit cahaya sebesar lubang jarum sebagai ganjaran pahalanya menyelamatkan seekor anak kucing. Akhirnya roh dan jasad Johan pula berpisah, saling tuduh menuduh tentang kebaikan (kebajikan) dan kejahatan yang dilakukan.

Cerpen ini agak berat semanya kerana melibatkan gambaran alam barzakh yang bakal ditemui oleh manusia apabila ia mati kelak. Justeru itu, untuk menghasilkan cerpen yang sedemikian rupa, ilusi tentang ketaubidan dan keesaan perlu didalami demi untuk mengelakkan dari menyalahi iktikad yang sebenarnya. Tolannya, cerpen ini boleh dikatakan sentosa berunsur islah yang membawa ke arah soal-soal darwah - mendekati sesuatu yang makruf dan menjauhi sesuatu yang munkar dan bathil.

Beberapa buah cerpen lain yang tidak lari dari membicarakan agama ialah "Suara Hati" (MPP, hlm. 68) dan "Yang Pergi" (LEBP, hlm. 6).

Sementara cerpen-cerpen "Prejudis" dan "Songkokinse"¹ adalah dua buah cerpen yang mempunyai unsur unsur falsafah. Falsafah adalah sesuatu yang agak sukar untuk diberikan pengertian yang konkrit, menyeluruh dan lengkap walaupun ia merupakan sesuatu yang mustahil.²

¹ Ali Majid, Langit Larga Di Pelabuhan, hlm. 131.

² Mohd. Sulaiman Haji Yassin, Pengantar Falsafah Islam (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), hlm. 16.

Cerpen yang bersifat falsafah ini adalah cerpen-cerpen yang baru diterokai oleh Ai: Marod. Kedua dua buah cerpen mengisahkan pertentangan falsafah hidup antara dua golongan manusia. Satu golongan yang memandang agama secara keseluruhan dan menguasai hidup manusia sepenuhnya dan satu golongan lagi memandang agama secara lahiriah sahaja.

"Prejudis" membawa kisah pertentangan dua pendapat anak yang fanatik kepada pendapat tentang pakatannya (jubah dan purdah) dengan ayah yang lebih memandang kepada cara hidup moden. Cerita bermula bila si ayah (Tuan Ketua) mendapat kekeping gambar dari anak gadisnya yang bakal menjadi seorang peguam dengan berpakaian bertolokang, berpurdah dan bertubuh. Menurut si ayah pakatan menunjukkan tandas sesuatu bangsa dan negara.

"Pakatatan menunjukkan tamadun sesuatu bangsa dan negara. balasnya kepada anaknya yang cuba berfalsafah dimana dia sedang berada."

("Prejudis", hlm. 6)

Serentaka anak gadisnya berpendapat:

"Seseorang itu bebas tetapi dikekang selama berada dalam landasan hukum timbulnya dosa."

("Prejudis", hlm. 6)

Tuan Ketua seronoknya mengarahkan supaya diadakan seminar untuk melihat bagaimana reaksi rakyat dengan

pakaian purdah ini. Tetapi setelah berdialog panjang dengan anaknya secara praktikal dan realistik akhirnya si ayah tunduk juga.

Sebuah lagi cerpen iaitu "Songkokisme", yang berbentuk sindiran juga membawa persoalan tentang peranan songkok. Satu golongan yang menganggap songkok sebagai *the way of life* dan satu golongan lagi sebagai anti songkok yang gigih memperibadikan cita-cita kesongkokan itu pula terdiri daripada pelajar-pelajar yang berpengetahuan tinggi dan belajar di luar negeri. Sekaligus cerpen ini menyangkut tentang budaya, di samping menjadi wadah penyampai amanat.¹

"Mata songkokisme songgang!" kata penghulu ketika mereka sulat di depan.."

(Lampu-Lampu Di Pelabuhan, hlm. 133)

Tetapi satu golongan lain, Pak Din berpendapat:

"Kita harus bersongkok..... desa muslim."

(Lampu-Lampu Di Pelabuhan hlm. 133-134)

Atas ulanannya ini Pak Din dengan aliran songkokismenya berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu tetapi tidak berjaya pada masyarakat sendiri. Disebabkan masyarakat Melayu masih memandang orang-orang Barat lebih moden, maka mereka sentiasa mengikut telunjuk orang-orang

¹ Hashim Awang, Sayangnya Cerpen Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), hlm. xiii.

Barat. Kejayaan Pak Din mempengaruhi orang-orang Barat ini menyebabkan aliran songkokisme ini terpaksa dituruti oleh penghulu dan penduduk yang lain. Tetapi akhirnya Pak Din telah ditahan oleh pegawai keamanan.

Dalam masyarakat songkok, pertentangan pertentangan dan pengaruh budaya yang berbagai sering terjadi dan meresap di dalam setiap lapisan masyarakat sehingga melahirkan falsafah-falsafah hidup yang berbeda kerana hanya sedikit monark, maka Ali Majid sebagai pengarang yang mempunyai banyak pengalaman hidup menumpukan bidang cerpennya kepada aspek ini.

Kesimpulan

Tema psikologi yang berhubung dengan dunia kanak-kanak, remaja dan dewasa yang cukup diketengahkan oleh pengarang-pengarang nasakan sangat berkesan jika dibandingkan dengan tema-tema lainnya. Tema tema yang diketengahkan oleh Ali Majid tidak pernah diolahnya secara langsung atau diselitkan di antara penceritaannya. Malah terpaksa ditakar dan disimpulkan sendiri oleh pembaca. Sikap begini sama dengan saranan Scottsborne yang menyebut bahawa sebuah cerpen yang baik mestilah berkemampuan untuk

..... reproduce the surface of actuality.

¹ Ditambahkannya bahawa cerita itu bukan sesuatu mata sebagai sebuah hasil kastera, tetapi membendung satu mesej yang tertentu di sebaliknya. Lihat keterangan lanjut dari Robert Stanton, *An Introduction to Fiction* (New York: Holt Rinehart & Winston Inc., 1965) hlm. 46.

percobaan begitu juga telah coba dilakukan terhadap tema cinta, misalnya "Kisah Cinta" yang menggambarkan cinta tiga segi: suami, isteri, kekasih atau dari "Terukir Senyum Bahagia Teruna Dara" yang menggambarkan cinta antara teruna dara.

Pengkritik berpendapat, pendarang berfawa dalam menyalah cerita-peritanya dengan mengayam dunia guru dalam berbagai cara. Adakalanya benar-benar penganang menhidangkan dunia guru dalam permasalahannya dan adakalanya pula ia mendahwahkan ajaran-ajaran sosial Islam dengan halus dan sebatil. Sehingga itu, kita merasakan pula nilai estetik yang tinggi pada cerpen-cerpenya.

ajian Ringkas Cerpen-Cerpen Dharmala N.S.

Kemenangan Dharmala N.S. dalam peraduan Cerpen Esso-GAPENA telah memberikan keyakinan terhadap bakat yang ada pada penulis. Ternyata hasil dari sayembara-sayembara menulis cerpen itu bukan saja berjaya mengungkap bakat malah menantapkan lagi kedudukan seseorang penulis itu.

Selain dari bahasa, pemilihan tema juga merupakan aspek penting dalam penulisan cerpen. Tema yang dipilih dengan baik akan berjaya menawan hati pembaca.

Melalui Sayembara Esso-GAPENA, kita diketemukan dengan karya-karya Dharmala N.S.. Dharmala ternyata mempunyai kebolehan istimewa dalam memilih tema dan persoalan-persoalan menarik untuk cerpen-cerpennya. Walaupun tema yang dipilih merupakan tema yang biasa tetapi telah berjaya meletakkan karya beliau di antara karya yang bermutu. Misalnya cerpen "Rakit"¹ (Sayembara II Esso-GAPENA), "Batu"² (Sayembara III Esso-GAPENA).

Dalam sayembara-sayembara yang disertaianya, Dharmala biasanya memilih judul relatif pendek untuk cerpen-cerpennya. Cerpen "Rakit", menggambarkan bagaimana rakit yang digunakan oleh Pak Kassan merupakan satu simbolis yang kental. Rakit tersebut bukan sahaja

¹ Thias Sayembara II Cerpen Esso GAPENA (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), hlm. 1-12.

² Hashim Awang, Sayembara III Cerpen Esso-GAPENA (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), hlm. 91-102.

penghubung antara Kampung Baruh dengan Kampung Darat tetapi juga penghubung antara Pak Kasean dengan bekas isterinya Ipah menerusi anak mereka berdua iaitu Miah.

Tharfaia N.B. juga telah menyeroni suatu kisah perjuangan untuk hidup ikan di air khabarnya bernama sebagaimana dengan judul cerpenya "Herman" menceritakan juga ikan-ikan dan hidupan lain di air seolah-olah mereka tercabar hebat akibat kekejaman manusia yang telah meninggalkan minyak tuba ke dalam air. Ikan-ikan tersebut telah benar-benar maklum akan bencana ini. Anak-anak bernama terpaksa juga menghadapi ancaman bapak dan ibunya yang akan menelannya apabila kelaparan. Herman yang sudah terkenal dengan ketangkasanannya tidak mengizinkan diri diacau oleh musuh-musuh lain begitu sahaja tanpa perjuangan. Justeru itu, ia cuba sedaya upaya agar dirinya tidak akan terbedaya atau dibunuh oleh sesiapa pun. Ikan Herman sedar bahawa manusia tidak dapat memperdayakannya dengan sudah sama ada dengan pancing, jala atau lainnya, walaupun ia tahu dirinya tidak akan dapat bertahan lama untuk melawan minyak tuba. Samparannya di atas rumput hanya ternyata juga tidak selamat, justeru itu ia terpaksa mencari tempat yang lebih selamat.

Akhirnya ikan Herman terpaksa menyalah kepada manusia yang lebih berkuasa. Herman yang gigih ini akhirnya mati reput di bawah pohon Melaka.

Tema dan Permasalahan Dalam Cerpen-cerpen Dharmala N.S.

Pemilihan cerpen Dharmala yaitu "daruhan" adalah berdasarkan kepada ketayaan tema ironis yang dibawakan dan kecekapan penulis menguasai perwatakannya. Dharmala telah memperlihatkan kecekapannya menguasai subiek berbanding dengan cerpenis-cerpenis lain kerana binatang-binatang yang mereka bawakan lebih mendekati manusia tanpa mempunyai sifat sifat yang menjadi subieknnya.¹

Persoalan hidup binatang dari aspek lahiriah dan esensinya telah dijalin dengan rapi oleh penulis. Senada penulis mahu menyatakan kemuliaan perjuangan manusia yang jahat untuk hidup dalam masyarakat hari-hari. Di dalamnya terbayang betapa sakit getirnya siapa sahaja yang lemah tidak akan dapat melarikan diri dari pihak yang berkuasa. Pemilihan tema binatang yang dituturkan dengan ironis ini telah dapat disedai betul-betul oleh pengarang, sehingga pembaca terasa sama dalam setiap gerak laku dan perasaan daruahan tadi.²

Dalam konteks persoalan persoalan yang didedahkan, rata-rata cerpen pun tidak dapat melarikan diri dari persoalan peribadi pengarang sendiri, namun diri begini bukanlah merupakan suatu sentimen yang berbahaya.³

¹ Lihat "Laporan Penulisan Hadiah Sastera 1974" Dewan Sastera, (Ogos 1974), Jilid 5-7.

² Ibid.

³ M. Sallen Saad, "Masukan Kritis Sekitar Penelitian Kesusasteraan" (Penelitian Cerita Bakaan), "Dewan Bahasa" (November 1967), Jilid 261-282.

proses penderitaan, tema yang teliti dan mendalam terhadap alam sekitarnya jelas diungkapkan oleh Dharmala dalam cerpennya yang berjudul "Haruan". Langkah haruan (anak haruan) melarikan diri dari ancaman bapak dan induk haruan serta manusia adalah karena hidupnya di air tidak aman dari ancaman. Ini memperlihatkan suatu jalinan yang didasarkan kepada teknik sebab dan akibat dengan tidak banyak diselingkan persoalan kecil yang boleh mengganggu cerita. Jadi, pendengar telah merangkaikan satu satu peristiwa berdasarkan hukum alam. Hukum alam yaitu jika ikan di air menjadi makanan manusia telah di satukan dengan hukum alam manusia yang mempunyai kuasa dan minat untuk mendapatkannya. Ia merupakan suatu pandangan kepada manusia yang akhirnya pihak yang kuat akan menindas yang lemah.

Cerpen "Bubu" mengisahkan hidup Mai Londang dengan bubu-bubunya yang menimbulkan prejudis orang kampung terhadapnya. Cerpen ini membawa tema biasa yang ditatap dari kehidupan harian tetapi implikasinya besar dalam kehidupan masyarakat Mai Londang, di mana dia dituduh mencuri tembok even untuk atap bubunya. Bubu juga menjadi alasan untuk membalas dendam Iana yaitu kekasih Even Londang yang ditetak oleh ayah Mai Londang.

Hal yang serupa dapat dilihat pada cerpen "Kasut". Di antara ketiga-tiga cerpen Dharmala yang mendedah Cerpen Bubu GABENA seperti rakyat dan bubu merupakan perlambangan terhadap berbagai persoalan nilai dalam cerpen tersebut.

Kasut membawa perlambatan terhadap penekanan disiplin yang dikenakan oleh Cikgu Mahmud yang bergejar di luar bandar. Didikan disiplin yang paling awal inilah yang menimbulkan jurang ketegangan antara Cikgu Mahmud, seorang guru yang kuat disiplin dengan Haris, murid yang konatan bapa dan tidak mampu membeli kasut untuk dipakainya ke sekolah.

Tema yang sederhana ini telah dijalin dengan baik sehingga melahirkan cerpen yang bukan sahaja mempunyai perincian dan interpretasi yang qberbagai tetapi juga menarik untuk dibaca.

Cerpen yang baik bukan sekadar yang dikarang selapis maknanya, tetapi di dalamnya secara kuat menyuarakan makna yang lebih besar terhadap kehidupan manusia seagat. Misalnya 'rakit' merhawaikan simbolik perisaan kasih sayang yang menarik. Walau pun pada dasarnya lebih difokuskan oleh pengarang ialah kisah Pak Hassan seorang penarik rakit, tetapi disebalikny merupakan perincian kasih sayang yang terpaksa diputuskan oleh ketidak seduan keadaan. Ini jelas diungkapkan seperti di bawah:

"Biarlah sungai lebar itu memisahkan dua kampung Darat dan Barul. juga memisahkan dua jiwa. dia dan bekas suaminya Kasah. Tali dawai perentang sungai tempat bekas suaminya berdaya itu samada seperti nyawa Miah yang menghubungkan mereka berdua". (hal 24)

("Rakit", him. 24)

Cerpen "Rakit" mempunyai kekuatan paling utama dalam sifatnya yang amat padat dan simbolis. Pemilihan latar sungai dan rakit terasa begitu tepat dengan persalannya yang amat simbolis tentang pemisahan antara bapa dengan anak kesayangannya, dan antara dua kelompok masyarakat dari satu ikatan keagamaan yang sama tetapi berlainan sikap. Persoalan yang simbolis tentang pemisahan ini juga turut terpantul dalam hubungannya dengan kehidupan sepasang suami isteri yang bercerai oleh angkara maritua yang berjiwa agama, tetapi bersifat agak kejam.¹

Ketiga-tiga persoalan ini, yang berpokokkan kepada pemisahan, berjaya disatukan dengan agak indah dalam satu cara bercerita yang padat. Sifat yang demikian dapat dikemukakan oleh adanya pembinaan plot yang terpelihara keatuannya dan terjamin ketegangannya. Ini sewajarnya lebih berhasil dekierjakan apabila peristiwa-peristiwa yang terpilih, yang menjadi dasar cerita, tidak bercampur aduk antara yang penting dengan yang kurang penting, yang benar-benar berfungsi dengan yang kecil fungsinya. Yang terpilih dan tersusun hanyalah peristiwa-peristiwa yang benar-benar penting dan penting sahaja dalam konteks pengaliran cerita. Di samping itu peristiwa-peristiwa pilihan tadi tersusun dalam satu urutan peristiwa yang boleh menimbulkan tanda tanya dan ingin tahu pembaca.²

¹ Hashim Awang, *Libat Sayebara Cerpen Rindu-GAPENA* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), hlm. xi.

² Ibid.

Peristiwa-peristiwa itu legasnya terjalin dalam susunan yang bukan kronologi, yang diselang-seli dengan tindakan, khayalan dan ingatan watak-watak. Segalanya ini - tindakan, khayalan dan ingatan - dikisahkan dalam cara yang lebih banyak didasarkan kepada faktor-faktor psikologi dan persekitaran yang melingkungi kehidupan watak. Dengan demikian, segala peristiwa terasa seperti terdetus sendiri oleh perbuatan watak-watak, bukannya disediakan oleh pengarangnya. Inilah yang menjadikan pelukisan watak dan latar yang mempengaruhi hidupnya, terutama pada bahagian-bahagian permulaan dan pengakhiran yang penuh dengan daya perlambangan itu.¹

Kesimpulan

Dari beberapa buah cerpen yang dibandingkan, jelas memperlihatkan bahawa sayembara yang diadakan itu telah menemui pembaca dengan berbagai persoalan yang dapat memberikan semacam pengalaman dan pengetahuan. Namun harus juga disedari bahawa cerpen tidak hanya memberi keseronokan perasaan semata-mata. Cerpen sewajarnya dapat mencetuskan pemikiran terhadap berbagai masalah hidup. Untuk memenuhi tujuan ini, pengarang boleh menyampaikannya dengan berbagai cara dan tidak lari dari sifat cerpen itu sendiri sebagai karya seni yang harus dan mampu merangsang pemikiran pembaca.

¹Ibid., hlm. xi - xiii.

Dari kaca mata penilaian secara amnya, cerpen "Haruan" adalah lebih berjaya. Malah ia lebih baik jika dibandingkan dengan cerpen "Debu-debu Kuala Lumpur".¹ Malapung kedua-dua cerpen ini telah memenangi Hadiah Karya Sastera 1974. Cerpen "Haruan" sungguhpun hidup di air yang semasa diancam oleh berbagai bencana seperti minyak kade, bapak dan induk haruan serta kekejaman manusia, namun mesej utama yang ingin disampaikan oleh pengarang adalah hakikat sesuatu perjuangan manusia yang lemah untuk hidup dalam masyarakat hari-hari.

Di dalamnya terbayang betapa pahit getirnya sesiapa sahaja yang lemah, tidak akan dapat melarikan diri daripada pihak yang berkuasa dan lebih kuat. Jelasnya, cerpen "Haruan" yang bertema akan binatang telah diutarakan oleh pengarangnya secara ironis seolah-olah menyindir pihak-pihak tertentu yang tidak berperikemanusiaan.

Analisis Tema dan Personalan Drama Atap Genting Atap Rumbia

Pengkaji memilih drama ini sebagai drama yang terkuat dihasilkan oleh Kala Dewata (Mustapha Kamal Yassin) khususnya di tahun-tahun 60-an. Ini dilihat dari beberapa kejayaannya melukiskan rasa menubari di antara kehidupan di kota dengan desa. Secara harmonis, drama ini sesuai dengan sikap dan kehidupan yang halus dan kehidupan yang rakus.

¹A. Syukur Harun, "Debu-debu Kuala Lumpur," Berita Minggu, (10 Februari 1974).

pelukisan dan dialog secara begitu borehaja tentu tidak berenti kepada sesebuah drama. Drama yang baik, pelukisan dan dialog biasanya membawa pengertian, makna dan maksud. Ini harus pula disejajarkan atau dikaitkan dengan tema-tema yang dipilih serta diselesaikan dengan situasi latar belakang drama supaya tekniknya dapat diterima dan bentuknya dapat membandung isi yang menjadi pilihan pengarang. Hanya sekadar perutusan pengarang dapat diertikan, dibeni sebagai sebuah drama. Yang penting ialah cara komponen-komponen drama itu diadun supaya menjadi satu kesatuan yang amat kental dan mempunyai akhitan yang tidak longgar.¹

Seseorang penulis sering cuba merealisasikan cita-cita dan intuisi kependarangan sehingga dirinya terikat kepada elemen-elemen yang disyaratkan, walaupun dia berhasil melakukannya, namun yang didapati oleh penonton atau pembaca ialah sebuah drama yang kering.² Ini jelas menunjukkan satu hakikat pendramaan di mana terikatnya kepada sesuatu bentuk yang sedia ada sering merosakkan nilai-nilai drama itu. Dalam beberapa hal pengarang sebenarnya cuba menerapkan unsur-unsur baru dalam memberi arti kepada penghasilannya.³

¹ Mana Sikana (nama samaran), Kritikan Sastra Fendekatan dan Kaedah (Petalang Jaya: Fajar Bakti, 1986), hlm. 317.

² Ibid.

³ Ibid.

Tema dan Persoalan (Pemikiran) Drama Atap Genting Atap Rumbia

Atap Genting Atap Rumbia (seterusnya disebut AGAR), adalah bertemakan soal cinta dan rumah tangga. Shamsuddin, seorang guru berasal dari desa menyintai Shamsiah juga seorang guru - kawan seangkatan yang tinggal penghijrah di kota. Persewaan ini begitu kental, sehingga mereka sanggup menghadapi segala rintangan. Tetapi ayah Shamsiah, Enok Jamal dan ibunya Bendon yang mempunyai rumah beratap genting sebagai simbol kemewahan, tidak dapat menerima hakikat cinta mereka berdua. Mereka mahu Shamsiah hidup berpasangan dengan orang kota juga, bukannya bersama orang kampung yang rumahnya beratap rumbia.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua orang tua Shamsuddin terpaksa akur kepada kehendak anaknya. Mereka menghantar Minah dan Kassim, saudaranya untuk pergi merisik ke rumah keluarga beratap genting itu. Keadaan konflik dan kontras ini dapat diketahui oleh Pak Abu dan Mak Temah yang berpura-pura berlagak sebagai orang kaya sewaktu menerima kedatangan Minah dan Kassim. Dalam babak ini terdapat ironi yang digunakan oleh Kala Dewata, yang menghidupkan lagi suasana AGAR dari mood komedinya.

Sebenarnya, cinta Shamsuddin dan Shamsiah itu bukannya sekadar cinta antara teruna dan sahaja. Tetapi

¹ Ibid.

terkandung di dalamnya nilai-nilai pertentangan di antara desa dengan kota. Ini digambarkan melalui dialog di bawah:

Mineh : Dia orang kaya: duduk di bandar pula.

Mak Piah : Aku, orang kaya di bandar itu aku tak hairan. Kalau lebih bukan boleh tempat bergantung. Kalau lebih bukan boleh tempat berteduh. Dia mengira baling dia aje.

(AGAR, hlm. 55)

Dari dialog di atas itu terserlah satu sikap terhadap kemewahan yang terdapat di kota. Tetapi kemewahan itu tidak memberi apa apa kepada orang desa. Pada pendapat pengkaji, ini adalah satu pukulan kepada beberapa perkembangan pikiran perbandaran di tanahair. Bentuk pembangunan yang besar dan mewah, yang beragam-ragam, mempamerkan kenakmuran dan kekayaan serta keindahan kota sebenarnya tidak dapat mengubah atau menguntungkan kehidupan orang desa. Antara desa dan kota terbentang satu dinding yang amat tebal, yang menjadi pemisah antara mereka.

Dalam dialog yang lain, Kala Dewata mengungkapkan:

Pak Salleh: Cuma aku nak beri ingatan. Kita datang dari kampung. Budi bahasa, sopan santun tinggi. Jangan kerana dok berteduh di rumah batu atap genting, hilang pulak semuanya. Orang kampung yang beratapkan rumah ini, itu sahaja modal kita, budi-bahasa, sopan santun. Orang bandar macam-macam. Banyak duit, banyak harta. Tapi modal doit

dan harta itu cuma laku di dunia. Modal budi bahasa, dari dunia sampai akhirat.

Demikianlah pikiran orang desa terhadap nilai budi pekerti yang mereka sangungi sebagai hubungan berinteraksi sesama mereka. Amat jelas di sini sikap moden dan nilai kota itu terletak pada nilai wang dan harta. Kala Dewata pergi hendak menasihati para belia desa, jikalau mereka hendak ke kota haruslah diperlihatkan nilai-nilai sumi sambil memhami pula kehendak kota.

Sesuatu yang melatakkan drama AGAR ini menjadi begitu ketat kepaduan ceritanya ialah urutan peristiwa yang diemukakan dan pertentangan para watak secara tidak langsung, tidak dilaga-lagakan sehingga mudah atau tidak sengaja diheret-herotkan persoalannya dengan sedara paksa. Kehidupan desa dengan masalah-masalah dan kekurangan seperti api, air dan suasana alam yang tenang ditambah dengan daya pemikiran mereka dilukiskan dengan begitu terperinci. Kita merasakan kesempurnaan kampung itu begitu sedap untuk dinikmati membaca skrip drama ini. Dengan kata lain, pengarang telah berjaya menarik perhatian audien dan ini merupakan beberapa ciri sebuah drama yang baik.

Bukanlah suatu usaha yang mudah untuk merampun audien untuk mengikuti keseluruhan persembahan dengan Ausyuk. Apabila Kala Dewata menggambarkan rumah genting sebagai perlambangan kepada kehidupan kota, kita dapat pula merasakan bahawa kota itu penuh dengan manusia yang tamak haloba, mementingkan pangkat dan darjat serta

bermanfaat bersama, sesuai dengan perkembangan pengaruh dan kedudukan bangsa.

Ada pertembungan di antara dua yang berakumulasi dengan gaya yang penuh dengki ini, digambarkan dalam suatu jalanan biasa yang biasa. Tujuan pengarang ialah hendak memperlihatkan perbezaan antara dua kehidupan yang kontras dan pengarang berjaya menyampaikannya dalam bentuk yang dramatis yang berisik beberapa insiden dan komedi.

Apabila menyebut komedi dan dihubungkan dengan drama, Kala Dewata telah berhasil menimbulkan rasa senyum dalam diri audiens kerana unsur-unsur tersebut dipergunakan dengan baik untuk menghidupkan drama ini. Perlu ditegaskan bahawa pengarang mempunyai kemampuan yang baik untuk dapat menyelitkan beberapa adegan komedi. Penulis berpendapat, kemampuan ini merupakan kekuatan pengarangnya dalam mencipta drama.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa drama Atas Gerting Atas Rumbia seperti yang diuraikan di atas adalah merupakan drama Kala Dewata yang terbit di tahun-tahun 60-an, yang pada ketika itu membawakan aliran realisme yang menetapkan tentang kehidupan masyarakat. Kalau drama AGAR ini adalah merupakan drama portret di Malaysia yang membawa aliran berbeza realisme tersebut iaitu dalam bentuk drama 'realisme kenyataan'.

LAMPIRAN A

GAMBAR TOKOH DAN BIODATA PENULIS



ABDUL ARIFIN ARIFIN

(A. ARIFIN, BILANG LAKI, PATRIOT, ZAKARIA, BAI PENGULUKAN)

BAAGSA Melayu terhutang budi kepada Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan Za'ba kerana beberapa sebab. Pertamanya kerana beliau memberi sumbangan yang cukup besar lagi bermakna terhadap bahasa Melayu dengan menggariskan peraturan-peraturan nahu bahasa Melayu. Kedua, beliau turut memperkembangkan bahasa Melayu dengan menulis beberapa buah buku, rencana serta terjemahan. Ketiga, beliau dikenali sebagai seorang nasionalis Melayu yang gigih, yang juga telah menulis tentang keadaan kemiskinan orang-orang Melayu beberapa tahun yang lampau.

Oleh kerana bapanya berpegang kuat dengan ajaran-ajaran agama Islam, maka sejak kecil lagi Za'ba telah diajar menghaji Quran serta mempelajari hukum-hukum agama. Pendidikan rasminya baru bermula pada tahun 1907 di Sekolah Melayu Unggi. Di samping belajar di sekolah tersebut, Za'ba turut belajar bahasa Arab. Persekolahannya tamat pada tahun 1909. Mulai tahun 1910 beliau melanjutkan pelajaran di St. Paul's Institution di Seremban hingga lulus beliau Lukas Senior Cambridge dalam tahun 1915.

Sewaktu menjadi pensyarah bahasa Melayu di *School of Oriental and African Studies*, beliau telah diberi peluang melanjutkan pelajaran di Universiti London. Za'ba telah memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera dalam tahun 1953, iaitu dalam bidang bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Za'ba mulamula bertugas sebagai Guru Bahasa Melayu di English College di Johor Bahru dalam tahun 1916. Tugas di maktab tersebut tidaklah lama kerana pada tahun 1918 beliau mula bertugas pula sebagai Guru Bahasa Melayu serta Penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pada waktu inilah minatnya dalam bidang karang mengarang bermula dengan menghasilkan beberapa makalah untuk surat-khabar, majalah dan periodikal terutama dalam bahasa Inggeris.

Mulai tahun 1923 Za'ba bertugas sebagai Penterjemah di Pejabat Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu yang berpejabat di Kuala Lumpur. Setelah kemudian beliau bertugas di Maktab Pengurusan Sultan Idris Tanjung Malim, juga sebagai Penterjemah. Tugasnya di maktab ini berkekalan hingga tahun 1939. Semasa Za'ba di Tanjung Malim inilah dua periodikal dalam bahasa Melayu muncul iaitu *Majalah Guru* dan *Al-Ikhsan*. Za'ba telah menyumbangkan tulisan-tulisannya dalam kedua-dua periodikal tersebut, termasuk sumbangannya yang paling besar iaitu karya terjemahan. Sumbangan Za'ba menerusi *Majalah Guru* dan *Al-Ikhsan* berlanjutan hingga tahun 1931.

Dalam tahun 1939 Za'ba berkhidmat pula di Pejabat Penerangan

LAHIR:

16 September 1875
di Kampung Batu Kiri,
Negeri Sembilan.

MENINGGAL:

23 Oktober 1972

Singapura. Di samping tugas rasminya, beliau juga menulis buku-buku mengenai pendidikan Melayu dalam Jabatan Pelajaran Singapura. Apabila tentara Jepun mendarat di Singapura, maka Za'ba bertugas pula sebagai Juruhebah Perang Bahasa Inggeris di Radio Singapura bermula pada tahun 1942.

Setelah itu, Za'ba telah ditugaskan oleh pihak pemerintah Jepun sebagai Pengarang Berita Radio dalam bahasa Inggeris. Za'ba telah juga diarah menulis buku-buku bacaan untuk Persekutuan Tanah Melayu dan Sumatera bagi pihak Jabatan Pelajaran dan Agama yang pada masa itu adalah ditadbir di bawah pemerintahan Jepun.

Bila Perang Dunia Kedua tamat, Za'ba bertugas dalam Jabatan Perhubungan Raya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada bulan Mac 1946 beliau dilantik sebagai Setiausaha UMNO yang baru ditubuhkan, di samping Dutuk Onn Jaafar sebagai Pengerusi. Walau bagaimanapun Za'ba kemudian mengundurkan diri dari politik atas sebab-sebab kesihatan.

Pada tahun 1946 Za'ba bertugas sebagai Penterjemah Kanan Bahasa Melayu di Pejabat Pelajaran Kuala Lumpur. Pada waktu itulah beliau banyak mengarang buku-buku untuk sekolah-sekolah Melayu.

Pada tahun 1947 beliau dihantar ke London dan setelah tamat tugasnya sebagai Pensyarah, Za'ba pulang ke Tanah Melayu. Beliau dilantik sebagai Pensyarah Kanan di Universiti Malaya (Singapura) merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu universiti tersebut. Memandangkan jasa-jasa Za'ba dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu, maka beliau telah dianugerahkan gelaran Pendita pada tahun 1955, iaitu sewaktu diadakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Johor Bahru.

Mulai tahun 1959 Za'ba telah meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan. Pada tahun yang sama Universiti Malaya telah menganugerahkan kepadanya Doktor Persuratan kerana mengenyang sumbangannya yang cukup besar dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu. Gelaran yang sama tarafnya diperolehi sekali lagi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Jun 1973. Sebelum itu juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Malaysia telah menganugerahkan bintang Panglima Mangku Negara (P.M.N) bergelar Datuk (kemudiannya Tan Sri) kepada Za'ba dalam tahun 1962.

Sejak meletakkan jawatan, kesihatannya sering terganggu dan menghalang beliau dari bergiat terus dalam lapangan bahasa dan persuratan Melayu. Akhirnya pendita yang sukar dicari gantinya ini meninggal dunia pada 23 Oktober 1973. Isteri beliau, Hajah Fatimah telah meninggal dunia pada 13 Mac 1964. Kedua mereka meninggalkan lima orang anak.

Za'ba merupakan seorang anak Melayu yang tidak jemujemu mengabdikan terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu sejak sebelum Perang. Kematiannya merupakan satu kehilangan yang besar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Tidak keterlaluan kiranya dikatakan bahawa beliau adalah satu-satunya anak Melayu yang berpendidikan tinggi yang meletakkan asas yang kukuh dalam tata bahasa Melayu, dan seorang yang sangat berpengaruh di kalangan guru-guru Melayu dan masyarakat Melayu sejak sebelum perang hingga kini.

Karyanya yang paling terkenal *Pelita Bahasa Melayu* merupakan rujukan utama bagi seluruh masyarakat yang ingin mengetahui tentang bahasa Melayu.

Beliau memilih untuk menjadi penerang buku-buku pengetahuan sebanyak-banyaknya. Beliau menterjemah karya-karya terkenal dari kesusasteraan asing dengan harapan menjadi contoh pada bangsanya tentang ketinggian mutu kesusasteraan asing dan semoga mereka mencuba pula menghasilkan karya-karya asli seperti itu. Di tengah-tengah kekosongan buku-buku tentang tata bahasa, Za'ba menerbitkan *Ilmu Mengarang Melayu* dan *Pelita Bahasa Melayu*, kedua-duanya menjadi buku teks sekolah hingga selepas Perang Dunia Kedua. Di samping itu rencana-rencana tentang bahasa, kesusasteraan, kebudayaan dan agama terus mengalir dari penanya dalam berbagai akhbar dan majalah baik dalam bahasa Melayu mahupun Inggeris. Untuk mengenalkan kesusasteraan Melayu dan juga kebudayaan Melayu kepada orang-orang asing, Za'ba menulis beberapa rencana dalam JMBRAS (*Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*). Tiga buah rencananya yang sering menjadi sumber bagi penyelidik-penyelidik kesusasteraan dan persuratan Melayu sebelum perang dari jurnal tersebut ialah "Modern Developments of Malay Literature", "Recent Malay Literature" dan "Malay Journalism in Malaya".

Za'ba dikenali sebagai seorang yang tegas. Beliau sudi menerima kebenaran serta mengakui kesilapannya. Hal ini dapat dilihat dari kata-katanya berhubung dengan kemasukan bahasa Indonesia. "Saya dulu menentang kemasukan bahasa Indonesia ke dalam bahasa Melayu, tetapi sekarang saya kalahkan. Saya sendiri telah menggunakan bahasa Indonesia itu. Kalau ada orang yang bertanya mengapa kita ikut menggunakan perkataan 'organisasi' atau 'demonstrasi' tidak *organisation* atau *demonstration* saya akan menjawabnya, itu adalah bahasa Indonesia bukan bahasa Belanda kerana kita mengambilnya dari bahasa Indonesia."

Dari karya-karyanya, dapatlah dilihat bahawa Za'ba tidak saja menumpukan minatnya terhadap lapangan bahasa dan persuratan Melayu, malah dalam bidang-bidang ekonomi, agama dan sikap orang-orang Melayu. Tulisan-tulisannya tentang kemiskinan dan cara-cara mengatasi ekonomi orang-orang Melayu telah muncul lama sebelum para sarjana ekonomi mula memberikan perhatian yang besar terhadap masalah tersebut. Di sinilah terletak kebolehan Za'ba sebagai seorang nasionalis. Tumpuannya yang mendalam terhadap soal-soal bahasa tidak melupakan beliau dari menyedari realiti yang terjadi dalam masyarakatnya.

Beliau pernah bercita-cita menerbitkan "Kamus Bahasa Melayu" tetapi cita-cita ini digagalkan oleh O.T. Oussek. Walau bagaimanapun Za'ba kemudiannya berusaha terus, lalu berjaya menerbitkan *Daftar Ejaan Melayu Jawi/Rumi*. Bukunya *Falsafah Takdir Penggali 1* telah mendapat tentangan dari Pejabat Agama Islam Perak kerana dianggap bertentangan dengan ajaran agama di negeri tersebut. Begitu juga dengan bukunya *Pendapat-pendapat Ulama Berkonflik Dengan Kadha dan Kadar* telah diharamkan di negeri Perak kerana dianggap sebagai satu pembaharuan dalam ajaran Islam yang condong kepada ajaran muktazilah, iaitu suatu ajaran yang dianggap bertentangan dengan ajaran Mufti waktu itu.

Selain dari tentangan-tentangan serupa itu, ada beberapa lagi karya Za'ba yang tidak dapat kita tatap disebabkan kerana tidak ter-cetak. Antaranya ialah "Falsafah Takdir Penggal II dan III", "Kilauan Senja", "Menungken Atas Bahasa dan Sastera" (Perluasan dari *Benih Kemajuan*), "Nahu Melayu" (Perluasan dari *Pelita Bahasa Melayu II*), "Coloquii Japanese", dan "Risalah Penyedaran".

Za'ba juga bercita-cita menulis beberapa buah buku lagi, tetapi gagal dilakukan kerana halangan kesihatan. Judul-judul yang pernah difikirkannya ialah "Buku Kesusasteraan", "Geina Kayangan", "Huruf Trengkas dan Huruf Jawi" dan "Pengalamanku Dalam Pengembaraan di Sepanyol". Terus menerus Za'ba memupuk semangatnya untuk mengabdikan kepada bahasa dan kesusasteraan di tengah-tengah golongan elite Melayu berpendidikan Inggeris yang kurang berminat terhadap bahasa dan kesusasteraan mereka sendiri. Kepada golongan pendidik-an Melayu dan Arab, Za'ba adalah sumber ilham, sebuah pelita yang mengedip di tengah-tengah kemiskinan pendidikan Melayu.

KARYA:

TERJEMAHAN -- *Cerita-cerita Suka Shakespeara*, Tanjung Malim; Pejabat Karang Mengarang, 1949; *Anak Raja Dengan Anak Papa* (oleh Mark Twain), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965 (cetakan kedua), 365 hlm. Cetakan pertama 1958; *Sajarah Ringkas Tanah Melayu*, 1961, 227 hlm. UMUM -- *Pendapat-pendapat Perbahasan Ulama Berkenaan Dengan Kadha dan Kadar*, Pulau Pinang: n.p., 1927, 60 hlm; *Perjuangan Asyik*, Muar; Ismail Osman, 1930; *Rahsia Ejaan Jawi*, Singapura: Malaya Publishing House, 1930; *Ilmu Mengarang Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House, 1952, 383 hlm. Cetakan pertama 1934; "Modern Development" (A chapter From A History of Malay Literature, R.O. Winstedt), *JMBRAS*, Vol. XVII, Pt. III, Januari 1940, hlm. 142-162; "Recent Malay Literature", *JMBRAS*, Vol. XIX, Pt. I, Februari 1941, hlm. 1-20; "Malay Journalism in Malaya", *JMBRAS*, Vol. XIX, Pt. II, Oktober 1941, hlm. 244-260; *Daftar Ejaan Melayu: Jawi/Rumi*, Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang SITC, 1949, 692 hlm; *Asuhan Budi Menerusi Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1957; *Pelita Bahasa Melayu I*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958, 245 hlm; *Pelita Bahasa Melayu II*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958, 210 hlm; *Pelita Bahasa Melayu III*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958, 302 hlm; *Persuratan Melayu II*, Singapura: Dalam, 1960, 456 hlm; *Kelungan Bunga (Buku I)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963, 262 hlm; *Kelungan Bunga (Buku II)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964; *Malayan and Indonesian Studies*, London: Oxford University Press, 1964.

RUJUKAN:

"Abdullah Hussain, "Tan Sri Pendita Za'ba", *Dewan Sastera*, Disember, 1972, hlm. 3, 53; Abdullah Hussain & Khalid Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 318 hlm; Anwar Ridhwan, "Za'ba: Satu Catatan Ringkas", *Dewan Bahasa*, Disember 1973, hlm. 536-545; Sulaiman Masri, "Perbandingan Za'ba Dengan Dr. Asmah Haji Omar Dalam Perlakuan Terhadap Golongan Kita", *Dewan Bahasa*, Mei 1972, hlm. 205-221; Staff Writers, "Za'ba: The Man Behind The Legend," *Straits Times*, 5 Januari 1973; Syed Naguib Al-Attas, "Zainal Abidin bin Ahmad", *Dewan Sastera*, Julai 1973, hlm. 7; Yahaya Ismail, "Za'ba: Sebuah Mutiara yang Paling Berharga Dalam Kesusasteraan Melayu Modern", *Dewan Sastera*, November 1973, hlm. 3-8.



A. Nwa BB

● menungan hati

apakah tertulis diawan biru
 ; dibunga aldaun sugarup penjuru
 apa dinyanyikan oleh pohon tu
 ditepi pantai sayup menderu?
 ombak menyeru apa bendanya
 guruh yang sayu apakah halnya
 boyu berpuput kemana halanva
 burung berbunyi apa kotanya?
 apakah sebab gunung yang tinggi
 fajar menyingsing ketika pagi
 tanjung dan pulau kolam perigi
 sudah dipandang dipandang lagi?
 apakah sebab bulan dan bintang
 kilat memancar pelangi merentang
 sinaran shams pagi dan petang
 sudah dilihat lagi ditentang?
 apa sebabnya kasih terahinta
 menyusahkan hati melemah anggota
 hiba termenung merata leta
 sudah ditanggung lagi dichinta?

Kuala Lumpur,
 26 Oktober 1933
 Majalah Guru 1933.

Mohd. Yusuf bin Ahmad

MUHAMMAD YUSOF AHMAD

(JENTAYU, MELOR)

Lahir di Batu Kikir, Negeri Sembilan pada tahun 1900. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu. Kemudian meneruskan pelajaran di Maktab Perguruan Melayi Melaka dan juga Maktab Perguruan Melayu Kuala Kangsar. Beliau adalah adik kepada Za'ba dan pernah menjadi Nazir sekolah-sekolah Melayu negeri Selangor. Bergiat dalam penulisan cerpen dan rencana dan juga puisi dalam satan Sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu bagi majalah Guru. Sebagai ketua kepada guru-guru Melayu, beliau aktif memimpin anak-anak buahnya memajukan diri dan pelajaran Melayu. Ini dijalankannya melalui Persekutuan Guru - Guru Melayu Selangor yang diasaskan oleh beliau.

Walaupun Muhammad Yusof Ahmad tidak menghasilkan sumbangannya di dalam majalah Guru, namun karya & karya di dalam majalah Guru lah yang dapat dianggap paling penting, tertulis dalam bentuk esei dan cerita - cerita bersiri. Esei-esainya kerap tertulis dengan nama samaran seperti Melor, Jentayu dan Anak Negeri. Secara amnya, ia menyentuh bidang-bidang politik, ekonomi, pelajaran, agama, bahasa dan soal-soal yang berhubung dengan kedudukan perempuan-perempuan Melayu. Jika didokumentasikan karya-karyanya, ia boleh menjadi bahan-bahan yang amat baik bagi meninjau dan menilai perkembangan fikiran orang-orang Melayu di tahun-tahun 20-an. Oleh yang demikian, di dalam sejarah perkembangan pendapat umum, Muhammad Yusof Ahmad adalah kontemporari yang setara dengan tokoh-tokoh yang terkenal seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Za'ba.

Beliau menulis cerita dengan nama samaran Jentayu. Sungguhpun sumbangannya hanya berjumlah tujuh buah cerita, tetapi beberapa buah ceritanya amat menarik jika dipandang dari segi pertumbuhan 'mode' baru penceritaan di dalam kesusastraan kita. Bakatnya mula diuji apabila ia membuat adaptasi dua buah cerita Inggeris iaitu "Gubash Kasih" (majalah Guru, 1926 - 1927) dan "Zaman Sati" (majalah Guru, 1927 - 1928).



MUHAMMAD YUSUF ARSHAD

(YUSUF ARSHAD)

Seorang guru lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris (NPSI). Berasal dari Negeri Sembilan. Di bidang penulisan telah menghasilkan beberapa buah cerpen antaranya berjudul, " Hiburan Hari Raya" (Majlis, 3 Disember 1937), " Terkena Itu Jalan Tera" (Majlis, 3 Jan 1938), juga menghasilkan puisi - " Pulau Baha-gia", "Jangan Disangka" (Najalan Guru, November 1944) dan lain- lain lagi.

Sdr. Hashim Amir Hamzah dilahirkan pada 28.5.1925 di Jelutau, negeri Sembilan. Mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu datu' bandar rasah, Seremban. Kemudian belajar di Alimashhar dan Alhuda, Pulau Pinang. Pernah menjadi guru di rentei dujo, Seremban waktu pendudukan Jepun. Selepas lulus dari maktab perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, beliau mengajar di sekolah Melayu Temiang dan kemudiannya di sekolah Inggeris Tuanku Muhammad Kuala Pilah.

Sejak tahun 1954, berkehidupan dengan radio Melayu di Singapura. Pada tahun 1957 menjadi pengelola rangkaian Melayu, radio Melayu, Melaka. Mulai 1963, menjadi 'penerbit' di televisyen Malaysia. Sehingga ini beberapa buah drama tv telah diterbitkan.

Beliau pernah mengikuti kursus di BBC, London dan CBC, Kanada. Sdr. Hashim Amir Hamzah memenangi hadiah pertama anjuran pejabat pelajaran tanah Melayu (1951) dengan novelnya 'Chingbin rahsia' karyanya yang lain adalah 'tiga bulan di Kanada' (1969) dan 'melawat kota mekapat' (1970).



HASHIM BIN AMIR HAMZAH



ABDUL LATIFF HAJI MOHIDIN
(A. LATIFF MOHIDIN, ALMA, LATIFF MOHIDIN)

ANAK kepada bekas Selin. Haji ini awal-awal lagi telah memperlihatkan bakat seninya apabila beliau pada umur sembilan tahun telah mencipta beberapa lukisan. Pada permulaan tahun enam puluhan, Latiff menunjukkan pula kebolehan yang lain dengan menulis puisi, dan kebolehan itu cukup mengagumkan sehingga mengangkat namanya sebagai penyair muda yang kuat.

Latiff menerima pendidikan dasarnya dari Sekolah Melayu Langgeng hingga lulus darjah empat. Sesudah itu, oleh kerana bapanya menjalankan perniagaan di Singapura, Latiff menyambung pelajarannya di pulau itu. Dia belajar di Sekolah Melayu Kota Raja dan Merchantile Institution. Kemudian kembali ke Seremban dan belajar di Sekolah King George V hingga lulus School Certificate. Mulai tahun 1960, Latiff meninggalkan tanahair untuk menuntut di University of Fine Arts, Berlin dengan biaya pemerintah Republik Persekutuan Jerman.

Latiff telah mendirikan rumahtangga dengan Wan Nafisah Haji Ismail dalam bulan Ogos 1976, selepas bertemu pada Hari Puisi di Pantai Cinta Berahi, Kota Bharu. Wan Nafisah atau "Cah", begitu Latiff dengan ringkas memanggil isterinya, adalah juga penulis puisi yang telah lebih dulu mengenal dan mencintai baris-baris puisi suaminya.

Sampai tahun 1974, Latiff cukup banyak mengembara sambil melahirkan karyanya. Waktu digunakannya untuk memperluas pengalaman dan mencipta sehingga beliau berhasil mengadakan beberapa pameran lukisan bersama dan perseorangan, baik di dalam mahupun di luar negeri. Semasa belajar di Berlin beliau melawat Eropah, dan selepas itu ke beberapa negara Asia. Dalam tahun 1969, Latiff telah ditawarkan Biasiswa Rockefeller untuk belajar di Amerika Syarikat dan kira-kira pada waktu yang sama beliau mendapat grant dari Kementerian Kebudayaan Perancis untuk melawat Paris. Dalam perjalanan inilah Latiff secara serius menghasilkan juga puisi, termasuk sebuah yang cukup terkenal bernama "Sungai Mekong" yang kemudian menjadi judul kumpulan puisinya yang pertama.

Sehingga kini Latiff telah menghasilkan sedikit tulisan berbentuk esei serta terjemahan puisi dan drama. Sejuntai sajak yang dihasilkan, meskipun sekadar cukup untuk sebuah dua kumpulan, dapat mengundang hati dan fikiran yang jujur dan terbuka bagi menerima Latiff sebagai penyair yang penting dewasa ini.

Pada sajak-sajak Latiff kita dapat merasakan tidak adanya pemaksaan dalam pemakaian bahasa. Dan di samping itu, pemilihan kata yang ada telah dapat memberikan keindahan bunyi. Keadaan ini menunjukkan kematangan bahasa pada diri Latiff.

LAHIR:

20 Ogos 1941
di Seremban,
Negeri Sembilan.

ALAMAT:

Pelukis Tamu,
Universiti Kebangsaan
Malaysia,
Bangi,
Selangor.

Ketibaan Latiff bersama beberapa penyair lain di awal tahun 1980-an menunjukkan jalan baru bagi pengucapan puisi di Malaysia. Latiff mencipta dalam satu periode pembangunan dan modenisasi yang telah bebas dari tekanan pentadbiran kolonial dan justeru itu memberikan lebih banyak perhatian terhadap masalah individu dari masalah sosial. Latiff adalah penulis muda yang tumbuh dengan pendidikan moden yang lebih luas dan oleh kerana beliau adalah pelukis-penylir yang paling banyak mengembara di Eropah dan Asia, maka beliau berkemampuan pula berkeralan dengan tradisi dan sastra dunia yang beragam.

Puisi-puisi Latiff tidak bertujuan membicarakan sistem yang besar kerana ia lahir dari sumber batin dan pengalaman peribadi si penyair sendiri. Sia-sia saja mencari masalah pertentangan kelas, penindasan atau pesanan pembangunan di dalam puisinya. Yang mengalir dalam puisinya adalah mimpi-mimpi, perasaan, kerangan dan imajinasinya. Pembaca juga akan menemui benda-benda dan unsur-unsur alam yang biasa yang sering terlepas dari pandangan penyair lain, seperti tiket, surat, sotong, burung gagak, doak dan sungai. Latiff tidak menampilkan benda-benda tersebut dengan segala detailnya sebagai gambar yang mati. Ia cuba melampaui kenyataan-kenyataan dengan imajinasinya dan melihat berbagai kemungkinan yang berada di sebuah benda-benda alam tersebut.

Latiff juga adalah dianggap sebagai penyair yang lebih banyak melepaskan diri dari membicarakan masalah politik dan kemasyarakatan dalam puisinya. Latiff mendekatkan diri kepada alam dan kejadian-nya. Dalam puisi-puisinya boleh ditemui suara hati seorang pengembara yang mencari kebenaran, dan yang menyatukan jiwanya dengan anasir-anasir alam. Di samping membawa tema latimewa, Latiff juga mempunyai pengucapan yang amat segar, yang dapat disamakan dengan kesegaran sebuah lukisan, penuh dengan warna-warni dan tafsiran.

Gunggupun demikian, Latiff cukup mengerti dan toleran terhadap kesusasteraan yang komited yang menjadi ciri penting bagi tulisan kreatif di Malaysia. Gaya puisinya adalah khusus Latiff. Eksisnya adalah dari bahasa dan kata-kata biasa yang diaksolot sedapat mungkin untuk mengucapakan jiwa dan fikirannya dalam bentuk yang bebas. Puisi Latiff adalah padat, ekonomis kata-kata, berbaris pendek dan pada beberapa karyanya terlihat bentuk bebas yang menekankan kesan visual. Penekanan kesan visual ini adalah satu perkembangan baru dalam puisi di Malaysia akibat dari sastra bercetak dan pengaruh puisi konkret dari Eropah di samping pengaruh sanirupa yang menjadi sebahagian dari kehidupan Latiff sendiri.

Walaupun Latiff berhasil menggunakan bentuk bebas secara matang, akan tetapi puisinya tetap merupakan pengucapan jiwa dari manusia Timur yang masih dekat dengan kekayaan dan keindahan alam. Meskipun melalui kata-kata Latiff tidak menyatakan secara eksplisit pemberontakannya terhadap konvensi, tapi dari cara dan gaya berpuisi beliau sebenarnya telah menyatakan sikap dan pendiriannya yang tersendiri.

Meneliti puisi-puisi Latiff yang kebanyakannya mempunyai mutu yang baik, tidak heranlah jika beberapa puisinya telah pun diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan Cina. Terjemahan Inggeris banyak dilakukan

oleh Adibah Amin yang hampir kesemuanya telah dimuatkan dalam *Yanggara*.

Hasenya pembicaraan tidak menjadi lengkap tanpa membicarakan secara umum penglibatan Latiff dalam seni lukis, kerana bidang ini juga menjadi sebahagian dari kehidupannya. "Belajar di Berlin University of Fine Arts telah menampakkan saya dengan teknik-teknik," demikian Latiff pernah mengakui, dan katanya lagi, "artis-artis moden di Asia mempunyai kebebasan untuk belajar dari Barat, tetapi hanya sebilangan kecil dari mereka yang memperlihatkan keadilan."

Antara tahun 1962 hingga 1973, Latiff telah beberapa kali memamerkan karyanya. Antaranya ialah di Bonn, Berlin, Frankfurt, Hamburg, Bangkok, Singapura, New Delhi, New York dan London selain di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Sebagai pelukis, beliau pernah dianggap sebagai seorang *Malaysian Abstractionist* yang mencerminkan pandangan terhadap alam semesta seperti yang terlihat dalam karyanya "Pago-Pago".

Seperti juga dalam puisinya, pencarian Latiff terhadap *focalness* menariknya ke arah alam dan kita mendapati baik beliau sebagai pelukis ataupun penyair, dia adalah seniman yang paling mesra dengan lingkungan semulajadinya.

Tahun 1963 ke atas menyaksikan kegiatan penciptaan yang amat tekun dan banyak yang menyentuh tiga bidang yang berlainan dalam usia senirupanya. Dalam lukisan minyaknya, arca-nya, dan estakonnanya terdapat konsistensi yang menunjukkan fahaman yang luar biasa terhadap media-media yang berlainan. Pada keseluruhannya, lewat siri ciptaannya, "Pago-Pago", "Mindscape", dan "Langkawi", Latiff kini menjadi tokoh pelukis yang adi dan penting di negeranya.

Selain mencipta puisi dan lukisan, Latiff pernah menjadi semasem pemimpi tidak rasmi bagi sekumpulan anak muda yang meminati dan mencipta seni, yakni kumpulan "Anak Alam". Tetapi selepas beliau berumah tangga dan kemudian berpindah ke Universiti Sains Malaysia untuk menjadi pelukis tamu atau Ahli-cipta mulai tahun 1977, Latiff dan "Anak Alam" nampaknya mencari jalan sendiri-sendiri.

Meskipun Latiff telah banyak memenangi berbagai hadiah terutama Hadiah Karya Sastera 1971, 1972, 1973, 1974, 1975 dan 1976, kreativitiya masih berkembang dan usianya masih muda. Dengan seorang isteri dalam penghidupan baru sebagai Ahli-cipta di kampus universiti, dunia senirupa dan sastera tanahair nampaknya memiliki harapan mendapatkan bentuk dan pengutapan yang lebih kaya dari tangan Latiff. Dari sifat peribadinya yang lebih banyak berfikir dan berbuat dari berbicara, harapan itu tidak akan meleset.

KARYA:

PUISI — *Sungai Mekong*, Kuala Lumpur: No. 22 Jalan Bukit Bintang, 1972, 75 hlm; *Kembala Malam* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 60 hlm; *Kayang Pak Dalang*, Kuala Lumpur, 1977, 57 hlm.

RUJUKAN:

Anwar Ridhwan, "Kesustasteraan dan Masyarakat: Satu Pendekatan", *Dewan Bahasa*, (September 1973), hlm. 392; Baha Zain, "A, Latiff Mohidin Sebagai Penyair", Termuat dalam katalog pameran *Retrospektif Abd. Latiff*, Kuala Lumpur: Balai Seni-lukis Negara, 1973; *The Asia Magazine*, 26 Mei 1968, hlm. 9; Umar Junus, "Perkembangan Puisi Melayu Moden", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 150.



KAMARUZZAMAN ABDUL KADIR
(DHARMAWIJAYA)

DALAM lapangan penulisan kreatif, Dharmawijaya mula menumpukan kegiatannya dalam penulisan sajak sejak tahun 1960. Di samping itu ikut juga menghasilkan karya berbentuk esei kesusasteraan dan kebudayaan Melayu serta kritikan, terutama mengenai sajak. Walaupun begitu, di bidang puisi lah namanya lebih dikenali kerana sumbangannya yang banyak lagi berenti.

Dharmawijaya terdidik di Sekolah Melayu hingga Darjah VII pada tahun 1952. Tahun 1953 terpilih menjadi Guru Petatih di sekolah rendah Melayu. Kemudian beliau mendapat latihan pula di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1954-1956). Dengan belajar sendiri, Dharmawijaya telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dan beberapa tahun kemudian lulus Sijil Tinggi Persekolahan. Mulai tahun 1973 Dharmawijaya terdidik di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya hinggalah tahun 1976, dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Sebelum menuntut di MPSI, Dharmawijaya sempat mengajar di Paroi, Seremban dan apabila lulus dari MPSI, mulai bulan Disember 1956 hingga tahun 1959 beliau mengajar pula di Jelahu sebelum mengikuti kursus di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur (1960). Dari tahun 1961 hingga 1970 Dharmawijaya mengajar di berbagai sekolah, antaranya ialah Sekolah Chi Kwa Seremban sebagai Guru Bahasa Kebangsaan dan Sekolah Menengah Darul Abdul Samad di Tanjung Ipoh sebagai Guru Kanan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Antara tahun 1966 hingga 1967, beliau diantik oleh Kementerian Pelajaran menjadi Pengarah Sambutan, untuk memberi kursus kepada guru-guru Pusat Latihan Daerah dalam mata pelajaran kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Dari tahun 1971 hingga 1972 pula Dharmawijaya dipinjamkan oleh Kementerian Pelajaran untuk berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pembantu Sastera. Sebelum memasuki Universiti Malaya pada bulan Jun 1973 Dharmawijaya telah mengajar di Kolej Tunku Khursiah Seremban. Sesudah tamat pengajian di universiti mengajar di Sekolah Menengah Tangku Durah, Seremban selama beberapa bulan. Kemudian Dharmawijaya bertugas sebagai tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya sambil menyiapkan tesis bagi Ijazah Sarjana Sastera.

Dharmawijaya telah berumah tangga dengan Zaini bt. Haji Maaya dan telah dikurniakan tiga orang anak.

Puisi-puisi Dharmawijaya sejak dulu sampai kini mempunyai gaya yang tersendiri, khususnya dalam gaya bahasa. Warna Maya, kumpulan puisinya yang awal terbit tahun 1974) menghidangkan satu

LAHIR:

23 Jun 1937,

di Kampung Telang,

Bukit Ipoh, Negeri Sembilan.

ALAMATI:

68, Jalan Hose,

Bukit Ipoh, Negeri Sembilan.

kolleksi sajak Melayu yang sungguh menarik. *Warna Maya* merupakan kumpulan sajak bersendirian sejak tahun 1963 hingga 1973. Sebahagian besar puisi dalam *Warna Maya* ini ditulis sewaktu beliau bertugas sebagai pendidik di Tanjung Ipoh, sementara beberapa buah lagi dihasilkan di Seremban, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kampung Talang dan juga Kampung Senaling. Ini dapat dilihat dari catatan pada tiap-tiap puisi yang terangkum dalam kumpulan ini.

Sebagai penyair, Dharmawijaya bukan saja dapat menghayati dan mengungkapkan keindahan alam negeranya tetapi juga dapat menyorong jauh ke dalam kehidupan masyarakatnya, terutama mereka yang terdiri dari kaum tani, nelayan dan buruh.

Perasaan cintakan desa dan kampung halaman begitu ketara dan dirakamkannya melalui bahasa puisi yang lembut dan indah. Sebuah puisinya yang cukup popular tentang desa ialah "Kampung Talang" — sebuah kampung yang terbiar buat beberapa waktu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Begitulah juga bila Dharmawijaya berbicara tentang masyarakat petani. Penyair melihat masalah petani sebagai masalah kemiskinan; petani hanya bermodalkan tulang urat. Di situ tergambar kehidupan dalam suasana jelik dan dengan segala kepincangannya. Manusia petani itu cuba ditemui oleh penyair dengan kejujuran dan kesedaran yang mengharukan.

Ketika Dharmawijaya bertugas sebagai guru, beliau banyak mengajar di beberapa buah sekolah khususnya di negeri kelahirannya sendiri. Oleh yang demikian, hidup rakyat tani, kesengsaraan dan aspirasi mereka, cinta dan kegagalan mereka, adalah kejadian-kejadian yang bertahun-tahun sering berlaku di depan matanya. Kesentua itu telah dirakamkan oleh Dharmawijaya dalam sajak-sajak "Cinta Sayang di Sawah Ladang", "Balada Gadis Desa" dan "Senyum Anak Tani". Di dalam sajak terakhir umpamanya, dapat kita rasakan keindahan dan kedamaian hidup di sawah dan bendang, meskipun kenyataannya tidaklah indah dan sadamai itu. Senyum dan ketawa mereka itu adalah semata-mata untuk menyembunyikan penderitaan yang liar sekali untuk dipisahkan dari kehidupan.

Demikianlah Dharmawijaya lebih terkenal sebagai penyair yang banyak mengungkapkan masalah dan aspirasi rakyat tani di samping gambaran desa kampung halamannya sendiri. Dharmawijaya memelihara keindahan bahasa yang penuh imaji dan inilah salah satu ciri sajak-sajaknya yang sering mendapat perhatian.

Satu keistimewaan pada sebahagian besar sajak-sajak Dharmawijaya ialah sikapnya yang tidak membenarkan amanat lahir secara ketara sehingga mengorbankan nilai-nilai puisi yang ada. Oleh yang demikian sedapat mungkin beliau memberi persembangan antara idea dan perlambangan.

Pada tahun 1971, sajaknya "Sumpah Tanahair" telah dipilih sebagai sajak yang layak memenangi Hadiah Karya Sastera bagi tahun tersebut. Kemudian buat kali keduanya sajaknya yang berjudul "Masih Ada" telah memenangi Hadiah Karya Sastera tahun 1976.

KARYA:

KAJIAN — "Dunia Kemala Dalam Timbang Terina dan Meditasi", (Latihan Ilmiah untuk memenuhi syarat ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1975). PUISI — "Sumpah Tanahair", *Mingguan Malaysia*, 23 Mei 1971; *Warna Maya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 84 hlm; *Di Penjuru Meta-mu* (antologi bersama), Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu, 1975, 205 hlm; "Masih Ada", *Dewan Sastera*, Disember 1976, hlm. 5.

RUJUKAN:

Ramli Idris, "Warna Maya", *Dewan Bahasa*, Julai 1975, hlm. 474-487; Shamsuddin Jafar dan A.M. Thani, "Puisi dan Manusia", (kertas kerja Hari Puisi), *Dewan Sastera*, Mei 1976, hlm. 29-34.



MUSTAPHA KAMIL BIN YASIN

(KALA DEWATE)

WALAUPLUN Mustapha Kamil Yasin pernah menghasilkan cerita pendek, sajak, rencana novel dan kritikan sastra, namun kerluadikannya yang penting dalam sejarah kesusastraan Melayu adalah dalam lapangan drama. Sejauh ini penulis yang lebih dikenal dengan nama Kala Dewata ini telah menghasilkan sekurang-kurangnya lima buah buku drama. Tidak termasuk buku-buku drama untuk kanak-kanak sekolah.

Kala Dewata menemina pendidikan Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris di peringkat dasar dan menengah. Beliau juga pernah mengikuti kursus perguruan di Universiti Malaya, Singapura selama setahun. Beberapa tahun kemudian Kala Dewata menyambung pengajiannya untuk memperoleh ijazah Sarjana Sastera di Universiti Indiana, Amerika Syarikat. Setelah bertugas sebagai pensyarah di tanahair untuk beberapa tahun, Kala Dewata ke Amerika lagi untuk mencapai Ijazah Ph. D.

Tugas pertamanya ialah sebagai seorang guru di Maktab Tentera Persekutuan Port Dickson dan kemudian di King George V School, Seremban. Setelah itu menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Setelah memperoleh ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Indiana, beliau bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya dalam bidang drama dan penulisan kreatif. Sekembali dari Amerika Syarikat, Kala Dewata bertugas sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau meletakkan jawatannya di universiti tersebut lalu menjalankan perniagaan di Quiwama Sendirian bertempat di Bangunan Uda Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur.

Kala Dewata telah berumah tangga dan telah mempunyai beberapa orang anak.

Sebenarnya, Kala Dewata telah menulis karya kreatif sejak tahun 1953 lagi. Sejak dari tarikh tersebut, Kala Dewata terus menghasilkan cerpen, sajak, kritik sastra dan rencana-rencana kebudayaan. Novelnnya *Harai dan Harar*, dan kumpulan cerpennya *Yang Dihempas dan Diputas*, dan sebuah lagi yang diterbitkan bersama drama iaitu *Perampasan dan Peristiwa*, menggambarkan peristiwa pahit manis yang dialami oleh kaum wanita, serta janji bangun manusia untuk hidup dalam belitan nasib yang kadang-kadang dilakukakan secara selib, lucu, misteri dan dramatik.

Drama merupakan bidang yang amat diminati oleh Kala Dewata. Beliau dapatlah dianggap sebagai tokoh yang menonjol dalam bidang penulisan drama di tahun-tahun 1960-an bersama-sama Usman Awang.

Beberapa buah buku dramanya telah terbit, iaitu *Rongahnya*

LAHIR:

1 Julai 1925,
di Kajang,
Selangor.

ALAMAT:

9-3 Jalan 6-1E
P. Alam, Selangor.

Kota Lokut (1963), *Atap Genting Atap Rembia* (1963), *Tiga Drama* (1965) dan *Dua Tiga Kucing Berteri* (1966). Judul-judul ini tidaklah termasuk beberapa buku drama dalam siri *Lakunan Ria* (sebanyak enam siri) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, yang bertujuan untuk mendekatkan murid-murid sekolah dengan drama.

Dramanya yang cukup popular selach ini ialah *Atap Genting Atap Rembia* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1963. Di sekitar tahun-tahun ini, dengan secara tegas, dikatakan bermulanya zaman drama realisme yang pada masa itu dinamakan 'drama moden'. Dalam satu majlis forum berkenaan "Beberapa Soalan Tentang Drama" anjuran Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, bulan September, 1963, Kala Dewata telah membicarakan cara-cara penulisan dan teknik-teknik persembahan drama moden.

Menurut Kala Dewata, drama moden adalah berbentuk tekanan terus menerus. Tidak ada lagi selingan yang merosakkan suasana sebelum dan sesudah satu babak. Tidak ada tirai yang diturunkan. Tidak ada lagi dialog yang direka sewaktu berlakon tetapi mesti dihafal oleh pelakon semuanya.

Atap Genting Atap Rembia memperlihatkan kebolehan Kala Dewata sebagai dramatis moden. Drama ini dinamakan komedi yang rancak dan dibina secara teliti. Dalam drama ini Kala Dewata mempersembahkan motifnya yang utama iaitu kepura-puraan orang bandar. Oleh kerana Kala Dewata dapat membina drama realistik dengan teliti, memajukan plot beransur-ansur sehingga tiba kepada klimaks dan dialog yang meyakinkan, drama *Atap Genting Atap Rembia* telah menjadi satu contoh drama moden yang baik.

Aliran realisme, seperti yang dianuti Kala Dewata ketika itu, adalah sesuai bagi masyarakatnya yang sedang membangun, yang kebanyakannya belum dapat melepaskan diri dari segala macam kesederhanaan. Sebab itulah, drama Kala Dewata mendapat sambutan yang memuaskan, lebih-lebih lagi aliran realismenya selalu dialutkan atas dijalin dengan bentuk komedi — yang secara sederhana dapat menghibur dan berhasil menyampaikan amanat pengarang.

KARYA:

CERPEN — *Yang Ditangkap dan Dipukul*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd., 1963, 91 hlm; *Perampasan dan Penyerahan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd., 1965, 93 hlm. (dikatakan dengan drama berjudul "Bintang Alam dan Bintang Neon", hlm. 78-83); DRAMA — *Atap Genting Atap Rembia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1963, 108 hlm; *Robohnya Kota Lokut*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1963, 73 hlm; *Tiga Drama*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1965, 88 hlm; *Di Balik Telur Harapan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd., 1966, 53 hlm; *Dua Tiga Kucing Berteri*, Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd., 1966, 49 hlm; *Lakunan Ria* (Buku 1-5, Drama Sekolah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966. *ESEI/KRITIKAN — "Menikmati Sestera — Sestera Sebagai Penggambar Peribadi", *Utusan Zaman*, 8 November 1960; "Dasar-dasar Pemandu

d. Dalam Penciptaan Novel", *Utusan Zaman*, 22 November 1959; "Teknik Puisi - Ada Tiga Puluh Jenis Teknik Penulisan Bahasa", *Utusan Zaman*, 24 Januari 1960; "Di Tengah Kota Secebis Khaban Sostere", *Berita Minggu*, 28 Mei 1951; "Perempuan Berjaya Dalam Ciptaan Watak", *Berita Minggu*, 6 Ogos 1961; "Penyair dan Manusia", *Berita Minggu*, 25 Ogos 1963; "Apakah Itu Drama Tradisi", *Utusan Zaman*, 13 Julai 1975. NOVEL - *Hari dan Hasrat*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru, 1966, 239 hlm. PUISI - "Ke Mana Kau Hilang?", *Berita Minggu*, 23 April 1961; "Seri Mersing", *Berita Minggu*, 31 Disember 1961; "Balada Dua Budak Muda", *Utusan Zaman*, 6 Oktober 1953; "Bersenang di Paris", *Utusan Zaman*, 28 Mac 1966.

RUJUKAN:

Kala Dewata, "Beberapa Drama dari Segi Penulisan", *Dewan Masyarakat*, Oktober 1952, hlm. 30-32; Krishen Jit, "Teater Modern Malaysia - Satu Esai Retrospektif", *Dewan Sastera*, Mei 1979, hlm. 14-21.



AHMAD FADZIL HAJI YASSIN

(A. F. YASSIN)

A.F. Yassin dilahirkan di Kampung Gadong, Negeri Sembilan. Setelah mendapatkan pendidikan akademik Sarjana Muda Komunikasi (1978) dan Sarjana Komunikasi (1980) dari Universiti Padjadjaran Bandung, Indonesia, dia telah berjaya menghasilkan kumpulan cerpen sulungnya Nyir Bertuah Nyir Gelaka (1980). Kebanyakan cerpennya menyentuh peristiwa dan persekitaran yang pernah dialami dan ditempoinya. Cerpen " Okabe " telah dihasilkan berdasarkan pengalamannya sewaktu berada di Jepun. Cerpen tersebut telah tersiar dalam Dewan Sastera, Mac 1983. Disamping itu, beliau juga telah menghasilkan bukubuku seperti Siaka dan Kewartawannya (1966) dan Kuala Lumpur (1968). Kini bertugas sebagai Penurus Penerbitan merangkap Ketua Editor, Penerbitan Fajar Bakti, Sdn. Bhd.



MOHD. ALI BIN MAJOD
(ALI MAJOD, MALINAS)

APA yang menarik dalam karya ciptaan penulis muda ini, khususnya dalam bidang cerpen, ialah pemerokaannya yang cukup berkesan terhadap psikologi kanak-kanak. Hal ini tidaklah menghairankan kerana sebagai seorang guru yang mempunyai pengalaman dan daya kreatif yang kuat, beliau dapat mengamati dan memahami sikap serta kelakuan murid-muridnya.

Ali Majid menerima pendidikan awalnya di sekolah Melayu hingga lulus Darjah VII. Antara tahun 1958 hingga 1961 beliau menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Semasa di maktab tersebut (1959) beliau lulus Sijil Rendah Pelajaran. Setelah lulus dari Maktab Perguruan Sultan Idris, Ali Majid menyambung pelajaran di Pusat Latihan Harian di Seremban pada tahun 1962. Pada tahun 1964 lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai calon persendirian.

Ali Majid pernah mengajar di Sekolah Kebangsaan Pantai, Seremban. Walau bagaimanapun, tugas sebagai guru tidak diteruskan kerana tidak lama kemudian beliau berhijrah ke Bandar Seri Begawan bertugas sebagai Pengarang di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Semasa di Brunei, beliau lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan pada tahun 1974 juga sebagai calon persendirian.

Pada tahun 1975, diterima masuk ke Universiti Malaya selama tiga tahun dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam tahun 1978. Selepas itu Ali bertugas sebagai tenaga pengajar di Universiti Malaya, sambil menyiapkan tesis sarjananya tetapi tidak dapat diselesaikan. Kini beliau bertugas sebagai Pegawai Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ali telah berkahwin dengan Hidayah bt. Fadhil dan mempunyai dua orang anak.

Semasa bersekolah lagi, Ali Majid cenderung menulis, terutama puisi. Kegiatan dalam lapangan penulisan kreatif ini ditingkatkan semasa berada di MPSI Tanjung Malim. Semasa itu beliau telah melahirkan karya-karya seperti cerpen, puisi, rencana dan drama yang termuat di majalah-majalah maktab seperti Bayu dan Cenderamasa serta akhbar dan majalah tempatan. Dalam satu berseutan mengarang cerpen anjuran Persatuan Bahasa Melayu di maktab tersebut pada tahun 1961, beliau telah memenangi hadiah pertama dan menggondol plakat Tunas Bahasa.

Kemunculannya sebagai cerpenis mendapat perhatian rasmi apabila kegiatannya menulis diteruskan setelah keluar dari maktab. Karyanya banyak mendapat tempat dalam majalah dan akhbar seperti Dewan

LAHIR:

2 September 1940,
Semendeh, Tampin,
Negeri Sembilan.

ALAMAT:

14, Lorong B2
Kompong Pandan,
Kuala Lumpur.

Masyarakat, Dewan Sastera, Angkatan Baru, Mastika, Berita Minggu, Mingguan Malaysia, Berita Harian dan Utusan Zaman.

Salah sebuah cerpennya yang cukup popular ialah "Pensel Sabatang" yang tersiar dalam *Dewan Masyarakat* keluaran Oktober 1965. Amat jelas bahawa Ali Majid berjaya menyetami jiwa murid-murid yang diceritakan dalam cerpen ini.

Pada tahun 1971 dan 1972, Ali Majid telah menerima Hadiah Karya Sastera tahunan dalam lapangan cerpen, iaitu dengan cerpen "Penunggu" (1971), "Ngayau" dan "Semacam Kepuasan" (1972). Beberapa buah cerpen beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Jerman dan Rusia. Kumpulan cerpennya yang pertama berjudul *Dalam Diri*, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1974.

Ali Majid mempunyai bakat yang kuat untuk menghasilkan cerpen-cerpen bermutu. Walaupun Ali Majid bukan penulis yang produktif, namun terbukti bahawa beliau dapat menguasai bentuk penulisan cerpen dan betul-betul memahami subjeknya. Dia adalah di antara penulis yang teliti dan lebih mementingkan mutu dari kuantiti kerja.

KARYA:

CERPEN - "Pensel Sabatang", *Dewan Masyarakat*, Oktober 1965, hlm. 54-60; "Penunggu", *Dewan Masyarakat*, April 1971, hlm. 54-59; "Semacam Kepuasan", *Dewan Sastera*, Februari 1972, hlm. 10-12; "Ngayau", *Dewan Sastera*, Oktober 1972, hlm. 27-28, 50-51; *Dalam Diri*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 139 hlm; "Hari", *Dewan Sastera*, Ogos 1978, hlm. 12-17. KAJIAN - "Tema dan persoalan Dalam Cerpen-cerpen Mutiara", (Latihan lisan untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sastera di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1978).

RUJUKAN:

Ilias Zaidi, "Dalam Diri", *Dewan Sastera*, Oktober 1974, hlm. 12-15; "Liburan Panel Hadiah Karya Sastera 1972", *Dewan Sastera*, April 1973, hlm. 8-10; M. Noor Azam, "Cerita Pendek Oktober 1965", *Dewan Bahasa*, Disember 1965, hlm. 557-564.



HARUN HAJI SAILEH

Menggunakan nama samaran Terubalara. Dilahirkan di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti, Negeri Sembilan (1935). Walaupun pendidikan khusus yang diterimanya setakat sekolah menengah, tetapi hasil pembacaan dan pengalaman hidupnya yang jauh merantau, membantu beliau menjadi seorang penulis kreatif yang baik. Beliau telah berhijrah ke Sabah sejak berusia belasan tahun, pernah bertugas di Jabatan Pertanian dan kini menjawat jawatan Penterjemah Kanan / Penyelia Berita di RTM Kota Kinabalu. Beliau menulis sejak tahun 1953 dan sejak akhir-akhir ini banyak memenangi hadiah peragaan antaranya hadiah pertama novel Di Sebalik Sebuah Kubuk (Sempena Abad 15 Hijrah). Hidayah adalah pemenang Peraduan Mengarang Novel Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama). Beliau juga menulis cerpen, drama dan puisi.



ABDUL MULK DAUD
(DHARMALA M.B)

Dilahirkan pada 21 Disember 1947 di -
Kampung Bacang Menting, Teriang, Jelebu.
Mendapat pendidikan awal di Sekolah Ma-
layu Kampung Teriang (1953 -58) hingga
darjah VI. Kemudian di Sekolah Menengah
Malayu Seremban (1959 -61) hingga ting-
katan III. Beliau mula menulis pada tahun
1961 -dalam bidang puisi, cerpen, drama
novel dan rencana. "Tiwa yang Berkoher"
adalah puisi pertama beliau yang disiarkan
di dalam majalah Dewan Masyarakat.
Drama " Dato Uban Siawang Gagah " nya telah
disiarkan oleh radio Malaysia Kuala Lumpur
pada 4 Mei 1969. Telah menghasilkan novel
Lonjak Tercinta (1979), Jejak Pulang,
(1979), Jaragan (1987) dan beberapa buah
cerpen yang sering memenangi berbagai sa-
yembara dan pertandingan yang diadakan.



NOR. NOR ABDUR GHANI

Beliau lebih dikenali dengan nama Norzah. Dilahirkan pada 16 September 1937 di Kampung Perachi, Negeri Sembilan. Beliau adalah lulusan Universiti Malaya (1959-62) dan kemudiannya lulus M.A. University of Pittsburgh (USA) pada tahun 1969.


Mula menulis pada tahun 1959 dalam bidang cerpen, puisi, esei, drama, kritikan dan lain-lain. " Kuasa Si Dawa" dan " Bulan Bahasa" adalah cerpen dan puisinya yang pertama sekali disiarkan dalam akhbar Berita Harian dan Berita Minggu. Kira-kira sebanyak 70 buah cerpen dan lebih kurang 10 buah puisi telah disiarkan dalam akhbar dan majalah seperti Dewan Sanjaya, Dewan Bahasa, Mastika dan lain-lain.

Paradigma adalah antologi bersamanya yang diterbitkan pada tahun 1966. Beliau pernah beberapa kali memenangi pertandingan mengarang cerpen yang dianjurkan oleh Berita Harian.



MOKHTAR BIN JAMALUDDIN.

Mokhtar Jamaluddin atau Mokjemos dilahirkan pada 16 Jan 1948 di Kuala Pilah. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Inggeris Tunan Muhammad, Kuala Pilah, Negeri Sembilan hingga tingkatan IV. Pernah menjadi peserta kursus Penulisan Kreatif UKM (1977/78). Bertugas sebagai Traffic Hand, MAS, Kuala Lumpur. Mula menulis pada tahun 1967 dalam genre cerpen, puisi, novel, novel kanak-kanak, dan rencana. Karyanya pernah tersiar di dalam Dewan Sastera, akhbar-akhbar, dan lain-lain majalah lagi. Telah menghasilkan novel Pauk dan 38 buah novel kanak-kanak. Juga pernah memenangi hadiah saguhati Peraduan Novel Kanak-kanak DBP 1978.



ISMAIL ABDUL HADI

(ISMALA)

Ismail Abdul Hadi adalah nama kepada Ismala. Dilahirkan di Remban, Negeri Sembilan pada 2 Jun 1940. Mendapat pendidikan di Maktah Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan kesudiannya lulus Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) di bidang Sejarah dari Universiti Malaya pada tahun 1974.

Beliau mula mencoburkan diri ke dalam dunia penulisan sejak tahun 1956. " Memuntut Ilmu " adalah merupakan puisi beliau yang pertama disiarkan di dalam akhbar Utusan Kanak-kanak (1960). " Pelukan Jiwa Suci " pula merupakan cerpen Ismala yang telah berjaya memenangi tempat ketiga dalam pertandingan Cerita Pendek di MPSEI (1960). Sama seperti penulis - penulis yang menganggotai PEN, Ismala juga banyak menghasilkan puisi- puisi dan termuat di dalam Suara Karya, Gema Serunai Hati, Desir Aidilfitri dan Meratap Semak iaitu kira-kira lebih dari seratus buah puisi. Sementara dalam bidang drama, Ismala juga pernah menghasilkan skrip drama pentas, iaitu kira - kira dua puluh buah tajuk skrip dan dipentas serta disiarkan di Radio Malaysia Kota Bharu suatu masa dahulu. Ibuku Sayang, Sedrik Tidak Berakal adalah drama beliau yang telah diterbitkan oleh K. Publishing.

Selain dari itu, Ismala juga banyak menghasilkan rencana dan esei- esei seperti yang pernah disiarkan di dalam Nastika, Dian, Al- Islam, Majalah Santajawa, Jurnal Warisan, Berita Harian, Berita Minggu dan sebagainya.

Beliau kini bertugas sebagai Pegawai Perkhidmatan Tadbiran di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan di samping menjadi Ketua Satu kepada Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN).



MAHAYA MOHD. YASSIN
(AMNY , ES MAYA)

tak terlupakan

*sewaktu-waktu
saat seperti ini mampesuneken lantes mencuit rasa
seakan-akan dera! tawamu
mengelus-slus di jiwa
lantes membukakan
ruang bagiku melalazkan
bahawa yang kuharungi ini sesungguhnya
suatu gerak yang amat menggugah
tapi dilapduni syahdu kerelaan
hingga kadangkala aku terlupa akan diriku
(maafkan memamu, sayangku)*

*yang teguh menunjang keyakinan
adalah dirimu yang tak terlupakan
bagai senja sutera ini
menatang ketibaan maiem.*

dis. '78.

MAHAYA MOED. YASSTIN

Menggurakan nama samaran ' Ammy ' dan ' Ma Maya ', dilahirkan di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 30 Julai 1948. Beliau adalah pelajar lepasan Pusat Latihan Guru, Seremban dan mula bertugas pada tahun 1970. Kini menetap di - Rumah Rindu, Taman Pawai Jaya, Seremban. Mahaya pernah mengikuti Kursus Penulisan PENAS (1972) dan Buku Kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (1971) . Beliau juga pernah mengikuti Kursus Penulisan Kreatif dan Diskriptif di Universiti Malaya (1980 - 1982) . Menganggotai PEM (Persatuan Penulis Negeri Sembilan) dan kini menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Raja Melawar, Seremban.

Kegiatan Penulisan:

Mula menulis : 1964
 Jenis-jenis tulisan : Cerpen, Puisi, Novel dan Rancangan.
 Penerbitan yang menyiarkan : Akhir Berita Harian, Berita Minggu, Dewan Sastera, Kanita, Dewan Siswa dan lain- lain.

Beliau mula menulis semasa menuntut di Sekolah Menengah Tunas Kirshiah, Kuala Pilah. " Aku Mengebara ", " Jaga Bonda " dan " Gelombang Gemas " (1970) merupakan puisi dan cerpen pertamanya yang disiarkan di dalam majalah sekolah, akhbar Berita Harian dan Dewan Sastera . Beliau telah menghasilkan kira - kira tiga puluh buah cerpen dan lebih kurang dua ratus buah puisi. Di Sisi Rinda (antologi cerpen remaja - bersama, DBP, 1988) dan antologi cerpen Kanak-kanak Si Gadis Bunga , DBP, 1988 adalah merupakan karya beliau yang terbaru dihasilkan. Di samping itu beliau juga pernah menulis skrip drama umpamanya " Hijrah " , sempena Maal Hijrah Negeri Sembilan 1988 - bagi pihak Maktab Perguruan Raja Melawar.

Beliau kini lebih memperlihatkan kecenderungannya dalam bidang penulisan sastera remaja dan kanak -kanak di samping mencipta puisi.

apakah yang beriak di hati mahaya? dan apa yang berombak di jiwa agus?

sebuah pembicaraan mengenai antologi puisi bersama

TAHUN-TAHUN kebelakangan ini, terutama sejak Hadiah Sastre Tun Abdul Razak, bormula pada tahun 1971, telah memperlihatkan satu ciri tersendiri dengan munculnya berbagai antologi puisi di tanahair kita. Ini amat menggalakkan dan merupakan satu pertanda sihat dalam perkembangan puisi.

Tetapi satu hal yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa penulis-penulis muda yang baru muncul itu kurang mendapat perhatian yang wajar dari para penelaah atau pengkritik sastra kita. Pengkritik kita lebih banyak menumpukan perhatian kepada karya-karya sastra elitisan penulis-penulis yang telah *established*. Pada hemat saya kemunculan penulis-penulis baru itu haruslah juga mendapat perhatian dan karya-karya yang mereka hasilkan juga harus diperkatakan, terutamanya karya-karya puisi yang lahir dalam bentuk antologi.

Dalam rencana ini saya akan cuba menyorot dua buah antologi puisi yang baru diterbitkan berjudul *Sebuah Lagu Maya* dan *Rakaman Maya* yang memuat puisi-puisi penyair muda suami isteri Mahaya Mohd. Yassin dan Agus Salim. Sebenarnya antologi puisi *Sebuah Lagu Maya* ini terbagi kepada dua bahagian di mana bahagian pertama termuat puisi-puisi penyair Mahaya Mohd. Yassin di bawah judul besarnya *Sebuah Lagu* yang merangkum sebanyak 29 buah puisi yang dihasilkannya antara tahun 1967-1971. Dan pada bahagian kedua memuat puisi-puisi penyair Agus Salim di bawah judul besarnya *Maya* yang merangkum sebanyak 18 buah puisinya antara tahun 1968-1971. Antologi *Rakaman Maya* juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama memuat puisi-puisi Mahaya Mohd. Yassin dari tahun 1972-1974 yang mengandungi sembilan buah puisi dan bahagian kedua pula memuat puisi-puisi Agus Salim dari tahun 1972-1974 yang mengandungi sebanyak 28 buah puisi. Bahagian pertama di bawah judul besarnya *Rakaman* sedangkan bahagian kedua dengan judul besarnya *Maya*.

Sebuah Lagu Mahya dan Rakaman Mahya merupakan antologi-antologi puisi stensilan yang diterbitkan oleh Pustaka Tun Perak, Negeri Sembilan pada tahun 1975. Namun saya percaya *Sebuah Lagu* dan *Rakaman* bukanlah merupakan antologi pertama bagi penyair Mahya Mohd. Yassin, kerana sebelum ini puisi-puisinya telah pernah di antologikan bersama dengan penyair-penyair tempatan lainnya dalam *Gema Membelah Gema 3* dan juga *Seruni Hati*.

Dalam perkembangan puisi Malaysia, penyair Mahya Mohd. Yassin tentulah tidak asing lagi, karya-karyanya sejauh ini telah sering mengial sanggar puisi di majalah-majalah dan akhbar tempatan seperti *Dewan Sastera*, *Mingguan*, *Dewan Masyarakat dan Pemimpin*.

Meneliti puisi-puisi dalam *Sebuah Lagu* dan *Rakaman* ini saya rasa ada beberapa hal yang menarik terutama dari aspek tema yang dipersoalkan oleh penyair. Namun kalau ditinjau tentang teknik penulisan pada kedua-dua antologi Mahya ini nyatalah tidak menampakkan sebarang perubahan terutama dari segi bentuknya. Bentuk puisi-puisi Mahya sederhana sekali.

Dalam *Sebuah Lagu* kebanyakan puisi Mahya benar-benar merukamkan suara hatinya. Ada di antara puisi-puisinya dirasakan sungguh melankolik, pesimis dan ada pula yang cukup optimis. Pendeknya berbagai perasaan terungkap dalam puisi-puisinya. Dalam *Rakaman* terdapat pula beberapa buah puisi Mahya yang melukiskan tema-tema perjalanannya keluar negeri. Mahya sempat merakamkan kisah perjalanannya seperti 'Kota London I', 'Kota London II', 'Ningara' di samping tema-tema lainnya.

Ditinjau dari segi teknik pengolahan pada keseluruhan puisi-puisi Mahya sederhana sekali. Mahya memilih tema-tema yang sering diolah oleh penyair-penyair kita. Dalam antologi *Sebuah Lagu* terdapat tema-tema penting misalnya kasih sayang, kedaualan, perpisahan, perasaun. Demikian juga pada antologi *Rakaman*. Ada pula beberapa buah puisinya yang sangat peribadi sifatnya.

Walaupun dari segi teknik dan pengolahannya sederhana, namun ini tidak pula bermakna bahawa puisi-puisi Mahya dalam kedua-dua antologi ini tidak memancarkan nilai-nilai sastra yang baik. Adunan imajinasi dan fantasi yang kuat dengan realiti peribadinya sehari-hari memungkinkan Mahya dapat menghasilkan beberapa buah puisi yang puitis dan kuat. Tidak pula dapat disangkal bahawa beberapa buah puisi Mahya dalam kedua antologi ini agak lemah dalam pengolahannya dan kurang memantulkan nilai-nilai estetikanya.

Mahya juga merupakan seorang penyair wanita yang masih setia kepada penggunaan bentuk-bentuk puisi yang normal, bentuk puisi seperti dalam tahun-tahun 1960-an. Dengan penyusunan bait dan rangkap yang teratur, tidak seperti puisi beberapa penyair muda yang begitu mudah melakukan percubaan dalam bentuk sehingga mengabaikan fungsi puisi itu sendiri terhadap pembacanya.

DALAM beberapa buah puisi Mahaya yang mengarah kepada persoalan peribadinya saya rasakan penyampaiannya cukup romantis. Ini kita maklumi kerana keadaan jiwa muda penyair, misalnya pada puisi-puisinya 'April 1970':

*hati ini
dita kita kian membara
bersama debaran
diaksi sebetuk cinta permata biru
ditimbah restu sanak sekeluarga
kita melangkah ke alam baru
hati ini obang
hati adik dikocak ripdu
dalam dua arah yang menyapu &
ditimpul keyakinan
kesetiaan dan
kasih sayang*

(Sebuah Lagu, hal. 10)

Begitu juga dengan puisinya 'Pertemuan I' dan 'Julai 1970' dan 'Pertemuan II':

Dalam antologi *Rakaman Maya* pula kita dapati Mahaya mengungkapkan beberapa buah puisi tentang objek di luar tanahairnya. Ini tentu saja hasil pemergiannya keluar negeri, lantas objek-objek tersebut mengihani jiwa kepensyairannya. 'London I' saya rasa lebih merupakan catatan pemundangan di tempat-tempat yang menarik di sekitar kota itu. Sajak 'London II' menyogokkan tentang kisah-kisah pemergiannya ke beberapa tempat menarik di Amerika Syarikat dan Kanada. Buat saya Mahaya hanya merakamkan kembali tentang kisah-kisah perjalanannya.

Puisi 'Kelahiran' dan 'Bersamaan' merupakan puisi Mahaya yang mengungkapkan tentang kelahiran putranya yang sulung Shazmeer Rizal. Tentu saja sebagai seorang ibu, kelahiran putra pertama itu satu hadiah yang sangat dinantikan kelibannya.

KERUNSIKAN jiwa penyair sewaktu menunggu kelahiran putra selungunya ini terungkap jelas dalam puisinya 'Lagu Berjauhan Saat Menunggu'. Kegelisahan dan kerunsingan itu bukan saja diakibatkan menanti kelahiran putranya tetapi juga kerana berjauhan dengan orang yang dicintainya.

*setiap kerinduan yang membisik
dan kesepian yang mengusik
bagai diri diulang-aling buih
dari pagi ke senja, dari senja ke pagi
dengan gelora yang tak terucapkan*

(Rakaman Maya, hal. 16)

Dalam pemilihan kata-kata dan penyusunan kalimatnya, alah penyair Mahaya cukup berhati-hati. Mahaya juga saya asa kurang menggunakan gaya personifikasi yang boleh menghidupkan lagi suasana puisi-puisinya, ini mungkin kerana penyairnya lebih banyak berbicara tentang dirinya. Mahaya juga kurang berbicara tentang alam. Dalam beberapa buah puisinya penyair kelihatan gemar kepada gaya pengulangan kata-kata. Ini mungkin untuk memperjelaskan lagi apa yang cuba diungkapkan, misalnya pada puisinya *suara hati*:

*bersama desir angin senja
bersama melodi diurung tukang
kian terkutap ruang ini
suara hatiku bergema sendiri
suara hatiku bergema
suara hatiku
bergema*

(*Rakaman Moya*, hal.6)

Terlepas dari kelemahan-kelemahan kecil dan tidak menuntut terdapat banyak soal tentang nilai estetis yang seharusnya ditubuhkan penyair dalam ciptaannya, satu hal yang jelas bagi kita ialah usahanya yang berlanjutan dalam penulisan puisi.

MEMBACA seluruh puisi Mahaya dalam kedua-dua antologi ini saya berani mengatakan bahawa penyair mempunyai satu patukan dasar di mana ia menggemaikan dirinya. Kita lebih banyak merasakan tentang rasa gelisahinya dalam menghadapi kewujudannya, terutama dalam menempuh saat-saat menjelang ketibaan hari bahagiana, menunggu ketahiran putranya dan dalam saat-saat berpisah jauh dengan orang yang dikasihinya. Namun semuanya itu dihadapi Mahaya dengan sabar.

Dengan terbitnya dua buah antologi Mahaya ini harus pula kita menyampaikan penghargaan padanya kerana menanggung resiko menerbitkan antologi ini dan tentunya dengan lahirnya antologi stensilan suami isteri menambahkan lagi jumlah bilangan antologi puisi dalam kesusastraan Melayu.

— Ruoli Istin
Mei, 10, 1975



PROFILE PENULIS:

MOHD SALLEH SALIMIN adalah Ketua Grup Penulis PEN yang ditubuhkan kira-kira tiga tahun yang lalu. Di samping menulis puisi beliau turut menghasilkan cerpen dan rencana.

"Tanjung Alam" dibaca sendiri di majlis perasmian Wisma UMNO Negeri Sembilan Mei tahun lalu di mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed turut serta waktu itu.

Mohd Salleh Salimin juga pernah membacakan puisi-puisinya di acara sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri, Hari Sastra dan Hari Puisi.

Beliau sedia diundang bagi membicarakan puisi "Tanjung Alam"-nya kepada cawangan-cawangan UMNO di negeri lain.

TUNJANG ALAM

*Tunjang alam
di musim-musim berlalu
tieda engkau dapat menyaksikan sendiri
debu ombak di muara Linggi
kabut tebal di guaung Angsi
gunung resah di Kampung Dangli
mimpi duka Anak Negeri.*

*Tunjang alam
dari tujuh sungai air mengalir
di tujuh gunung angin menyisir
di tujuh muara pasir mengkilir
tujuh suara dewa bersyair
gema-bergema suara zikir.*

*Kini;
di atas jejak-jejak yang basah
kami melangkah
timbang berat kata senakat
putusan hakikat tujuh sahabat
berkat masin air ludah
berkat hikmat dua keramat
batu-batu disusun tinggi
tegak berdiri Tunjang alam:
lambang perjuangan pribumi
bumbung bertingkat siang dan malam
indah tersergam di pusat Negeri.*

*Muara Linggi masih bergelora
mimpi bangsa masih membara
di atas jejak yang belum padam
resah terpancam membunyus dendam.*

*Kini;
Tunjang alam
engkaulah menjadi saksi
kami adalan anak pribumi
bulang bukan alang-alangan
mendirikan kebenaran di tujuh daerah
menjalankan hukum kehendak Allah
memutus kata mutang berbalah
menjunjung taat setia titan
tengad pohonmu berkat Allah.*

*Jika kemarau seluruh negeri
minum dan mandi air di kali
jangan digesek antah dan padi.*

*Jike condong teratak di ladang
jangan dikeping bendul dan jenjang
tembaga diaseh tak kan jadi emas tempawan.*

*Berkat kata diujung muafakat
junjungan alam payung sakti
Tunjang alam tegak berdiri
lambang keagungan anak Negeri.*

MOHD SALEH SALIMIN
Seremban.



SALIM HAJI TAJIR
(S.M.HATTA)

Beliau sering menggunakan nama Agus Salim atau S.M.Hatta. Dilahirkan di Muar, Johor pada 9 Mei 1939. Berkelulusan B.A. dari Universiti (UNAS), Indonesia pada tahun 1980. Kini bertugas sebagai seorang guru di salah sebuah sekolah di Seremban. Beliau mula mencurahkan diri dalam bidang sastra kreatif pada tahun 1956. Anak Angkat, Pilang Beri Istana dan Tumbang Batang Menumpang (terbitan Pajar Rakiti 1987) adalah merupakan novel-novel remaja yang telah dihasilkan oleh Agus Salim. Manakala di bidang penulisan cerpen pula, beliau telah menghasilkan kira-kira dua puluh buah cerpen umpamanya " Kebun Baru Pak Ali " (akhbar Kementerian Penerangan - 1958) disamping cerpen-cerpen lain yang telah disiarkan dalam akhbar dan majalah seperti Mutiara, Kesah, Dewan Bahasa dan Kingman Malaysia , yang lebih memfokuskan kepada bidang penulisan untuk kanak-kanak atau remaja. Begitu juga dalam bidang puisi, beliau telah menghasilkan kira-kira lebih kurang lima puluh buah puisi dan telah disiarkan melalui akhbar Berita Minggu serta majalah Malayan Malaya . Manakala dalam bidang drama, Agus Salim turut menghasilkan skrip drama, umpamanya " Hilang " dalam Siri Teksi dan " Berdamai " dalam siri Mentari Bangsa (masih dalam simpanan perarbit). Selain dari itu, beliau juga telah menghasilkan karya dalam bentuk buku iaitu Ulasan Hikayat Malim Deman .

Kini, bergiat aktif dalam Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan memegang jawatan sebagai Setiausaha Satu sejak beberapa tahun yang lepas.



ABDUL RAHIM ISMAIL
(RAHIMI N.S.)

Menggunakan nama penaanya Rahimi N.S. Dilahirkan di Kampung Sungai Jelutong, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 27 September 1942. Beliau adalah lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak (1963). Mula menebarkan diri dalam dunia penulisan sastra sejak di maktab lagi (1963). Puisi " Padamu Jua " adalah karya beliau yang pertama dan telah tersiar di dalam Utusan Zaman (1963). Sementara dalam antologi puisi bersama Jika Kau Rindu terbitan DBP, 1988) telah memuatkan tiga buah puisi Rahimi N.S. Selain dari itu, beliau juga sering memuatkan puisi-puisinya di dalam ruangan Suara Karya, Gema Seruni Hati, Desir Aidilfitri dan antologi puisi Meratap Sembak iaitu terbitan PEN. Beliau telah menjadi anggota PEN sejak beberapa tahun yang lalu, sehingga kini masih lagi bergiat dalam PEN dan sering mewakili PEN menghadiri Seminar, Simposium, Hari Sastra, Bengkel atau pertemuan-pertemuan sastra yang diadakan oleh badan-badan penulis di tanahair.

" CINTA "

Cinta sebenar
adalah keberanian
pada peribadi :
syukur dalam ketenangan
syukur dengan keamanan
syukur dengan kebahagiaan
syukur dengan keimanan.

Cinta sejati
adalah pengorbanan
pada diri :
reda dengan kesukahan
reda dengan kesukaran
reda dengan kesengsaraan
reda dengan dugaan.

Cinta itu adalah
sinarnya murni
berlabuh di ufuk jiwa
tercambah di dada hati
yang diterangi iman
dengan teguh setia.

(Gema Membelah Gema 2,
antologi puisi Hari
Puisi Nasional Kesebelas,
1988, hlm. 55)



ZULKIFLI BIN ABU

Menggunakan nama pena ZULABN .N.S atau KAHIL. Dilahirkan pada 10 Disember 1953 di Batu Lapan, Labu, Seremban. Beliau adalah lulusan Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama) dari Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, (1987). Kini bertugas sebagai seorang Guru. Zulabu N.S. telah mula mencabar diri dalam lapangan penulisan sejak tahun 1972 iaitu dalam Penerbitan Maktab. Beliau lebih cenderung kepada penulisan rencana dan cerpen. Cerpen pertamanya " Azizah " tersiar dalam majalah Salina (Januari 1976). Setakat ini telah menghasilkan sebanyak 28 buah cerpen. Ayahku Seorang Siwa (antologi cerpen) , Bumi Hijau dan Diari Seorang Pelajar (antologi cerpenya dalam proses penerbitan). Beliau juga telah menghasilkan puisi-puisi yang berjudul " Kalen Suatu Hari Nanti " dan " Buat Kita yang Amat Perlu " , telah tersiar dalam majalah Kisah Cinta dan juga majalah PEKA (UPK). Sementara dalam bidang drama, Zulabu juga pernah menghasilkan skrip drama pentas yang berjudul " Bukan Keris Penentu Waris " dan " Jebat Modern ". Di samping mengajar, beliau juga menjadi pemberita sambil kepada akhbar Serita Harian, khususnya di daerah Seremban.



ZAKARIA ALI

Tertkenal sebagai pelukis dan penyair yang banyak menerima pengalaman di luar negeri. Dalam buku *Famoran Persegarangan*, terdapat catatan-catatan, sketsa-sketsanya yang dianggap sebagai rekod pengalaman dan kesan-kesan realiti. Karya-karyanya pernah mendapat Hadiah Sastera, sejak 'Sungai' bagi tahun 1971 dan cerpen 'Arah ke Selatan' bagi tahun 1975. Lahir di Kampung Batu, Rembau, Negeri Sembilan pada 21 Julai 1948. Zakaria mendapat ijazah sarjana dari Stephen F. Austin State University, Texas (1972-73). Kini menjadi penyairah Senior Hulus di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

" SUNGAI "

Sungai ini tak pernah menyoyal dari mana ia bermula
Sebab arusnya terlalu membuta menuju deras ke Kuala
Di pergunungan tika ia ngalir ganas melalui terjunan
Jeritannya menjadi hiba sebab disenyapkan oleh hujan
Di lembah ngalirnya perlahan kerana bumi kian mendatar
Ia berbisik tentang mimpi yang diharumi oleh Si Mawar
Dan di lautan ia belum pasti ingin bercampur
Sebab dirinya haiwan dan badannya penuh lumpur.

Musim Panas 1970
New Mexico.

ABDUL RAHMAN SIBEK
(WAGIMAN N.S.)

Beliau lebih dikenali dengan nama Wagiman N.S. Dilahirkan di Rambau , Negeri Sembilan pada 21 Ogos 1948. Bertugas sebagai pegawai kerani di Sekolah Kebangsaan Aetana Raja, Kota, Negeri Sembilan. Mula menulis sewaktu berusia dua belas tahun dan pernah berlakon dalam drama "Mang Tuah" . Bergiat aktif mulai tahun 1972. Beliau pernah mengambil bahagian dalam pertandingan drama anjuran Jabatan Kebudayaan Helia dan Sukan (JKBS), Negeri Sembilan. Drama pertamanya " Anak Menantu " (1973) telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan drama seluruh Negeri Sembilan. Wagiman pernah dua kali memenangi Pesta Teater peringkat Kebangsaan dengan judul dramanya " Mencari Zaki Langit". Drama " Jantung " yang dihasilkan oleh Wagiman N.S. pernah memenangi Hadiah Komedi Terbaik peringkat kebangsaan dan telah dipentaskan sebanyak 52 kali. Juga , beliau pernah menjadi johan dalam penulisan puisi anjuran PEN.

Antara skrip drama yang telah dihasilkan oleh Wagiman ialah; " Sentan Berlada " (drama T.V), " Jejak Lema", " Nasi Lemak Kacang Kuda ", " Dulang Tembaga ", " Hidayah " " Tapak Baru ", " Harijadi " (drama pentas) dan " Tok Man " (drama T.V - swasta).

Wagiman N.S. juga pernah menjadi pembicara sembilan kepada akhbar Berita Harian dan BERNAMA. Di samping itu, beliau juga pernah menjadi pelakon dalam beberapa buah drama umpamanya drama " Sisa Harisan" (drama swasta) yang mengisahkan peristiwa - peristiwa di zaman darurat yang mana penggambarannya diedakan di Kaupung Kata dan Kampung Tapek, Padang Leber , Batu Kikir Negeri Sembilan pada bulan Disember 1988 hingga Februari 1989 dan dijangka akan disiarkan tidak lama lagi.



RUSMAN HAJI SHARIFF

(MAN LARA)

Dilahirkan di Kampung Tijan, Nilai, Seremban pada 10 Mei 1962. Mendapat pendidikan sekolah rendah sehingga darjah enam. Beliau telah mula menulis sejak tahun 1976. Tetapi bergiat aktif mulai tahun 1988. Karya pertamanya " Diah Bayangku " telah terbit dalam majalah Remaja (1988). Selain dari itu telah menghasilkan cerpen-cerpen iaitu " Pucuk Paku Merah " (Berita Minggu, 11 Oktober 1988) dan " Air Mata Mak Tumpah " (Berita Minggu, 9 Oktober 1988) yang mendapat ulasan daripada ancik Othman Futeh. Beliau kini sedang menunggu kelahiran novel selungunya berjudul Mahasiswa yang Pulang .

Rusman Shariff, adalah merupakan salah seorang penulis muda yang baru muncul . Kemuliaan atas dorongan minat dan bakat semula jadi yang ada.

LAMPIRAN B

SOAL SELIDIK

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(JABATAN PENUNJUTAN MELAYU)

SOAL KULIAH INI ADILAH UNTUK LATIHAN ILMIYAH YANG
BERJUDUK : SUMBANGAN DAN PERANAN PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN
MELAYU MODEN .

Di bawah ini dikemukakan beberapa soalan mengenai
penulis-penulis Negeri Sembilan. Saudara/i diminta
memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap
soalan yang dikemukakan.

Kerjasama saudara/i sangat-sangat diharapkan dan
diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

PANDANGAN SAUDARA/I TERHADAP PENULIS _____

LATIFF MOHDIN

BAHAGIAN A

Nama : SAHAFIE BEN ABU BAKAR
Bangsa : Melayu
Pekerjaan : Pensyarah
Umur : 47
Jantina : Lelaki

BAHAGIAN B

- 1) Adakah saudara/i pernah membaca novel/cerpen/sajak
yang dihasilkan oleh penulis di atas?

Ya

Meninjau tentang tema dan permasalahan yang dikemukakan oleh penulis di atas, bagaimana pandangan atau komen saudara/i?

Bagi saya tema yg lebih tepat persoalan alam - ds. pdng yang bersifat mistis dan mengasyikkan.

Menyentuh tentang stail penulisan, ap kah komen saudara/i mengenai stail yang digunakan?

Beliau mempunyai idemiti tersendiri dalam stail penggambaran puisinya. Bahasanya lembut dan mengasyikkan.

4) Apakah pandangan saudara/i terhadap plot dan watak dalam cerpen/novel _____?

5) Sejauhmanakah penerapian imaji alam dalam sajak-sajak beliau?

Menang lumrah sekali, contoh - Gerluis Tumbuk.

6) Pada pandangan saudara/i, apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada beliau berbanding dengan penulis-penulis lain?

- Hampir mengungkapkan sesuatu tema secara mistis & magisatif dan
- Dapat mengemukakan angle (sudut) yang tidak biasa di ketengahkan oleh pengail umum.
- Bahasa yg hidup dan mengasyikkan

- 7) Adakah boleh dikatakan bahawa beliau merupakan seorang novelis/cerpenis atau pengajak yang produktif? Kenapa sendara/i menyifatkan demikian?

Ya dalam aspek m-a-l-i-t-a
pengetahuannya... Tapi ini sudah
agak kurang.


- 8) Pada pendapat sendara/i antara sajak/cerpen/novel beliau, yang manakah dpt dianggap paling banyak. Mengapa?

Be. Dari segi antologi
ialah - Pesisir waktu
- Dari Sajak lainnya (sebuah)
Pesisir waktu.

- Telegraf di dalam - keindahan puisi
dan kekuatan imajinasi dan fikiran
9) Lain-lain pandangan dan pendapat : dan fikiran yang
- Beliau pengaji yang penting
di Malaysia
- dan juga tempat yg penuh
di dalam perkembangan puisi Malaysia

SEKIAN TERIMA KASIH

Yang Benar



RUSLANA BINTI HAJI SULAIMAN

BARUN KEPUNJIAN (c)

JABATAN PERSURATAN KELAYE

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(JAPATAN PERSURATAN MELAYU)

SOAL SELIDIK INI ADALAH UNTUK LATIHAN ILMIAH YANG
BERTAJUK : SUMBANGAN DAN PERANAN PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM PERKEMBANGAN KESUSASTERAAN
MELAYU MODEN .

Di bawah ini dikemukakan beberapa soalan mengenai
penulis-penulis Negeri Sembilan. Saudara/i diminta
memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap
soalan yang dikemukakan.

Kerjasama saudara/i sangat-sangat diharapkan dan
diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

PANDANGAN SAUDARA/I TERHADAP PENULIS DHARMAWIJAYA
(KAMARUZZAMAN A. KADIR).

BAHAGIAN A

Nama : Abd. Muluk Daud
Bangsa : Melayu
Pekerjaan : Wartawan / Free lance writer
Umur : 41 thn
Jantina : Lelaki

BAHAGIAN B

- 1) Adakah saudara/i pernah membaca novel/cerpen/sajak
yang dihasilkan oleh penulis di atas?

YA.

- 2) Meninjau tentang tema dan persoalan yang dikemukakan oleh penulis di atas, bagaimana pandangan atau komen saudara/i?

BANYAK MENUPKAN SEMANGAT NASIONALISME
DAN PATRIOTIK DALAM BAHASANYA YANG LEMBUT
SEPERTI SAJAKNYA "SUMPAH TANAHAIR", "KAMPUNG
TALANG" DAN BEBERAPA LAGI YANG TERHIMPUN
DALAM ANTOLOGI "WARNA MAYA".

- 3) Menyentuh tentang stail penulisan, apakah komen saudara/i mengenai stail yang digunakan?

STAIL PENULISANNYA MASIH TIDAK LARI DARI
UNSUR-UNSUR TRADISI YANG MEMENTINGKAN
UNGKAPAN BERIRAMA

- 4) Apakah pandangan saudara/i dari segi plot dan watak dalam cerpen/novel BELIAU TIDAK MENGHASILKAN
CERPEN ATAU NOVEL.

- 5) Sejauhmanakah penampilan imej alam dalam sajak-sajak beliau?

BANYAK MENAMPILKAN IMEJ ALAM SEPERTI, ^{PUNCAK} KE^A GUNUNG
^{ALUN} KAMPAR, KE DASAR LAUT KEJUJURAN (LIHAT "SUMPAH TANAHAIR)

- 6) Pada pandangan saudara/i, apakah keistimewaan-keisti-mewaan yang ada pada beliau berbanding dengan penulis-penulis lain?

BAHASA PUSINYA YANG INDAH SERTA PENGUCAPANNYA
YANG SETIA TERHADAP TRADISI SERTA ALAM
SEJAGAT.

- 7) Adakah boleh dikatakan bahawa beliau merupakan seorang novelis/cerpenis atau penyajak yang produktif? Kenapa saudara/i mengatakan demikian?
PENYAIR PRODUKTIF - WALAUPUN MENGHASILKAN
SEBUAH ANTOLOGI SAJA, NAMUN SAJAK-SAJAKNYA
BANYAK TERSIAR DI PELBAGAI AKHBAR
DAN MAJALAH.
- 8) Pada pendapat saudara/i antara sajak/cerpen/novel beliau, yang manakah dpt dianggap paling berjaya. Mengapa?
SAJAK "SUMPAH TANAHAIR" DAN "KAMPUNG
TALANG" KERANA PERNYATAAN NASIONALISME
DAN PATRIOTIK AMAT JELAS TERJELMA
DALAM PENGUCAPAN YANG CUKUP BERKESAN.
- 9) Lain-lain pandangan dan pendapat :
BELIAU DIKIRA TERGOLONG PENYAIR MALAYSIA
YANG MELANJUTKAN TRADISI KEPENYAIRAN
SELEPAS USMAN AWANG.

SEKIAN TERIMA KASIH

Yang Benar

 RUSLINA BINTI HAJI SULAIMAN
 TAHUN KEPUJIAN (4)
 JABATAN PERSURATAN MELAYU
 FAKULTI SAINS KOMUNITI DAN KEMANUSIAAN
 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
 43600 BANGI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

• (JABATAN PENSURATAN MELAYU)

SOAL SELIDIK UNT ADALAH UNTUK LATIHAN TULISAN YANG
BERSIFAT : BUNDAWAN DAN PERALAN PENULIS-PENULIS
NEGARI SEMBILAN DALAM PERTEMBAHAN KESUSASTERAAN
MELAYU KODEN .

Di bawah ini dikemukakan beberapa soalan mengenai
 penulis-penulis Negeri Sembilan. Saudara/i diminta
 memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap
 soalan yang dikemukakan.

Kerjasama saudara/i sangat-sangat diharapkan dan
 diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

PANDANGAN SAUDARA/I TERHADAP PENULIS _____

SHARMAWIJAYA

BAGIAN A

Nama : SHAFIE ABU BARAK
 Bangsa : MELAYU
 Pekerjaan : PENYURAT
 Umur : 47
 Jantina : LELAKI

BAGIAN B

- 1) Adakah saudara/i pernah membaca novel/cerpen/sajak
 yang dihasilkan oleh penulis di atas?

Ya

- 2) Meninjau tentang tema dan persoalan yang dikemukakan oleh penulis di atas. bagaimana pandangan atau komen saudara/i?

Lebih kepada persoalan desa
dan kehidupan kelukanya.
Agak tradisional yg dan mirip
kepada pengucapan puisi tradisi.

- 3) Menyentuh tentang stil penulisan, apakah komen saudara/i mengenai stil yang digunakan?

Stilnya agak terlihat dg
ciri-ciri tradisi, bahasanya
agak berirama.

- 4) Apakah pandangan saudara/i dari segi plot dan watak dalam cerpen/novel? _____

- 5) Sejujukanakah penampilan imej alam dalam sajak-sajak beliau?

Banyak terdapat imej alam
lebih kepada desa dan tradisi.
Imej yg di kump dari alam tersebut.

- 6) Pada pandangan saudara/i, apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada beliau berbanding dengan penulis lain?

- Ungkapan yg ~~lebih~~ banyak
lebih bercorak tradisi - ~~gaya~~
dan agak berirama.

- 7) Adakah boleh dikatakan bahawa beliau merupakan seorang novelis, cerpenis atau penyajak yang produktif? Kenapa saudara/i mengemukakan demikian?

Tidak begitu produktif

- 8) Pada pendapat saudara/i antara sajak/cerpen/novel beliau, yang manakah dpt dianggap paling berjaya. Mengapa?

Dapat dilihat dari hasil kehidupan cinta.

Cinta Sayang di Savan bady.

- 9) Lain-lain pandangan dan pendapat :

- Mengandung perubahan dari segi bentuk dan pengucapan.
- Ada iden b'nyak tersendiri

SEKIAN TERIMA KASIH

Yang Benar



RUSLINA BINTI HAJI SULAIMAN

TAMU KEFUJIAN (4)

JADATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMAHUSIAAN

UNIVERSITI KEMANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI

UNIVERSITI KEDANGSAAN MALAYSIA

(JABATAN PERKURUTAN MELAYU)

SOAL SELIDIK INI ADALAH UNTUK LATIHAN ISMIAH YANG
BERTAJUK : GUMBANGAN DAN PERANAK PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM PERKEMBANGAN KESUSASTERAN
MELAYU MODEN .

Di bawah ini dikemukakan beberapa soalan mengenai
penulis-penulis Negeri Sembilan. Saudara/i diminta
memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap
soalan yang dikemukakan.

Korjasama saudara/i sangat-sangat diharapkan dan
diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

PANDANGAN SAUDARA/I TERHADAP PENULIS Dharmaputra
Kamantanu Bin Adnan

BAHAGIAN A

Nama : A. Rahim bin Hj. Ismail
Bangsa : Melayu
Pekerjaan : Guru
Umur : 46 th
Jantina : Lelaki

BAHAGIAN B

- 1) Adakah saudara/i pernah membaca novel/cerpen/sajak
yang dihasilkan oleh penulis di atas?

Ada - boleh dikatakan semua Sajak
Sajak yang tersiar di majalah / akhbar

- 2) Meninjau tentang tema dan persoalan yang dikemukakan oleh penulis di atas, bagaimana pandangan atau komen saudara/i?

Ja mengkritik masyarakatnya supaya bertaqwa
dan diintiprestasikan mesej yang di
kemukakan.

- 3) Menyentuh tentang stail penulisan, apakah komen saudara/i mengenai stail yang digunakan?

Ja mencuba menerangkan stail baru dan
gayahnya tersendiri.

- 4) Apakah pandangan saudara/i dari segi plot dan watak dalam cerpen/novel _____?

- 5) Sejujukanakah penempatan imej alam dalam sajak-sajak beliau?

Amat berterasa sekali, imej alam kreatif
yang berusaha menimbulkan kesan yang jitu.

- 6) Pada pandangan saudara/i, apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada beliau berbanding dengan penulis-penulis lain?

Beliau telah membentuk stailnya
sendiri dalam berkarya.

- 7) Adakah boleh dikatakan bahawa beliau merupakan seorang novelis/cerpenis atau penyajak yang produktif? Kenapa saudara/i mengatakan demikian?

Pada tahun-tahun 60an, 70an dan
awalan 80an beliau memang produktif.
Akhir-akhirnya, beliau agak kurang
produktif sedikit.

- 8) Pada pendapat saudara/i antara sajak/cerpen/novel beliau, yang manakah dpt dianggap paling berjaya. Kenapa?


Kampung Telang - kerana gambarnya
ny. bahasa pembangunan menunjukkan
sedikit kejiranan kepada penduduk
dan bandar supaya mewujudkan pembangunan negeri.

- 9) Lain-lain pandangan dan pendapat :

Beliau usahanya mencipta beliau telah
berjaya dalam bidang yang dikehendakinya,
melalui berbagai-gaya/eksperimenten.

SEKIAN TERIMA KASIH

Yang Berbah



RUELINA BINTI HAJI SULAIMAN

TABUNG KEPUJIAN (4)

JABATAN PENSURATAN KELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(JABATAN PERSURATAN MELAYU)

SOAL SELIDIK INI ADALAH UNTUK LATIHAN ILMIAH YANG
BERTAJUK : SUMBANGAN DAN PERANAK PENULIS-PENULIS
NEGERI SEMBILAN DALAM PERKEMBANGAN KESUSASTERAAH
MELAYU MODEN .

Di bawah ini dikemukakan beberapa soalan mengenai
penulis-penulis Negeri Sembilan. Saudara/i diminta
memberikan pandangan dan pendapat terhadap setiap
soalan yang dikemukakan.

Kerjasama saudara/i sangat-sangat diharapkan dan
diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

PANDANGAN SAUDARA/I TERHADAP PENULIS _____

SHARMA LA NU

BAHAGIAN A

Nama : ZULKIFLI ABU
Bangsa : MELAYU
Pekerjaan : GURU
Umur : 35
Jantina : LELAKI

BAHAGIAN B

- 1) Adakah saudara/i pernah membaca novel/cerpen/sajak
yang dihasilkan oleh penulis di atas?

PERNAH

